

Jilid 1
Bil. 56



Hari Selasa
30hb Jun, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman—Kebenaran
[Ruangan 9033]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9033]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 9117]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) [Ruangan 9118]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Permohonan Kewarganegaraan—Pasukan Petugas, Y.B. Tuan Lee Lam Thy
[Ruangan 9189]

Pembuangan Sampah oleh Kerajaan Tempatan—Y.B. Tuan P. Patto
[Ruangan 9193]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 30hb Jun, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUACUTI Y.B. DATIN PADUKA
HAJJAH RAHMAH BINTI
OTHMAN—KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman bagi kawasan Shah Alam dari 29hb Jun hingga 10hb Julai, 1987.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANKAWASAN ZON EKONOMI
EKSLUSIF—
PENCEROBOHAN

1. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pertanian menyatakan

sejak tertubuhnya Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) nelayan negara manakah yang kerap menceroboh Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif ini. Dan berapa banyakkah barang-barang rampasan. Adakah nelayan negara kita ditahan dan dihukum di negara jiran berkaitan dengan melanggar persetujuan Kawasan ZEE ini. Juga saya ingin tahu dengan penangkapan serta hukuman yang dikenakan terhadap nelayan Thai baru-baru ini adakah memberi kesan yang kurang baik terhadap hubungan baik Malaysia dengan Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, sejak tertubuhnya Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) nelayan yang kerap menceroboh kawasan ini ialah dari negara Thailand. Jumlah penglihatan ataupun sighting bot-bot dari negara itu di perairan ZEE kita ialah 4,130 buah bot. Dari jumlah ini 140 darinya telah ditangkap. Jumlah hasil yang dikenakan daripada denda pencerobohan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif ini ialah \$5,654,600. Barang-barang rampasan adalah termasuk 140 buah bot menangkap ikan. Nelayan-nelayan negara kita yang ditahan di negara jiran berkaitan dengan melanggar persetujuan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif ini ialah 59 orang. 57 orang telah ditangkap oleh Negara Indonesia dan 2 dicolek di Perairan Thai. Penangkapan serta hukuman yang dikenakan terhadap nelayan Thai baru-baru ini tidak menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan Thailand.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sama ada pihak Kerajaan cuba mendapat persetujuan, ratification, ke atas pengisytiharan Exclusive Economic Zone yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tidak lama dahulu supaya mengeratkan kesemua salah fahaman yang mungkin akan wujud dan juga untuk melicinkan pentadbiran pelaksanaan undang-undang ini.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkait dengan soalan penguatkuasaan. Adakah kemudahan penguatkuasaan pelaksanaan undang-undang ini sekarang sesuai atau cukup untuk memelihara hak-hak nelayan negara kita ini. Dua soalan sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan yang kedua terlebih dahulu berhubung dengan penguatkuasaan. Saya rasa setakat ini boleh dikatakan mencukupi kerana Jabatan Perikanan kita sentiasa bekerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasaan Maritime, termasuk TLDM, Polis Marin, Kadet Udara Polis dan TUDM dan di antara itu kita mengadakan beberapa operasi, seumpama operasi khas dan juga operasi bersama. Operasi bersama telah dan sedang dijalankan di antara Jabatan Perikanan dan lain-lain agensi.

Keduanya, berhubung dengan implikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa kita sebenarnya, setakat ini, berpuas hati dengan perjanjian yang telah kita persetujui dan walau bagaimana sekalipun kita sentiasa berbincang dengan Kerajaan Thailand. Sekarang pun kita berbincang beberapa perkara di peringkat Pegawai dan Insya Allah kita akan dapat menyelesaikan masalah ini satu masa nanti kerana Negara Thai adalah negara jiran kita.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan dengan penguatkuasaan Zon Ekonomi Eksklusif ini maka pihak Negara Thailand telah mendesak supaya satu perjanjian usahasama dapat diadakan di antara Negara Thailand dengan Negara Malaysia. Saya ingin tahu sejauh manakah perbincangan-perbincangan telah dijalankan di antara Negara Thailand dengan Malaysia dan apakah perkara-perkara yang dikemukakan oleh Negara Thailand untuk dipersetujui oleh Malaysia dan apakah implikasi terhadap pendapatan nelayan-nelayan Malaysia jika sekiranya semua syarat-syarat dan perkara-perkara yang dikemukakan oleh Negara Thailand itu dipersetujui oleh Malaysia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebagai saya nyatakan tadi, mesyuarat perjanjian mengenai tangkapan ikan oleh nelayan Negara asing di Perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia di antara Malaysia dan Thailand sedang berjalan di peringkat Pegawai dan masalah yang dibincangkan itu saya rasa tidak payahlah kita sebutkan di sini oleh sebab ianya berjalan di peringkat Pegawai.

LAPORAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN 1962

2. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa sehingga kini syarat-syarat yang telah dipersetujui tentang pelajaran dalam laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 belum lagi dipenuhi.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat yang telah dipersetujui tentang pelajaran dalam laporan Jawatankuasa Antara

Kerajaan tahun 1962 sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri sedar bahawa pelaksanaan cadangan-cadangan ini tidaklah dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan menerangkan apa sebabnya persetujuan itu tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini memandangkan beberapa projek seperti International Islamic University telah ditubuhkan pada tahun 1983, Universiti Utara telah ditubuhkan pada tahun 1984 dan projek-projek yang dikemukakan ini adalah lebih awal daripada tahun yang disebutkan itu? Mengapa projek ini dilewat-lewatkan sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan? Apa latar belakangnya, sila beritahu kepada Dewan yang mulia ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, apabila persetujuan dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan pada tahun 1962 apabila Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963 Kerajaan Persekutuan telah mempersetujui bahawa walaupun pelajaran merupakan satu bidang yang terletak di bawah kelolaan Kerajaan Pusat seperti yang termaktub dalam Artikel 74, Schedule 9 di dalam Perlembagaan Persekutuan, sekolah-sekolah di Sabah akan diberikan keistimewaan-keistimewaan seperti berikut: bahawa lanjutan seperti penggunaan bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia tidak diperlukan sebagai satu daripada syarat di dalam permohonan untuk mendapat peluang pelajaran sehingga Kerajaan Negeri menyetujui bahawa terdapat penyediaan yang cukup untuk pengajaran Bahasa Malaysia dan untuk menentukan supaya kehendak-kehendak tempatan diberi perhatian, Pengarah Pelajaran akan dinasihati oleh Lembaga Pelajaran Negeri Sabah

dan Jawatankuasa Pelajaran Tempatan dan dalam menambahkan kemudahan-kemudahan itu seperti keperluan pelajaran bagi Negeri-negeri Borneo termasuk menempatkan institusi pelajaran tinggi di negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diberi pertimbangan yang khas. Jadi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, fasal latar belakang itu kita dalam pelaksanaan perjanjian itu pusat-pusat yang telah ditubuhkan di negeri Sabah seperti kampus cawangan Universiti Kebangsaan dan kampus cawangan ITM dan juga Maktab-maktab Perguruan dan termasuk juga dalam pusat-pusat pengajian tinggi, syarat-syarat untuk kemasukan dilonggarkan bagi pelajar-pelajar dari Sabah.

TIMBALAN PERDANA MENTERI SEBAGAI PENERUSI KOMPLEKS KEWANGAN

3. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab maka Timbalan Perdana Menteri dikekalkan sebagai Pengerusi Kompleks Kewangan; adakah kerana negara ini tidak punya orang lain yang berkelayakan atau ia disyaratkan oleh Timbalan Perdana Menteri itu sendiri sebelum jawatan Kabinet itu diterimanya.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar itu menjadi satu syarat bagi saya memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan juga tidak benar anggapan yang menyatakan bahawa tidak ada orang yang layak memegang jawatan itu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah amalan seperti ini bercanggah dengan peraturan ataupun undang-undang? Kalau sekiranya bercanggah, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan, kalau tidak, mengapa.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tidak bercanggah kerana ini bukan jawatan "Executive Secretary"—non-executive.

PUSAT PELANCONGAN DI SABAH

4. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan sama ada beliau dan pihak Kementerian yang berkenaan telah dapat mengenalpasti pusat-pusat pelancongan khasnya di negeri Sabah. Jika ya:

- (a) sudah berapa banyakkah hingga setakat ini kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti dan di mana;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan dan mempercepatkan perlaksanaan pembangunan di pusat-pusat pelancongan tersebut.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian Pelan Induk Pelancongan bagi negeri Sabah telah dilaksanakan pada tahun 1979. Hasil dari kajian ini beberapa kawasan di negeri tersebut telah dikenalpasti sebagai pusat-pusat pelancongan. Di antaranya termasuklah memajukan Kota Kinabalu sebagai pintu masuk utama untuk pelancong-pelancong ke negeri tersebut dan dipertingkatkan lagi sebagai sebuah kota kosmopolitan dengan kemudahan-kemudahan termasuk tempat makan, yakni restoran dan juga tempat-tempat pelancongan yang menarik.

Memandangkan juga bahawa Kota Kinabalu berdekatan dengan Taman Negara Kota Kinabalu dan Taman Laut Tunku Abdul Rahman maka aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan

sumber alam semula jadi dicadang dimajukan di kawasan-kawasan ini.

Kawasan-kawasan lain yang telah dikenalpasti untuk membangunkan pelancongan di negeri Sabah ialah Sandakan dengan kemudahan penginapan, Pantai Dalek sebagai kawasan peranginan dan Kudat dengan kemudahan penginapan dan rekreasi serta aktiviti sukan laut.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pelancongan ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangannya. Kerajaan Negeri telah pun memajukan sebuah kompleks pelancongan, perhotelan yakni di Tanjung Aru sebagaimana yang dicadangkan dalam Pelan Induk tersebut. Di samping itu juga projek membina sebuah pusat pelawat di Kota Kinabalu ada disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, malangnya pembangunan projek ini hanya akan dapat dilaksanakan apabila keadaan ekonomi bertambah baik.

Dalam pelaksanaan projek-projek ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak sektor awam atau Kerajaan akan lebih menumpukan usaha-usaha dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas, mengawal pencemaran serta membangunkan kemudahan-kemudahan pelancongan kecil-kecilan. Selaras dengan konsep penswastaaan, saya inginlah menggesa pihak swasta untuk melibatkan diri dalam membangunkan projek-projek infrastruktur di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti ini.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjalankan usaha untuk memperkenalkan kawasan-kawasan seperti di pantai timur, khasnya di daerah Semporna di mana terdapat potensi-potensi seperti keindahan lautan dan juga Pulau

Mutiara dan juga tempat-tempat seperti banyak mengeluarkan benda-benda daripada makanan-makanan daripada lautan dan juga di Semporna didapati ada banyak unsur-unsur kebudayaan yang perlu juga diperkenalkan untuk menarik pelancongan. Adakah tempat ini boleh dimasukkan sebagai salah satu daripada pusat pelancongan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja boleh malah kita galakkan.

**PENAHANAN JENNY CHIN LAI
CHIN/CHIAN BOON TAI
OLEH SINGAPURA**

5. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia berkenaan dengan tahanan Jenny Chin Lai Chin seorang pemberita New Straits Time serta seorang jurutera Malaysia Chia Boon Tai oleh pihak berkuasa di Singapura.

57. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menaja satu rombongan "fact-finding" Parlimen yang dianggotai oleh semua parti ke Singapura untuk menyiasat penahanan 16 orang termasuk dua orang rakyat Malaysia di bawah Akta Keselamatan Negara kerana kononnya terlibat dalam pakatan sulit komunis untuk menumbangkan Kerajaan Singapura yang dipilih, serta melaporkan balik kepada Parlimen.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada hari ini juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran): Boleh.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, peristiwa penahanan 16 orang termasuk 2 orang rakyat Malaysia di Singapura di bawah Akta Keselamatan Negeri Singapura merupakan hal ehwal dalam negeri Singapura. Oleh hal yang demikian, tidaklah wajar bagi Kerajaan kita campurtangan dalam hal ehwal Singapura sepertimana juga kita tidak mahu Singapura campurtangan dalam hal ehwal Malaysia.

Namun demikian, setakat ini Kerajaan Malaysia telah mengarahkan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura untuk menghulurkan bantuan kosular yang diperlukan kepada kedua-dua orang rakyat Malaysia yang telah ditahan. Sebagaimana dimaklumi pada 20hb Jun, Jenny Chin telah pun dibebaskan tanpa syarat oleh pihak Kerajaan Singapura.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, oleh kerana di Singapura Akta yang digunakan atas 16 mangsa ini, kita pun ada Akta yang serupa. Oleh kerana ancaman Parti Komunis Malaya kepada negara ini sekarang tidak berapa serius dan oleh kerana itu adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan ISA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu terkeluar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kata sama ada di peringkat Persidangan (Conference) Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN yang baru diadakan perkara ini pernah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Kedua, kenapa Kerajaan mengadakan double standard di mana pencabulan hak-hak asasi semacam di

Afrika Selatan dan juga penindasan rakyat Palestine ada dijuarakan oleh Kerajaan, tetapi kenapa apabila ada berlaku pencabulan hak asasi semacam dalam kes 16 orang ini dianggap sebagai perkara dalam hal ehwal Kerajaan jiran.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, perkara ini tidak dibincangkan oleh Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN semasa mengadakan mesyuarat di Singapura.

Berkenaan perkara yang kedua, tidak ada double standard yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana apa yang berlaku di Singapura adalah berlainan daripada apa yang berlaku di tempat-tempat lain yang mengakibatkan penindasan dan pencabulan rakyat yang kurang bernasib baik oleh negara-negara tertentu dan kuasa-kuasa tertentu. Oleh itu, kedua-dua ini tidak boleh disamakan dari segi kedudukan sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membuat pembetulan pada Soalan No. 6 (a) iaitu perkataan "kos-kos" pada barisan pertama hendaklah ditukar kepada "kes-kes" dan ayatnya berbunyi:

"Berapa banyakkah jumlah kes-kes permohonan." Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 6.

PENDAFTARAN COP DAGANG DAN PATENT

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) berapa banyakkah jumlah kes-kes permohonan pendaftaran

Cop Dagang dan Patent yang masih menunggu untuk diluluskan dan apakah langkah Kementerian bagi mengatasi keadaan ini;

(b) dalam usaha mencari pasaran barangan Malaysia di Seberang Laut, sejauh ini apakah usaha yang telah dijalankan untuk memperolehi pasaran di negara-negara Afrika dan Latin Amerika. Terangkan jenis-jenis komoditi utama yang mempunyai potensi besar untuk pasaran, jika ada; dan

(c) pada tahun 1985, 1986 dan 1987 berapa banyakkah pelabur-pelabur asing yang telah berjaya menubuhkan perkongsian dengan pelabur tempatan. Terangkan jumlah modal untuk pelabur dan jenis-jenis barangan pengeluaran atau pembuatan sama ada untuk keperluan tempatan sahaja atau eksport serta di manakah negeri-negeri tumpuan mereka untuk pelabur.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan ini tidak akan tepat jika tidak dipenuhi oleh statistik dan oleh kerana ia terbahagi kepada tiga bahagian, saya mohon izin bagi menjimatkan masa Dewan ini supaya jawapan diberi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih.

SRJK (TAMIL) SANGEETHA SABAH, IPOH

7. Tuan P. Patto minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa SRJK (Tamil) Sangeetha Sabah, Ipoh, masih tidak dilengkapi dengan kerusi-meja yang sempurna bagi murid-murid

memandangkan murid-murid terpaksa menggunakan kerusi dan meja yang pecah dan sama ada menjadi dasar Kementeriannya untuk tidak menyediakan dengan cukup keperluan-keperluan asas bagi sekolah-sekolah Tamil sehingga sekolah-sekolah ini terpaksa bergantung kepada peruntukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka di bawah Jabatan Perdana Menteri, jika ya, mengapa ini patut dibenarkan berlaku walhal sekolah-sekolah Tamil juga menjadi sumber pendidikan kanak-kanak kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Sangeetha Sabah, Ipoh adalah Sekolah Bantuan Modal. Bantuan akan diberikan mengikut keutamaan dengan mengambil kira keseluruhan Sekolah Bantuan Modal di negara ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sepanjang yang saya tahu dan dalam lebih kurang 10 tahun yang lampau, tidak ada apa-apa peruntukan yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada Sekolah-sekolah Tamil, bukan sahaja untuk memperbaiki meja-kerusi tetapi juga bangunan yang telah dikondemkan oleh JKR. Walaupun bangunan-bangunan telah dinyatakan di dalam suratkhbar, Kementerian tidak ada ataupun tidak keluarkan apa-apa peruntukan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Yang Berhormat, untuk Sekolah Bantuan Modal, Kerajaan sentiasa memberi peruntukan seperti 50% dari kos yang dibiayai. Dalam faktor-faktor yang kita sebutkan tadi adalah untuk menimbangkan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan di mana keperluan untuk memperbaiki

sekolah-sekolah dan kemudahan-kemudahan yang kurang. Kerajaan terus berusaha untuk menilaikan keadaan.

Tuan P. Patto: Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu, mengapa Kumpulanwang Luar Jangka digunakan sekiranya ada untuk maksud pembinaan sekolah, darjah dan sebagainya khususnya bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) oleh kerana Presiden MIC selalunya membuat pengumuman seolah-olah beliau menjadi Menteri Pendidikan. Itu sebabnya saya hendak tahu (*Tepuk*).

Dr Leo Michael Toyad: Ini soalan terkeluar sedikit dari soalan asal. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, inilah daya usaha Kerajaan untuk sedaya upaya untuk membiayai atau menolong di mana kemudahan-kemudahan diperlukan.

Tuan P. Patto: Memang itu ada dalam soalan asal saya Kumpulanwang Luar Jangka.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Kabinet, saya suka menjawab. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Pembangkang: Tidak boleh—duduk! (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila patuhi pada

Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat teruskan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Menteri marah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk!

Yang Berhormat, sila teruskan, jangan tunggu (*Ketawa*).

PINJAMAN BANK KEPADA PERBADANAN

8. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang pendahuluan, pinjaman-pinjaman serta kemudahan-kemudahan kredit yang telah diberikan kepada subsidiari, orang-orang perseorangan dan orang-orang lain setakat 31-3-1987 mengikut Seksyen 37 (1) Akta Bank 1973 dan sama ada Bank Negara Malaysia sedang mengawal dengan rapi keadaan perkembangan kewangan supaya mengelakkan berlakunya satu lagi skandal BMF.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, seperti pada 31hb Mac 1987, jumlah pinjaman belum dijelaskan yang telah dikeluarkan oleh bank-bank kepada perbadanan-perbadanan yang berkaitan (related corporations) mengikut Seksyen 37 (1) Akta Bank 1973 ialah \$133 juta. Kepada syarikat-syarikat yang telah dikecualikan di bawah Seksyen 26A (4) Akta Bank 1973 ialah \$23 juta dan kepada pengarah-pengarah syarikat-syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan ialah lebih kurang \$103 juta. Suka saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Bank Negara sentiasa mengawasi dengan rapi institusi-institusi kewangan di negara ini supaya mengelakkan berlaku atau akan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan jumlah amaun yang begitu besar dan dengan jaminan tadi, adakah satu tempoh yang diberikan untuk membayar balik wang yang disebutkan tadi kerana kalau tidak ada dengan ekonomi yang meleset ini akan berlakunya skandal seperti BMF.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tentu sekali mana-mana bank pun akan ada scheme of repayment.

TARIKH MULA BERPUASA/MENYAMBUT HARI RAYA

9. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan benarkah ada umat Islam di negara ini yang berpuasa dan menyambut hari raya pada tahun ini terdahulu sehari daripada tarikh yang diumumkan oleh Pemegang Mohor Raja-raja Melayu; jika benar, apakah langkah-langkah untuk membendung kejadian yang seumpama itu agar tidak berterusan dan merebak di kalangan masyarakat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya benar. Walau bagaimanapun bilangan yang terlibat adalah terlalu kecil. Pihak berkuasa Agama Islam Kerajaan Negeri adalah menjalankan penyiasatan mengenai perkara ini dan mereka akan mengambil tindakan yang sesuai.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri tahu, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak yang menentukan tarikh puasa atau menyambut hari raya yang bercanggah dengan Kerajaan.

Yang kedua, apakah hukuman-hukuman yang boleh dikenakan

kepada mereka yang berbuat demikian?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir mereka mempunyai kaedah yang diterima oleh Perundangan Islam kerana kalau mereka mempunyai kaedah sudah tentu mereka tidak akan bermula puasa ataupun bermula hari raya pada tarikh yang lain daripada yang ditetapkan. Jadi, kesimpulannya mereka buat tanpa kaedah.

Yang kedua mengenai apa hukuman. Hukuman ini bergantung kepada jenis kesalahan. Kalau sekiranya mereka sengaja melanggar keputusan yang telah dibuat maka hukumannya akan ditentukan oleh kadi ataupun hakim yang menjalankan hukuman berdasarkan kepada jenis kesalahan yang dibuat.

LAPORAN POLIS MELAKA MENGENAI KENYATAAN MENTERI PENERANGAN

10. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa setakat ini sebarang tindakan masih belum diambil terhadap YB Menteri Penerangan di bawah Kanun Keseksan atau Akta Hasutan kerana mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyemarakkan dan menghasut perasaan serta melanggar Perlembagaan dengan menyaran agar orang-orang yang bukan beragama Islam juga dikehendaki tertakluk di bawah hukuman-hukuman Islam atau Syariah dengan menyebat mereka yang didapati meminum arak di tempat awam atau melakukan perbuatan zina; dan

(b) tindakan yang diambil terhadap laporan polis saya di Balai Polis Melaka 30-1-87 Laporan No. 425/87.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan polis tersebut masih lagi dalam siasatan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa terkejut mengapa setakat ini saya ingat sudah lebih 6 bulan, satu tempoh masa yang agak lama satu siasatan terhadap kenyataan yang dikeluarkan secara umum masih belum selesai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan mengapa masa yang agak lama ini perlu dan adakah ini adalah kerana pihak Kerajaan enggan mengambil apa-apa tindakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, supaya berlakunya keadilan dan kesaksamaan, maka penyiasatan rapi dan teliti perlu dibuat.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia belum habis, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Saya belum habis lagi. Walau seribu soalan pun saya boleh jawab. *(Ketawa)* Ini Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya mengambil masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Menteri Penerangan berkenaan telah disoal siasat oleh pihak polis. Sekiranya ada berapa kali dan adakah soal siasat akan diteruskan terhadap beliau sebelum satu keputusan akan dibuat dan berapa lamakah agaknya pihak Kementerian memerlukan untuk membuat satu keputusan sama ada Menteri Penerangan akan dibawa ke mahkamah ataupun digugurkan begitu sahaja aduan ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi saya menyatakan bahawa kita ingin mewujudkan satu keadilan. Jadi, apabila kita ingin mewujudkan satu keadilan maka terpaksa kita menjalankan usaha kita, kegiatan kita dengan penuh penelitian. Kita tidak sebagaimana Pembangkang, melakukan sesuatu dengan sekehendak hati sahaja. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohd. Sam Sailan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan saya belum dijawab.

RANCANGAN PENEMPATAN SEMENTARA SISWA/PROJEK SISWA TANI

11. Tuan Mohd. Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada beliau puas hati dengan kemajuan Rancangan Penempatan Sementara Siswa dan Projek Siswa Tani yang berjalan pada masa ini sebagai satu usaha meningkatkan pengalaman dan kemahiran siswa menuju ke tempat ke matlamat mereka berdikari; dan

(b) kiranya Perdana Menteri puas hati adakah rancangan yang

sama akan dibuka kepada pelajar yang lebih ramai lagi jumlahnya iaitu yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya ke tahap profesional atau institusi tinggi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Penempatan Sementara Siswa dan Projek Siswa Tani yang berjalan sekarang ini sebagai satu usaha meningkatkan pengalaman dan kemahiran siswa menuju ke matlamat mereka berdikari adalah menggalakkan. Rancangan yang dilaksanakan itu adalah dikhaskan kepada para siswazah atau pemegang diploma sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam skim rancangan Penempatan Sementara Siswa, apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat memilih orang-orang siswazah yang terlibat dalam skim ini, mengapa 4,000 sahaja dipilih, bukankah ini satu sikap pilih kasih. Berilah sebab-sebab mengapa lebih kurang 30,000 orang graduan lain dianaktirikan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu soalan lain. Kita berbincang berhubung dengan Projek Siswa Tani. Ini soalnya. Yang disebut oleh Yang Berhormat itu soalan lain.

Dr Eng Seng Chai: Projek pertama "Rancangan Penempatan Sementara Siswa" *(Disampuk)*. Baca baik-baik dalam soalan itu. Ya, jawab. Dalam bahasa Inggeris semua ada *(Disampuk)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan bincang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kami membincangkan di sini berhubung dengan Projek Siswa Tani dan ini merupakan penempatan juga.
(*Disampuk*)

Dr Eng Seng Chai:(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya duduk dahulu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:Ini merupakan penempatan siswazah juga, di mana kita pada hari ini, apakala menjalankan projek pertanian kita, umpamanya di kawasan negeri Kedah, kita sediakan 400 ekar tanah, di mana 3 siswazah kita telah memulakan projek tapak semaian benih rotamanau dan projek tanaman tembakau.

Dr Eng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: dan begitu juga di Selangor.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya syarat, bukannya di mana tempat syarat-syarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk sekejap, dia belum habis.

Dr Eng Seng Chai: Dia tak ada tempat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, biar dia jawab dahulu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kadangkala Ahli Parlimen kita ini tidak mengetahui bagaimana urusan perjalanan Parlimen itu sepatutnya berlaku atau berjalan (*Tepuk*). Saya

masih menjawab, biar saya menjawab terlebih dahulu. Jadi, saya nyatakan di sini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat.

Berapa Orang Ahli: Duduk! duduk!

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya masih berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya berkata, ini adalah salah satu daripada cara penempatan. Kita menghantar mereka ke tempat-tempat di mana mereka boleh melakukan urusan pertanian. Itu merupakan penempatan juga. Itulah jawapan saya.

GALAKAN PELANCONGAN

12. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan apakah langkah-langkah positif yang akan dilaksanakan bagi menggalakkan pelancongan dan memperkenalkan aspek kebudayaan nasional di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan juga luar negeri selaras dengan hasrat penerapan nilai-nilai Islam yang menjadi salah satu objektif Kerajaan.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita yang berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini dan juga di mana unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima

menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan di samping Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu maka Tuan Yang di-Pertua, segala usaha-usaha sedang dan akan dibuat bagi meningkatkan mutu kesenian dan unsur kebudayaan tempatan seperti memperindahkan tempat dan bangunan bersejarah, membangunkan budaya, meneruskan kempen budibahasa, kebersihan dan sebagainya. Seajar dengan ini penyelarasan dengan pelbagai Kementerian dan agensi yang berkaitan bagi masalah-masalah dan perkara-perkara di peringkat pusat dan dengan Kerajaan Negeri bagi perkara-perkara yang berkaitan di peringkat Negeri, akan dipertingkatkan lagi bagi melicinkan program ke arah menggalakkan pelancongan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya memaklumkan iaitu supaya usaha tersebut selaras dengan hasrat Kerajaan ke arah penerapan nilai-nilai Islam maka langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil bagi memastikan tidak ada unsur-unsur negatif seperti persembahan tarian bogel ataupun pertunjukan kesenian yang tidak sesuai dengan nilai dan norma masyarakat negara ini ditonjolkan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu dari Menteri yang berkenaan adakah pihak Menteri telah menyenaraikan jenis-jenis kebudayaan dan kalau sudah disenaraikan berapa banyakkah jenis-jenis kebudayaan dari semua kaum yang boleh diamalkan dalam Malaysia ini dan bolehkah pihak Kementerian berkenaan misalkan jenis kebudayaan yang bercanggah dengan penerapan nilai-nilai Islam? Adakah "Mak Yong" atau "Menora" atau "Joget" boleh disifatkan sebagai amalan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam?

Kalau sekiranya bercanggah, apakah pihak Kerajaan akan mengambil usaha untuk menghapuskannya dan kalau tidak bercanggah apakah hujah pihak Kerajaan? Saya harap kalau boleh cuba tolong misalkan dalam Dewan ini.

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan Menteri Agama.

Kita memang ada senarai jenis-jenis kebudayaan yang menjadi amalan yang tidak bertentangan dengan kehendak Islam sekarang ini. Malangnya saya tidak dapat memberikan secara terperinci sebab saya tidak ada senarainya dengan saya di sini.

Namun demikian, pada prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, apa juga jenis kebudayaan yang tidak bertentangan dan tidak bercanggah dengan unsur-unsur agama Islam, maka ianya boleh dipraktikkan.

Sama ada "Mak Yong", "Joget" ataupun "Ronggeng" merupakan satu unsur bertentangan, ini saya kira di luar keupayaan saya untuk memberikan pengiktirafan di dalam Dewan ini.

PERSATUAN VETERAN MALAYSIA—AKTIVITI PERJUDIAN

13. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada mengharamkan Persatuan Veteran Malaysia yang aktivitiya sekadar membuka kedai-kedai judi, bukan memperjuangkan nasib bekas-bekas pasukan keselamatan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memang mendapati

sebilangan kecil cawangan Persatuan Veteran Malaysia yang telah mengadakan meja billiard dan berlakunya perjudian di cawangan-cawangan tersebut. Walau bagaimanapun, cawangan-cawangan tersebut telah pun dibatalkan.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian sedar bahawa tidakkah sudah ada dan memadai iaitu Persatuan Bekas Polis untuk ahli-ahli/anggota Polis yang bersara dan Persatuan Bekas Perajurit untuk anggota bekas perajurit—dan apabila saya sebut bekas perajurit maksudnya meliputi tentera darat, laut dan udara. Masing-masing sudah ada persatuan dan memadai—Persatuan Bekas Polis untuk pesara Polis dan Persatuan Bekas Perajurit untuk tentera darat, laut dan udara. Mengapakah mesti ada lagi satu Persatuan Veteran yang amat mengelirukan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu terkeluar, tak payah dijawab.

KECURIAN/KEHILANGAN SURAT DALAM POS

14. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar tentang kecurian dan kehilangan surat di dalam Pos dan jika demikian, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos sedar tentang adanya kes-kes kecurian dan juga kehilangan surat semasa dalam perjalanan pos.

Sejak tahun 1977, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membawa 12 kes penyelewengan ke mahkamah

seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 63 Akta Post Office, 1947. Untuk mengawasi masalah ini, Jabatan Perkhidmatan Pos mempunyai satu cawangan penyasatan untuk menyelidik dan mengesan amalan-amalan negatif di dalam Jabatan tersebut.

Kementerian juga sedang berusaha untuk menganjurkan supaya Jabatan terus meningkatkan disiplin kerja kakitangan Jabatan tersebut.

Saya ingin memberi satu contoh untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kalau kita ambil contoh pada tahun 1986 sejumlah lebih kurang 2,153 juta benda pos telah dikendalikan oleh Jabatan ini dan aduan yang kami terima adalah sekadar 396.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat juga menerima adanya kemungkinan bahawa kecurian dan kehilangan surat berlaku selepas surat-surat itu disampaikan kepada destinasiya dan ada juga masalah yang timbul oleh kerana tidak lengkapnya alamat surat-surat tersebut. Untuk tujuan meningkatkan lagi mutu kecekapan Jabatan Perkhidmatan Pos ke tahap yang lebih tinggi lagi, saya menjemput masyarakat umum supaya memajukan aduan yang membina dengan butirannya yang lengkap.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya beberapa aduan telah diterima oleh pihak Kementerian dan bolehkah Kementerian menjawab berapakah surat yang kena curi dan adakah kerugian atas pencurian itu yang melibatkan matawang. Saya mendapat tahu bahawa ada beberapa aduan telah disampaikan kepada saya di mana mereka mengatakan kakitangan perkhidmatan pos, bukan semua, segolongan kecil sahaja, di mana

mereka mempunyai kemahiran, apabila mereka memegang sampul surat itu mereka tahu sama ada sampul itu mengandungi matawang atau tidak dan yang mengandungi matawang itu akan dicuri dan yang tidak ada wang dilepaskan. Adakah kes seumpama itu dapat dikesan? Itu sahaja.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa kita berusaha dari segi dalaman untuk mengesankan amalan yang negatif seperti itu dan kalau sekiranya pihak masyarakat umum seperti Ahli Yang Berhormat mempunyai kepakaran untuk mengesan, saya mengalu-alukan kepakaran tersebut. (*Ketawa*)

MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Mahkamah Tuntutan Kecil (Small Claims Court) di negara ini;
- (b) bilangan dan tempat-tempat di mana mahkamah-mahkamah ini akan diubahkan; dan
- (c) berapakah jumlah perbelanjaan pada setiap tahun yang dijangkakan diguna bagi penubuhan mahkamah-mahkamah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya penubuhan Mahkamah Tuntutan Kecil adalah merupakan bentuk Mahkamah Majistret Kelas II seperti mana yang telah ada diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948. Parlimen telah pun meluluskan baru-baru ini pindaan supaya Mahkamah Majistret Kelas II diberi bidangkuasa untuk

mendengar kes-kes sivil \$3,000 ke bawah. Mahkamah Majistret Kelas II ini akan dikuatkuasakan mulai 1-8-1987 untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi Sabah dan Sarawak pula tarikhnya akan ditetapkan oleh Hakim Besar Sarawak dan Sabah (Borneo).

- (b) Buat sementara hanya 20 Mahkamah Majistret Kelas II akan ditubuhkan dan tempat-tempat mahkamah ini ialah di mana adanya Mahkamah-mahkamah Sesyen di Semenanjung Malaysia. Bagi Sarawak dan Sabah banyaknya Mahkamah Majistret Kelas II akan ditetapkan oleh Hakim Besar Sabah dan Sarawak. Bagi tempat-tempat di mana Majistret Kelas II tidak ada, kes-kes Mahkamah Majistret Kelas II akan terus dikendalikan juga oleh Majistret Kelas I.
- (c) Setakat ini perbelanjaan yang dijangka digunakan tidaklah dapat ditentukan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, baru-baru ini Lord President Mahkamah Agung ada menyatakan dalam perbicaraan Mahkamah Tuntutan Kecil, boleh jadi ada halangan untuk mendapat peguam mewakili satu-satu kes. Adakah satu cadangan Kerajaan untuk menggunakan peguam dan apa yang ada menyatakan mengenai perkara itu oleh Yang Arif Ketua Hakim itu tidak betul atau tidak benar?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu belum dipuuskan lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan bilangan Mahkamah Majistret Kelas II yang ditetapkan di seluruh Semenanjung Malaysia dan bilakah ini akan

disiapkan, sebab menurut pihak Kerajaan usaha-usaha telah pun dibuat?

Dato' Oo Gin Sun: Bilangan yang dikuatkuasakan ini ialah mulai pada 1hb Ogos.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bilangannya?

Dato' Oo Gin Sun: 20.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya lagi. 20 apa? Saya pun tidak tahu di negeri mana?

Dato' Oo Gin Sun: 20 Mahkamah Majistret Kecil Kelas II tempatnya ialah:

Tempat	Bilangan Mahkamah
1. Kangar	1
2. Alor Setar	1
3. Sungai Petani	1
4. Butterworth	1
5. Pulau Pinang	2
6. Taiping	1
7. Kuala Kangsar	1
8. Ipoh	1
9. Seremban	1
10. Muar	1
11. Melaka	1
12. Johor Bharu	1
13. Klang	1
14. Kuantan	1
15. Kuala Terengganu	1
16. Kota Bharu	1
17. Petaling	1
18. Kuala Lumpur	2
Jumlah	20

Seluruh Semenanjung Malaysia. Itulah yang saya katakan tadi (*Ketawa*).

DISIPLIN KEPADA MURID-MURID

16. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pendidikan menerangkan berapakah jumlah guru-guru yang telah melakukan tindakan luar biasa atau melampau batas peraturan dan garis panduan disiplin kepada murid-murid sekolah di Malaysia. Apakah ada di kalangan guru-guru yang bertindak demikian kerana mengalami penyakit jiwa dan kalau ada tidakkah tindakan menamatkan perkhidmatan mereka boleh diambil demi menyelamatkan murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Sepanjang tempoh tahun 1982 hingga 1986 didapati seramai 27 orang guru-guru telah didakwa melakukan tindakan yang luar biasa ke atas murid-murid seperti mendera, mencabul kehormatan, menyentuh bahagian-bahagian sulit (*Ketawa*) dan mengadakan hubungan sulit.

(b) Guru-guru berkenaan telah dikenakan tindakan tatatertib seperti amaran, celaan, henti kenaikan gaji dan buang kerja mengikut Peraturan 36, Perintah Am Bab "D" tahun 1980.

(c) Dari kes-kes yang ada didapati perbuatan salahlaku tersebut tidak hubungkait dengan penyakit jiwa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan peratusan guru yang melakukan kesalahan ini berbanding dengan bilangan guru yang ada di negara ini. Adakah peratusan ini dianggap tinggi

kalau berbanding dengan negara-negara lain, dan kalau begitu tinggi dengan kadar kesalahan ini, apakah tindakan yang lebih berkesan yang diambil untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan satu percentage, kerana jumlah guru-guru di seluruh negara kita ini hampir 178,000 orang dan guru-guru yang terlibat dalam tahun 1982 hingga 1986 ialah seramai 27 orang guru sahaja.

Pada tahun 1982 kes-kes yang kita dapati 10 dan pada tahun 1986 turun menjadi 4 kes sahaja. Dengan sebab itu, perkara salahguna kuasa guru-guru itu tidaklah menjadi satu suasana yang sangat buruk dan kita janganlah bimbang ke atas kejadian ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas guru-guru yang melakukan tindakan melampaui batas peraturan.

Di sini saya hendak bertanya adakah tindakan yang dikatakan melampaui batas peraturan, termasuk keengganan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri atau Menteri Pendidikan seperti yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Melaka dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan di mana pegawai-pegawai tersebut enggan mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri sendiri seperti dalam kes yang tertentu menghentikan, memberhentikan murid-murid bukan Islam dikehendaki membaca doa dan ikrar (*Tepuk*).

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, biasanya di antara semua pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dengan Menteri-menteri yang berada di Jabatan Pendidikan kita selalu bekerjasama untuk mengatasi

masalah-masalah yang timbul dan kita selalu merayu kepada semua pihak, termasuk juga parti-parti Pembangkang supaya jangan membangkitkan isu-isu yang akan merosakkan satu perhubungan di antara rakyat dengan kakitangan Kerajaan dan jangan menjadikan satu isu politik di bidang pendidikan. Dan perkara ini sampai sekarang sudah diselesaikan dan tidak akan menjadi satu isu yang besar. Saya merayu kepada pihak parti politik supaya jangan membangkitkan perkara ini untuk dijadikan perkara yang melibatkan politik.

Tuan Lim Guan Eng: (*Disampuk*).

ASRAMA BAGI SEKOLAH MENENGAH

17. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan asrama penuh bagi Sekolah-sekolah Menengah khusus bagi murid-murid dari luar bandar, di Daerah Kudat dan Daerah Kota Marudu.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun membina dua buah asrama bagi Sekolah Menengah di Daerah Kudat dan Daerah Kota Marudu, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tadek dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sekuati. Kedua-dua buah asrama tersebut boleh menampung 624 orang murid.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Asrama penuh yang sedia ada didapati tidak mencukupi dan apakah langkah-langkah Kementerian tersebut untuk memperbaiki keadaan ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan

sentiasa terus mengulangkaji keadaan dan bertindak dengan keadaan yang sesuai.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, iaitu saya pernah dihubungi oleh beberapa orang murid yang tinggal di asrama dengan menyatakan bahawa mereka dikenakan bayaran yuran sebanyak \$40 sebulan. Kalau itu benar, adakah pihak Kerajaan sedar betapa susahnyanya murid-murid yang datang daripada keluarga miskin dan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengecualikan murid-murid yang datang daripada keluarga miskin daripada bayaran yuran tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian belum sedar keadaan itu, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan soalan ini secara bertulis kepada Kementerian.

PENEROKA FELDA MENENTANG KERAJAAN

18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil bagi setengah-setengah peneroka yang sentiasa menentang Kerajaan setelah mereka mendapat kesenangan melalui FELDA.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap peneroka-peneroka FELDA yang melakukan kesalahan yang boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan menentang dasar-dasar Kerajaan. Semua laporan yang

diterima disiasat. Peneroka-peneroka berkenaan pula diberi peluang untuk mempertahankan diri. Jawapan-jawapan mereka itu dibincangkan dalam Jawatankuasa Tatatertib Peneroka. Apabila didapati sabit kesalahan, maka perintah penyingkiran akan dikeluarkan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kesalahan-kesalahan yang ditujukan oleh pihak Kementerian yang dikatakan dilakukan oleh peneroka-peneroka, termasuk membuang undi untuk parti Pembangkang dalam pilihanraya umum seperti yang dilakukan di FELDA Sendayan, Negeri Sembilan yang mana saya dapat tahu ada sebahagian peneroka-peneroka disaman kepada Pejabat FELDA untuk disoal mengapa mereka membuang undi menyokong parti Pembangkang.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu ada bukti, sila tunjukkan dengan sahik kerana undi itu sulit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua (*Tepuk*), saya ucap terima kasih kepada semua, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada banyak masa.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kita menentukan sama ada orang itu menentang atau tidak hanya berasaskan kepada apa yang dia kata ataupun apa yang diluahkan dengan mulut dan kita memang jelas mengetahui bahawa seorang itu menentang Kerajaan, tetapi sejauh yang saya tahu ada juga yang menentang Kerajaan tanpa meluahkan sesuatu dari mulutnya. Jadi bagaimanakah pihak FELDA menyedari perkara ini, menyelidiki perkara ini dan sudahkah mereka berjaya mengetahui sejauh mana yang

tidak pernah meluahkan, hanya mengundi pihak Pembangkang sama ada mereka itu menentang atau tidak dan apa tindakan yang diambil ke atas mereka ini.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, cara kita buat ini banyak dan yang pentingnya ialah untuk kita menyelami hati dan perasaan peneroka-peneroka itu supaya bersama-sama dengan Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 64 adalah diberi di bawah ini)

MAZHAB SYIAH—PENGARUH

19. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah pengaruh Mazhab Syiah telah disebarkan di negara ini; dan
- (b) sudahkah Kerajaan mengenalpasti kumpulan manakah yang menyebarkan pengaruh tersebut dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Mazhab Syiah yang tersebar di negara ini hanya disekitar aspek teori dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan thoeologi dan sejarah sahaja. Juga sedikit-sedikit mengenai hukum-hukum. Dari segi amalan atau praktis, ajaran syiah ini belum dapat dilihat dengan nyata di dalam masyarakat kita. Di samping itu, pengaruh mazhab ini dipercayai berlegar di sekitar

masyarakat bandar dan ahli akademik tertentu yang dipercayai hanya berminat untuk mengkaji lebih mendalam mengenai mazhab ini.

- (b) Pada masa ini belum ada kumpulan tertentu yang boleh dipastikan sebagai penyebar mazhab ini. Namun begitu Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan pengaruh mazhab ini dan mengenali kumpulan atau individu manakah yang menyebarkan pengaruh mazhab ini.

JALAN RAYA DITAR

20. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (i) apakah ciri-ciri asas yang diikuti oleh Kerajaan untuk mengetarkan jalan raya-jalan raya;
- (ii) mengapa jalan raya Teku Pasai Siong hanya ditar setakat Pekan Sungai Teku sahaja dan tidak diteruskan sepanjang jalanraya menuju ke Batu 25 Jalan Oya memandangkan jalan itu menjadi keperluan asas kepada banyak penduduk dari rumah panjang di Sg. Pasai dan Sg. Siong; dan
- (iii) adakah Kerajaan mencadang mengetar jalan raya dari Simpang Batu 28 Jalan Oya menuju ke Skim Penempatan Semula Ng. Sekulau, Sibu memandangkan jalan yang hanya 5 kilometer itu dilalui pesat oleh kenderaan setiap hari.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):

- (i) Kementerian Kerjaraya hanya bertanggungjawab ke atas jalan raya-jalan raya Persekutuan sahaja. Oleh itu, Kerajaan

sememangnya merancang untuk mengetarkan semua jalan raya-jalan raya Persekutuan di Negeri Sarawak. Tetapi oleh kerana jalan raya Persekutuan di Sarawak adalah panjang dan memerlukan peruntukan yang besar untuk menyiapkannya, maka Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan itu secara sekali gus, tetapi sebaliknya secara berperingkat-peringkat. Memandangkan negara sedang mengalami keadaan ekonomi yang meleset, Kerajaan terpaksa menyediakan semua peruntukan jalan, termasuk Negeri Sarawak, mengikut keutamaan. Keutamaan ini akan diberi terutamanya kepada jalan raya-jalan raya yang menghubungkan lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya yang berhampiran dengan bandar-bandar utama dan jalan raya yang lalulintasnya banyak dan memerlukan pembinaan dengan segera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan akan terus memberi perhatian ke atas jalan raya-jalan raya di Negeri Sarawak dan akan menyediakan peruntukan yang secukupnya apabila kewangan negara bertambah baik. Adalah dijangkakan Kerajaan akan dapat menyiapkan sebanyak lebih kurang 60% keseluruhan sistem jalan raya utama di negeri Sarawak yang panjangnya lebih daripada 1000 km itu pada akhir Rancangan Malaysia Kelima.

- (ii) Kerajaan memang merancang untuk mengetar keseluruhan jalan raya Teku/Pasai/Siong yang panjangnya 34 km itu, dan buat masa ini projek tersebut

ditangguhkan kerana, seperti yang telah saya nyatakan tadi, peruntukan jalan raya disediakan berdasarkan kepada keutamaan. Walau bagaimanapun peruntukan yang secukupnya akan disediakan apabila keadaan kewangan negara mengizinkan.

- (iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya yang dimaksudkan itu adalah jalan Kerajaan Negeri, oleh itu peruntukan bagi membina jalan tersebut bolehlah diambil daripada peruntukan jalan Negeri.

JABATAN PERPADUAN NEGARA—MAJLIS DIALOG

21. Dr Ting Chew Peh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Jabatan Perpaduan Negara masih mengendalikan majlis dialog dengan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk membincangkan isu-isu perpaduan negara; dan
- (b) apakah rancangan-rancangan terbaru, jika ada, untuk menjalinkan hubungan antara kaum.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Jabatan Perpaduan Negara masih mengendalikan majlis dialog dengan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk membincangkan isu-isu Perpaduan Negara. Ini termasuklah dialog-dialog dengan kumpulan-kumpulan pelajar.
- (b) Rancangan terbaru yang diusahakan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk

menjalinkan hubungan antara kaum, antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) Penal Penasihat Perpaduan Negara diperluaskan keahliannya untuk merangkumi perwakilan daripada semua 14 buah negeri di Malaysia.
- (ii) Bagi tiap-tiap negeri pula telah ditubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan atau Setiausaha Kerajaan Negeri, yang juga selaku Ahli Penal Penasihat Negara.
- (iii) Daerah-daerah juga digalakkan menubuhkan jawatankuasa yang sama di peringkat itu.
- (iv) Dari segi kemantapan program ke arah menjalinkan hubungan antara kaum, aktibiti-aktibiti penggalakan di bawah Sistem Rukun Tetangga ditumpukan kepada pemupukan semangat kejiranan seperti mengadakan majlis-majlis gotong-royong, **TABIKA Perpaduan**, Majlis-majlis yang dapat mengujudkan peluang interaksi di antara kaum seperti mengadakan pertandingan melukis, mengadakan kemah kerja kejiranan untuk belia dan sebagainya.
- (v) Aspek pengesanan iklim hubungan antara kaum ditekankan melalui Sistem Pengesanan Perhubungan Sosial di

mana laporan dari seluruh negeri diteliti dan diambil tindakan sewajarnya. Ini termasuklah juga hal ehwal semasa yang menjadi isu nasional dalam aspek hubungan antara kaum.

- (vi) Pemantapan konsep perpaduan nasional ke arah mengeluarkan garis-garis panduan mengenai Perpaduan Nasional.

DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

22. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar bilangan Doktor-doktor dalam Perkhidmatan Kerajaan mencukupi dan jika benar apakah sebabnya masih ada segolongan Doktor-doktor yang telah dipaksa berkhidmat hingga 31 jam terus menerus.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Bilangan doktor-doktor dalam Perkhidmatan Kerajaan belum lagi diisi sepenuhnya. Namun demikian keadaan pengisian jawatan-jawatan ini telah jauh bertambah baik. Daripada 3,592 jawatan di semua peringkat pegawai perubatan di bawah Kementerian ini sebanyak 3,267 jawatan telah pun diisi sekarang, bermakna 91% pengisian telah dicapai.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa ada segolongan doktor-doktor yang berkhidmat hingga 31 jam terus menerus, saya suka memberi sedikit penerangan supaya ini tidak menimbulkan salah anggapan.

Keadaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah satu kejadian yang ada kalanya berlaku (exception rather than rule).

Untuk makluman Yang Berhormat para doktor perlu bertugas selepas waktu kerja secara "on call" dan ini telah dilakukan secara rasmi di semua hospital Kerajaan di negeri ini. "Call duty" adalah satu daripada tugas pegawai perubatan. Ini bermakna doktor-doktor semasa "on call" akan berkhidmat selama 24 jam dan boleh berehat di bilik khas yang disediakan di hospital. Sungguhpun pegawai perubatan yang melakukan tugas "on call" boleh diberi sehari cuti selepas "call duty", ini boleh diambil pada hari yang lain, mengikut keperluan jabatan masing-masing. Ini bermakna ada doktor di hospital-hospital tertentu yang selepas "call duty" terus berkhidmat secara biasa (iaitu terus sehingga 31 jam) oleh sebab hari lepas boleh diambil pada hari yang lain.

INDUSTRI PELANCONGAN

23. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sebagai sebuah Kementerian yang baru diwujudkan apakah dasar, falsafah dan matlamat Kementerian; apakah rancangan-rancangan Kementerian bagi memastikan industri pelancongan menjadi salah satu sumber utama pendapatan negara dan turut membantu DEB.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Kementerian yang baru diwujudkan ini merangkumi dua bidang yang utama yang perlu diberikan penekanan iaitu Kebudayaan dan Pelancongan. Dari itu dasar, falsafah dan matlamat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menyentuh kedua-dua bidang utama tersebut. Dalam konteks kebudayaan, dasar, falsafah dan matlamat Kebudayaan seperti yang telah diterima oleh Kerajaan tetap tidak berubah. Program dan aktiviti kebudayaan akan terus dilaksanakan

seperti yang dirancang ke arah pembinaan dan pembangunan Kebudayaan Kebangsaan.

Berhubung dengan pelancongan, matlamat utamanya adalah ke arah meningkatkan pendapatan negara melalui pertukaran wang asing dan pelancong-pelancong yang melawat ke negara ini.

Rancangan Kementerian ini bagi memastikan industri pelancongan menjadi salah satu sumber utama pendapatan negara lainnya dengan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri budaya yang bermutu tinggi seperti perusahaan seni halus, ukiran dan persekitaran, perusahaan kraftangan, perusahaan produksi/persembahan seni pentas dan sebagainya. Usaha ke arah memperdagangkan unsur budaya tempatan tersebut akan turut membantu DEB.

MAJLIS DAERAH/ PERBANDARAN—LANTIKAN AHLI-AHLI

24. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula berbagai-bagai kelemahan dalam Akta Kerajaan Tempatan, terutama sekali perlantikan Ahli-ahli Majlis Daerah dan Perbandaran, termasuk penangguhan perlantikan Ahli-ahli di setengah-setengah Majlis kerana faktor politik. Sekiranya beliau tidak mahu mengadakan kajian semula mengenai peranan dan prestasi serta kelemahan-kelemahan tersebut, apakah cadangannya untuk memperbaiki keadaan Majlis-majlis tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah Undang-undang Induk yang mengatur sistem Kerajaan Tempatan, melalui

pihak Penguasa Tempatan dalam bentuk Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Undang-undang Induk ini telah dikuatkuasa selama 12 tahun mulai dari tahun ianya digubal dalam Parlimen. Kementerian ini telah mengambil tindakan untuk memeriksa segala aspek Undang-undang Induk ini dari segi prinsip-prinsip yang terlibat dan juga dari segi praktiknya. Kajian ini juga meliputi perlantikan Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Apabila kajian ini telah selesai, rundingan-rundingan tertentu akan diadakan dengan semua pihak Kerajaan Negeri seperti yang diperlukan. Keputusan muktamad mengenai sama ada Akta Kerajaan Tempatan 1976 perlu dipinda, atau tidak akan dibuat setelah rundingan-rundingan tersebut.

PINJAMAN KECIL PENIAGA BUMIPUTERA

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengusaha-pengusaha, penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil kaum Bumiputera sukar mendapat pinjaman kecil dari Bank dan Badan Kewangan oleh kerana semua pinjaman mesti diluluskan daripada Ibu Pejabat Bank dan menghadapi prosesnya lambat dan syarat-syarat sukar dipenuhi oleh peminjam Bumiputera. Jika sedar, terangkan langkah-langkah positif akan diambil untuk memudahkan syarat pinjaman kecil itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kewangan memang sedar terdapat kes-kes di mana pengusaha-pengusaha, penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga Bumiputera menghadapi kesukaran untuk memperolehi pinjaman kecil daripada bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan yang lain. Walau bagaimanapun bank-bank telah diarahkan oleh Kerajaan untuk

membantu mereka yang berkenaan supaya permohonan dapat diproses secepat mungkin. Kerajaan juga telah mengarahkan supaya bank-bank terus memberi pinjaman kepada sektor utama, termasuk pinjaman kepada kaum Bumiputera, selaras dengan garis panduan pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti pada 31hb Disember, 1986, pinjaman yang diberikan kepada kaum Bumiputera berjumlah \$15.3 ribu juta, iaitu merupakan 29.3% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir tahun 1986, berbanding dengan 28.3% pada akhir tahun 1985. Tahap pencapaian ini adalah melebihi keperluan minimum sebanyak 20% yang perlu dipatuhi pada akhir tahun 1986 menurut garis panduan berian pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Di samping itu, bagi membantu peminjam-peminjam kecil memperolehi kemudahan kredit daripada bank-bank perdagangan pada kos yang berpatutan, Syarikat Jaminan Kredit (CGC) telah ditubuhkan pada 5hb Julai 1972 bagi memastikan bahawa perusahaan-perusahaan kecil disediakan dengan kemudahan kredit oleh bank-bank perdagangan pada kos yang berpatutan dengan menyediakan jaminan sehingga 60% ke atas pinjaman yang diberikan kepada perusahaan-perusahaan kecil dalam sektor pertanian, perdagangan dan perindustrian. Skim-skim berkaitan yang telah dilancarkan setakat ini bagi kemudahan pinjaman perusahaan-perusahaan kecil ialah Skim Jaminan Am (dilancarkan dalam tahun 1973), Skim Pinjaman Khas (dilancarkan dalam bulan Januari 1981) dan Skim Pinjaman Khas untuk Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil (dilancarkan pada 15hb Julai 1986). Skim-skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha-pengusaha kecil.

Kadar dan syarat pinjaman di bawah skim-skim ini sentiasa disemak bagi menyenangkan lagi prosedur di dalam mengemukakan permohonan pinjaman berasaskan cadangan dan teguran yang dibuat oleh bank-bank perdagangan, cawangan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga dan juga pertubuhan perniagaan. Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan oleh Syarikat Jaminan Kredit bagi memperkenalkan Skim Khas untuk Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil bagi membolehkan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil menikmati kemudahan skim ini.

Mengenai kelewatan di dalam memproses permohonan pinjaman, bank-bank telah diingatkan supaya menyegerakan proses kelulusan pinjaman. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon juga hendaklah memastikan bahawa kesemua maklumat yang diperlukan, dikemukakan kepada bank-bank bagi melicinkan lagi proses kelulusan pinjaman mereka. Dakwaan bahawa semua permohonan pinjaman mesti diluluskan di Ibu Pejabat adalah tidak benar kerana cawangan-cawangan bank juga dibenar meluluskan pinjaman tertakluk kepada had-had maksima yang tertentu.

TUDM—BEKALAN ALAT GANTI

26. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada pernyataan oleh Ketua Tentera Udara Diraja Malaysia Lt. Jen (U) Datuk Seri Mohamed Ngah pada 7hb Jun, 1987 bahawa pihak Tentera Udara sekarang kekurangan bekalan barang-barang ganti dan stok-stok lain adalah benar atau tidak;
- (b) sama ada pernyataan ini bagi maksud menyokong penambahan peruntukan bagi

TUDM dibelanjakan akan datang pada bulan Oktober akan disiasat sepenuhnya untuk mengenalpasti mengapa peruntukan pada masa-masa lalu adalah mencukupi; dan

- (c) sama ada penyertaan terbuka ini akan menggerakkan musuh-musuh negara untuk mengambil peluang ke atas kelemahan sistem keselamatan negara ini.

3-7-87

46. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar Tentera Udara Diraja Malaysia menghadapi kekurangan alat-alat ganti dan stok-stok seperti yang dinyatakan oleh Ketua Tentera Udara Diraja Malaysia, Lt. Gen. (U) Datuk Seri Mohamed Ngah Said di Pengkalan TUDM Butterworth pada 7hb Jun, 1987 selepas melancarkan latihan JAGUH dan kenyataan beliau ini menjadikan TUDM tidak upaya menghadapi sebarang kecemasan dan jika ya, nyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya TUDM dapat mempertahankan kedaulatan dan kewibawaan negara.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang dijadualkan pada 3hb Julai, 1987 kerana kedua-dua soalan ini mengenai perkara yang sama. Benar, kenyataan ini dibuat adalah bertujuan untuk memberi kesedaran umum terhadap kedudukan TUDM akibat dari kekurangan peruntukan. Walaupun kita semua sedar bahawa pertahanan negara perlu ditingkatkan mengikut keadaan keselamatan semasa tetapi dalam keadaan ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya ini Angkatan Tentera kita terpaksa menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan

sepenuh-penuhnya bagi meningkatkan keberkesanannya tanpa melibatkan pertambahan pembelian alat-alat pertahanan yang baru.

Dalam keadaan kekurangan peruntukan ini tidaklah bermakna TUDM khasnya dan Angkatan Tentera amnya tidak bersiap sedia untuk menghadapi dan menentang ancaman musuh.

BELIA/PELAJAR—MEMBERI PENGETAHUAN DAN KESEDARAN

27. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat dengan tujuan memberi pengetahuan dan serta pendidikan kepada orang ramai, khususnya kaum belia dan para pelajar supaya mereka ini faham dan tidak mudah terpengaruh oleh pihak anti-nasional yang sengaja untuk membakar jiwa rakyat agar membenci Kerajaan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya kaum belia dan pelajar mengenai kejadian dan perkara-perkara penting dalam negara ini. Usaha itu bertolak dari keyakinan bahawa ilmu pengetahuan dan kesedaran itu akan membuat mereka lebih cinta kepada negara dan bangsa sendiri sehingga mereka tidak akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir anti nasional untuk membenci Kerajaan.

Langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian Penerangan baik menerusi radio, televisyen dan kegiatan luar Jabatan Penerangan sendiri untuk memberi penerangan yang cukup lagi berkesan kepada orang ramai khususnya kaum belia

dan pelajar-pelajar tentang dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan bangsa dari masa ke semasa. Ini bersesuaian dengan matlamat yang ada pada Kementerian ini dan Jabatan-jabatan yang ada di bawahnya untuk:

Pertama : Memberi penerangan kepada rakyat;

Kedua : Mendidik rakyat; dan

Ketiga : Menghiburkan rakyat.

Tugas-tugas menerang dan mendidik rakyat ini akan ditingkatkan lagi baik melalui radio dan televisyen mahupun dari segi kegiatan bersemuka "Face to face communication". Oleh itu rancangan-rancangan radio dan televisyen dan kegiatan bersemuka Jabatan Penerangan sedang disusun semula bagi mencapai matlamat menerang dan mendidik rakyat, terutamanya jenerasi muda dengan lebih berkesan lagi. Sambil itu kegiatan ceramah dan penerbitan bahan-bahan bercetak untuk bacaan umum mengenai dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan serta isu-isu yang dihadapi oleh negara akan juga ditingkatkan.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA TAMAN CONNAUGHT, CHERAS

28. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) sama ada tawaran pembinaan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur telah dikeluarkan dalam bulan Mei, 1987 sebagai menjawab soalan saya pada sidang mesyuarat lalu;

(b) jika tawaran telah dipanggil, bilakah projek ini akan dimulakan, jika tidak, mengapa pula lewat;

- (c) berapakah anggaran kos untuk membina sekolah tersebut dan bilakah tempoh untuk disiapkan; dan
- (d) adakah sekolah tersebut akan dibina di atas sebidang tanah di Taman Connaught berkongsi sebahagiannya dengan sebuah sekolah menengah yang akan dibina di atas tapak yang sama.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tawaran pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya. Tawaran untuk projek ini dijangka akan dikeluarkan antara bulan Julai dan Ogos 1987.
- (b) Tawaran untuk projek ini lambat dikeluarkan kerana masalah penyediaan Dokumen Tawaran meja yang meliputi kerja-kerja penyediaan pelan dan lain-lain.
- (c) Anggaran kos yang diluluskan untuk projek ini ialah \$700,000.00. Dijangkakan tempoh pembinaannya ialah 24 minggu.
- (d) Memang benar sekolah ini dibina di atas tapak yang sama dengan Sekolah Menengah Taman Connaught.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DAN ISLAMISASI

29. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau sedar terdapat perbezaan pendapat di kalangan masyarakat mengenai dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan proses Islamisasi di negara kita. Jika ianya 2 perkara yang berbeza, apakah dasar Penerapan Nilai-nilai Islam merupakan satu dasar

ke arah proses Islamisasi sepenuhnya dalam pentadbiran negara dan seluruh sistem kehidupan yang mencukupi sistem perundangan, ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat negara ini; dan apakah benar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr Yusof Noor pernah mengeluarkan kenyataan baru-baru ini bahawa al-Quran tidak boleh menjadi perlembagaan negara kerana ianya menjatuhkan mertabat al-Quran itu sendiri. Apakah maksud pendapat ini kerana ia telah menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan sedar tentang adanya berbagai tafsiran dan fahaman di kalangan masyarakat mengenai dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran.

Oleh sebab itu Kerajaan telah menerbitkan buku-buku penerangan mengenai dasar itu dan di samping itu beberapa kursus, ceramah dan seminar telah diadakan bagi berbagai golongan masyarakat bagi memberi kefahaman mengenai dasar ini. Objektif dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran ialah:

- (a) Untuk menanam semangat cintakan nilai-nilai suci dalam Islam.
- (b) Untuk menanam sifat menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
- (c) Untuk membentuk sikap yang berguna kepada negara.
- (d) Untuk menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.
- (e) Untuk menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.
- (f) Untuk melatih diri dengan disiplin.

- (g) Untuk melahirkan pekerja-pekerja yang dapat menjalankan amanah dengan dedikasi.

Ringkasnya ini adalah suatu rancangan Kerajaan untuk menanam nilai-nilai yang murni dan yang membina ke dalam pentadbiran negara bagi mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah.

Mengenai kenyataan bahawa al-Quran tidak boleh dijadikan perlembagaan negara, itu adalah suatu pernyataan fakta (statement of facts). Perlembagaan negara adalah suatu undang-undang tubuh atau undang-undang utama bagi sesebuah negara yang menggariskan struktur dan sistem pentadbiran serta dasar-dasar undang-undang dan perundangan negara tersebut. Oleh itu perlembagaan negara mestilah digubal oleh manusia iaitu rakyat negara yang berkenaan. Tegasnya al-Quran dan perlembagaan negara adalah dua perkara yang berlainan dari segi sumber iaitu al-Quran adalah wahyu Allah dan perlembagaan negara ciptaan manusia, dari segi fungsi dan juga kandungan atau bidang liputannya. Seterusnya menganggap al-Quran itu sebagai perlembagaan negara bermakna merendahkan taraf al-Quran itu. Ringkasnya al-Quran tidak boleh dijadikan atau dianggap sebagai perlembagaan negara tetapi sebaliknya al-Quran mengandungi ajaran-ajaran yang merupakan panduan-panduan bagi menggubal perlembagaan negara.

**UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA CAWANGAN
SABAH**

30. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapa sebidang tanah seluas 364 hektar yang telah

diperuntukkan oleh Kerajaan Sabah dalam tahun 1980 untuk Universiti Kebangsaan Malaysia masih belum digunakan, sedangkan universiti-universiti seperti Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Utara telah dibina dalam tahun 1983 dan 1984; dan

- (b) berapa lamakah penuntut-penuntut Sabah harus menunggu sebelum mereka dapat memasuki universiti tempatan yang lebih murah daripada universiti-universiti yang ada di Semenanjung Malaysia atau di luar negeri.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan kepada keadaan kewangan Kerajaan sekarang, pembangunan beberapa kampus tetap dan cawangan Institusi Pengajian Tinggi tempatan telah ditangguhkan. Ini termasuklah kampus tetap Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang, Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah dan kampus Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Sabah (UKMS). Walau bagaimanapun, untuk menampung keperluan pendidikan tinggi di negara ini, kampus-kampus sementara telah diwujudkan, sama ada melalui penyewaan bangunan atau mendirikan bangunan-bangunan sementara di tapak-tapak tersebut, sebagaimana yang dilakukan bagi UIA dan UUM.

- (b) Pada masa ini peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi bagi rakyat Sabah memang wujud dengan terdapatnya Universiti Kebangsaan

Malaysia Kampus Sabah (UKMS) dan juga Institut Teknologi Mara (ITM) cawangan Sabah. Walau bagaimanapun, penghantaran para pelajar ke Semenanjung dan juga luar negeri masih lagi diperlukan untuk menampung keperluan gunatenaga tempatan di samping mempelbagaikan bidang kemahiran.

ROMPAKAN BERSENJATA PENDATANG HARAM— SIASATAN

31. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil tindakan dan siasatan polis berikutan kejadian pembunuhan seorang petani Chua Chee Peng dan kecederaan parah lima orang lain dalam satu perompakan bersenjata oleh 10 orang pendatang haram Indonesia di Kampung Baru, Kempas, Johor pada 2-6-1987. Apakah langkah-langkah yang berkesan dicadangkan oleh Kementerian khususnya pihak polis dan pihak Imigeresen untuk mengelakkan dan mengurangkan tindakan jenayah oleh pendatang haram Indonesia dan untuk menjamin keselamatan nyawa dan harta rakyat-rakyat negara kita sendiri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak polis telah berjaya menangkap enam orang lelaki warganegara asing yang disyaki terlibat dalam kejadian tersebut dan kes berkenaan masih lagi dalam siasatan. Tindakan akan diambil ke atas mereka yang terlibat apabila bukti-bukti yang cukup diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, Kerajaan sememangnya sentiasa bertindak tegas terhadap mereka yang melakukan jenayah termasuk warganegara asing

mengikut undang-undang negara kita. Bagi mengelak dan mengurangkan kejadian jenayah oleh pendatang haram demi keselamatan nyawa dan harta rakyat negara kita, langkah-langkah yang diambil antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti tempat-tempat tinggal pendatang haram dan menjalankan serbuan serta tangkapan ke atas mereka bagi membolehkan tindakan menghantar mereka balik ke negara asal.
- (ii) Jabatan-jabatan berkaitan mempertingkatkan kawalan bersama di kawasan-kawasan pantai dan perairan bagi mencegah kemasukan pendatang haram.
- (iii) Mempertingkatkan rondaan dan pemeriksaan di kawasan perumahan dan kampung-kampung bagi tujuan mengelakkan berlakunya kejadian jenayah.
- (iv) Mengenalpasti individu-individu atau majikan yang memberi perlindungan kepada pendatang haram dan mengumpulkan maklumat-maklumat bagi membolehkan pihak polis menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab tersebut.

SRJK TRUE LIGHT DI JURU

32. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa projek-projek pembangunan di SRJK True Light di Perkampungan Juru dalam kawasan Pilihanraya Bukit Mertajam yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan belum lagi dibelanjakan dan bilakah kerja itu akan bermula.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang merancang untuk membina

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan True Light di Perkampungan Juru. Jabatan Kerja Raya setakat ini telah pun menyiapkan rekabentuk sekolah tersebut, dan sebagai agensi peraksanaan, projek ini akan dilaksanakan apabila kelulusan peruntukan diterima daripada Kementerian Pendidikan.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH—PEMERIKSAAN

33. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mengarahkan pihak kilang ARE membenarkan pakar-pakar nuklear yang dilantik oleh penduduk-penduduk Lembah Kinta masuk memeriksa dan mengambil bacaan "radiation" di dalam lingkungan kilang sebagai satu syarat untuk membenarkan kilang itu terus berfungsi. Kalau tidak boleh, berikan sebab-sebabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ke atas Syarikat Asian Rare Earth adalah mencukupi untuk menjamin supaya aktiviti Syarikat tersebut tidak mendatangkan sebarang mudarat atau kesan buruk ke atas kesihatan pekerja-pekerja di kilang itu ataupun penduduk di sekitar Lembah Kinta.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom sentiasa mengawasi aktiviti Syarikat Asian Rare Earth tersebut dan mendapati bahawa paras-paras dedahan sinaran, sama ada di dalam kilang mahupun di luar kilang, adalah di bawah had-had yang telah disarankan oleh badan antarabangsa iaitu International Commission on Radiation Protection (ICRP).

AKTA PELAJARAN—PENDAPAT IBUBAPA

34. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada

usaha-usaha serius diambil untuk memperolehi pendapat-pendapat ibubapa dan para pendidik mengenai pindaan ke atas Akta Pelajaran supaya pindaan tersebut boleh menjadi lebih bermakna dan berdemokratik.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menang mengambilkira pandangan dan pendapat semua pihak dalam usaha mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh.

SIARAN TV MENGENAI KRISTIAN/HINDU/BUDDHA

35. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau boleh menimbangkan untuk mengadakan siaran rancangan-rancangan TV mengenai agama-agama lain seperti Kristian, Hindu, Buddha dan sebagainya demi untuk membolehkan rakyat berbilang kaum memahami secara lebih mendalam mengenai agama-agama orang lain dan melalui cara demikian dapatlah memupuk perasaan muhibah dan memperkuatkan perpaduan serta sejajar dengan prinsip pertama Rukunegara iaitu "Kepercayaan Kepada Tuhan".

Dato' Mohamed bin Rahmat: Rancangan-rancangan yang berunsurkan keagamaan dari agama lain seperti Kristian, Buddha dan Hindu ada disiarkan oleh RTM, terutamanya pada hari-hari kebesaran seperti Krismas, Deepavali, Thaipusam, Tahun Baru Cina dan Hari Gawai. Rancangan-rancangan ini disiarkan untuk menghormati masyarakat Malaysia yang menganuti agama-agama berkenaan dan bukanlah untuk mengajarkan agama-agama itu secara mendalam.

Peranan TV dalam bidang agama-agama yang disebutkan itu adalah

terhad kepada memberi penerangan-penerangan am saja, supaya masyarakat dapat memupuk kesefahaman dan perasaan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

SYARIKAT INSURANS

36. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah mudah-tunai, betapa besarkah masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans yang telah memberi jaminan kewangan untuk Pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh pelanggan-pelanggan mereka dan mengapakah Kementerian Kewangan membenarkan keadaan yang tidak sihat ini berlaku tanpa pengawasan dan penyeliaan yang wajar.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pada akhir tahun 1986, empat buah syarikat insurans menghadapi masalah aliran wang tunai yang serius yang mengakibatkan mereka tidak mematuhi keperluan solvensi minima, sepertimana yang dikehendaki di bawah Akta Insurans, 1963. Kekurangan aliran wang tunai ini sedang dibaiki melalui pertambahan modal baru dan rancangan penyusunan semula.

Jumlah jaminan kewangan yang dikeluarkan bagi pinjaman yang diambil oleh pelanggan sekarang berjumlah \$71.8 juta berbanding dengan \$89.2 juta dalam bulan Jun, 1986. Dua buah syarikat insurans memberi sebahagian besar dari jaminan ini yang masing-masing berjumlah \$38.2 juta dan \$23.7 juta. Beberapa langkah telah diambil oleh syarikat-syarikat yang terlibat dan di mana yang mungkin perundingan telah diadakan untuk melepaskan jaminan kewangan tersebut.

Akta Insurans 1963 hanya menghalang sesebuah syarikat insurans menjadi penjamin ke atas pinjaman yang diberi kepada pengarah, syarikat kaitan (related companies) dan di mana pengarah syarikat juga menjadi pengarah kaitan (director related companies). Oleh kerana jaminan kewangan telah diberi dengan sewenang-wenangnya kepada lain-lain pelanggan dan tanpa perlindungan insurans semula dan demi menjaga kepentingan pemegang polisi, Kerajaan terpaksa menghalang sepenuhnya keluaran jaminan kewangan. Ini dikuatkuasakan melalui arahan pekeliling yang dikeluarkan pada industri insurans pada 11-6-86. Kerajaan sedang mengawasi dengan lebih teliti jaminan-jaminan kewangan yang masih berkuatakuasa supaya perkara ini dapat diselesaikan tanpa menjejaskan industri keseluruhannya.

RAKYAT SRI LANKA MENYELUDUP KE BRITAIN

37. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan terhadap pendakwaan sebuah sindiket haram yang ada kaitan dengan Malaysia untuk menyeludup masuk rakyat Sri Lanka ke Britain. Apakah tindakan yang telah diambil sebagai susulan kepada siasatan dan apakah ada tangkapan dibuat setakat ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat dakwaan kononnya ada sindiket yang bertanggungjawab menyeludup masuk rakyat Sri Lanka ke Britain melalui Malaysia. Penyiasatan ke atas dakwaan ini memerlukan masa kerana Kementerian Dalam Negeri perlu mendapatkan bukti-bukti yang konkrit daripada pihak-pihak yang berkenaan dan orang-orang yang berkaitan.

Sehingga kini Kementerian Dalam Negeri telah pun menahan seorang

warganegara Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana terlibat dengan kegiatan ini.

TOL JAMBATAN PULAU PINANG

38. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenana tol Jambatan Pulau Pinang tidak dikurangkan walaupun tol baharu yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Mei, 1987 akan dikurangkan sebanyak 10% hingga 15%.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menurunkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang yang disiarkan di akhbar-akhbar tidak lama dahulu terpaksa saya tangguhkan buat sementara waktu. Menurut kajian Lembaga Lebuhraya Malaysia, oleh kerana negara masih di dalam keadaan resasi, cadangan penurunan kadar tol itu sekiranya dilaksanakan ada masa sekarang tidaklah akan memberi kesan yang bermakna terhadap pertambahan hasil pendapatan lembaga itu. Penurunan kadar tol itu bukan hanya akan memberi tambahan yang kecil sahaja terhadap jumlah kutipan tol, malahan berkemungkinan besar jumlah kutipan akan berkurang. Kesan itu sedemikian oleh kerana mengikut ramalan, peratusan penurunan kadar tol adalah lebih tinggi daripada angka pertambahan peratus pengguna-pengguna Jambatan Pulau Pinang. Oleh itu cadangan mengurangkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang sekarang tidak akan menggalakkan pelawat atau pelancong pergi ke pulau itu.

Seperti yang telah saya nyatakan seringkali di akhbar-akhbar dan juga di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang lampau, suka juga saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jambatan Pulau Pinang telah dibina dengan kos yang

besar, yang juga sekarang memerlukan peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi bagi memastikan keadaan jambatan itu sentiasa baik dan selesa untuk pengguna-pengguna. Oleh itu, apa-apa cadangan untuk mengurangkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang itu akan hanya dapat dikuatkuasakan jika ini akan menambahkan hasil pendapatan yang munasabah dan mencukupi supaya ia dapat meringankan semua tanggungan kewangan Lembaga Lebuhraya. Atas sebab-sebab yang telah saya nyatakan tadi maka Kementerian Kerjaraya terpaksa menangguhkan cadangan untuk mengurangkan kadar-kadar tol Jambatan Pulau Pinang buat sementara waktu sehingga ke satu masa yang dianggap sesuai dan bermakna untuk kadar tol itu dikurangkan.

NATIONAL GROWTH PROGRAMME—SERUAN

39. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan tindakan Kerajaan terhadap seruan Pengarah Arab Malaysian Merchant Bank pada bulan Mei tahun ini bahawa suatu "National Growth Programme" yang mengeneipkan pembinaan semula secara paksaan (forced restructuring) patut mengganti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Seruan ke arah suatu "National Growth Programme" yang dikemukakan oleh Pengarah Arab Malaysian Merchant Bank merupakan suatu pendapat dan pandangan peribadi beliau mengenai isu-isu yang berkaitan dengan dasar dan strategi baru selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pada masa ini Kerajaan masih belum memutuskan lagi tentang sebarang dasar dan langkah khusus

yang perlu diambil serta dilaksanakan ke arah penyelesaian isu-isu yang berkaitan dengan dasar ekonomi baru Kerajaan selepas 1990.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menegaskan, Kerajaan sentiasa mengikuti dan bersikap terbuka mengenai pandangan dan pendapat serta cadangan-cadangan membina yang dikemukakan oleh berbagai pihak. Pihak Kerajaan perlu meneliti semua pandangan-pandangan yang diberi sebelum satu-satu keputusan dibuat.

VISA TINGGAL DI MALAYSIA BAGI RAKYAT BURMA

40. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa sekeluarga tujuh orang Islam Burma bernama Hamid 61 tahun (bapa), Zainab 56 tahun (Ibu), Mohd Arif 30 tahun (anak), Mohd. Hanif, 27 tahun (anak), Faridah 25 tahun (anak) Rabiah 23 tahun (anak) dan Zainet 20 tahun (anak) yang tinggal di No. 135, Jalan H 12, Taman Melawati, Ulu Klang, Selangor adalah sebenarnya pendatang haram yang memasuki Malaysia melalui Negeri Thai pada penghujung 1985 dan berjaya mendapat VISA untuk tinggal di Malaysia dengan bantuan seorang pekerja Bank Pembangunan Rakyat di Kuala Lumpur, Encik Omar bin Abu, dan juga seorang Pegawai Imigresen di Perlis bernama Encik Pak Noor serta baru-baru ini ketujuh-tujuh orang dalam keluarga itu diberikan kad pengenalan sementara yang kemudiannya ditukar kepada Kad Pengenalan Biru, jika ya, bagaimanakah pihak Kerajaan dapat berbuat demikian sehingga dua orang anak lelaki itu diberi Pasport Malaysia untuk memasuki negara-negara lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sedang disiasat oleh Kementerian Dalam Negeri.

TASK FORCE VII MENGENAI PENDATANG HARAM DI SABAH

41. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab yang diberi oleh Kerajaan Negeri Sabah yang tidak membenarkan "Task Force VII" mengendalikan urusan pelarian dan pendatang haram di negeri ini dan seterusnya menolak permohonan daripada "Task Force VII" untuk mendirikan pejabatnya di negeri ini.

Dato' Oo Gin Sun: Kerajaan Sabah bukanlah tidak membenarkan Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam (PHV) mengendalikan orang-orang pelarian dan pendatang haram di Sabah. Sebenarnya Kerajaan Sabah mahu menjalankan pendaftaran dan menyediakan kajian menyeluruh mengenai masalah tersebut dan seterusnya mengemukakan hasil kajian serta laporan mereka kepada Kerajaan Pusat untuk kajian terperinci.

SEMPADAN DARAT/LAUT MALAYSIA—BRUNEI

42. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya dan Kerajaan Brunei telah menyelesaikan masalah menentukan Sempadan Darat dan Laut demi untuk kelancaran pembangunan. Jika tidak, mengapa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam sedang berusaha ke arah menyelesaikan kedua-dua isu ini. Masalah sempadan darat ini adalah berpunca daripada tuntutan Brunei terhadap Limbang di mana Brunei tidak mengiktirafkan Limbang sebagai sebahagian daripada Wilayah Malaysia. Jabatan Ukur sedang dalam proses menyediakan persiapan untuk melaksanakan penandaan sempadan. Projek ini akan

dimulakan dahulu di kawasan-kawasan yang tidak bersempadan dengan Limbang. Walau bagaimanapun telah kedua-dua pihak bersetuju bahawa projek penandaan ini tidak akan menjejaskan kerjasama dua hala yang sedang berjalan sekarang.

Mengenai sempadan laut, masalah ini berpunca daripada perbezaan interpretasi mengenai sempadan maritim kedua-dua negara. Kedua-dua negara sedang berusaha untuk mencari jalan menyelesaikannya. Peguam Negara Malaysia dan Brunei telah pun memulakan perbincangan ke arah ini. Di samping itu Kementerian Luar Negeri sedang menyediakan suatu Memorandum untuk dimajukan kepada Jemaah Menteri untuk persetujuannya mengenai cadangan penyelesaian masalah ini.

PETRONAS—KUMPULANWANG TERKUMPUL

43. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlahnya kumpulanwang terkumpul PETRONAS sejak pertumbuhannya serta nilai harta bendanya;
- (b) berapakah wang yang dilaburkan di dalam dan di luar negeri;
- (c) sebab-sebab wang PETRONAS dilaburkan di luar negeri;
- (d) jumlah kerugian yang dialami berkait dengan pelaburannya di (i) luar Malaysia dan (ii) di dalam Malaysia; dan
- (e) langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kerugian daripada berlaku pada masa-masa akan datang.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Jumlah kumpulanwang terkumpul (shareholder's funds)

dan nilai harta benda PETRONAS sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 1986 masing-masing ialah \$14,159 juta dan \$15,048 juta.

- (b) Pelaburan PETRONAS di dalam dan di luar negeri pada 31 Mac 1996 masing-masing ialah \$12,960 juta dan \$801.8 juta.
- (c) Wang pelaburan PETRONAS di luar negeri bukanlah merupakan pelaburan dalam ertikata sebenarnya. Jumlah wang tersebut adalah hasil dari penjualan minyak di luar negeri yang dibayar oleh pembeli-pembeli dalam bentuk mata wang asing dan disimpan di bank-bank di luar negeri sementara dibawa balik ke Malaysia. Hasil penjualan tersebut akan dibawa balik dalam tempoh sebulan dari tarikh penerimaan bergantung kepada kadar pertukaran wang asing supaya PETRONAS tidak mengalami kerugian.
- (d) PETRONAS tidak menanggung sebarang kerugian dalam pelaburannya sama ada di luar atau di dalam negeri.
- (e) Sungguhpun PETRONAS tidak mengalami sebarang kerugian bagi pelaburan wang yang dibuatnya setakat ini, penilaian sentiasa dibuat bagi memastikan pelaburan wang yang dibuat akan memberi pulangan yang maksimum.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

44. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan memansuhkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Pelajaran 1981 seperti seksyen 21 (2), 26A, 42 dan 53 yang melahirkan perasaan

kurang senang hati di kalangan kaum Cina dan India kerana mengancam masa depan dan kewujudan sekolah-sekolah bahasa Cina dan Tamil dan bilakah beliau bercadang berbuat demikian.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh dengan tujuan untuk memperkemas dan memperkukuhkannya supaya Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan. Semua pandangan akan diberikan pertimbangan teliti oleh Kerajaan sebelum cadangan tersebut dibentangkan. Adalah difikirkan terlalu awal untuk membahaskan tiap-tiap peruntukan di dalam Akta yang sedia ada.

PROJEK SISWA TANI

45. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada:

- (a) agensi-agensi Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dalam Projek Siswa Tani. Nyatakan juga bantuan-bantuan yang disediakan dari segi keluaran Tanah, Modal Pinjaman daripada Institusi Kewangan dan bantuan-bantuan lain daripada Kerajaan; dan
- (b) daripada pengalaman Projek-projek yang berjalan nyatakan prestasi dan kemajuan. Nyatakan juga berapa projek yang masih beroperasi dan berapa ramai siswa masih kekal di dalam projeknya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sehingga sekarang, pelaksanaan

Program Petani Siswazah adalah menggalakkan, berdasarkan kemajuan seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kemajuan Pelaksanaan</i>
<i>Projek Tanah Kerajaan Negeri</i>	
(i) Kedah	Kawasan seluas 400 ekar telah dikenalpasti untuk dijadikan estet perindustrian pertanian. Seramai 3 orang siswazah telah memulakan projek tapak semeian benih rotan manau dan projek tanaman tembakau.
(ii) Selangor Darul Ehsan	Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Petani Siswazah di Sungai Buah. Seramai 16 orang peserta telah dipilih.
(iii) Johor (KEJORA)	Projek Perintis terdiri dari 7 orang siswazah akan dilaksanakan di atas tanah seluas 200 ekar. Peringkat I telah dilaksanakan di kawasan seluas 55 ekar dengan tanaman sayur, tebu, pisang dan betik. Di samping itu, kawasan seluas 1,000 ekar untuk ternakan ikan juga dicadangkan untuk dimajukan.
(iv) Pahang Darul Makmur	Kawasan seluas lebih kurang 50 ekar telah diperuntukkan, di mana 20 ekar telah dibersihkan dan 5 ekar telah ditanam dengan labu dan sayur-sayuran. Di samping itu, tanah seluas 25 ekar sedang diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran, betik dan pisang. Projek-projek tersebut melibatkan penyertaan 16 orang siswazah.

Di samping itu, petani-petani siswazah juga menjalankan projek-projek di atas tanah sawah terbiar, projek-projek perikanan dan projek-projek di Institut Pertanian.

Setakat ini, pihak Kerajaan Negeri telah memperuntukkan kawasan seluas 5,995.8 ha. untuk petani-petani siswazah.

Mengenai bantuan modal dari Institut Kewangan, Bank Pertanian Malaysia ada menyediakan kemudahan pinjaman tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman Bank Pertanian.

MURID MEMBACA DOA/ IKRAR

46. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab dan tujuan murid-murid di negeri Melaka diperlukan membaca doa/ikrar;
- (b) siapakah membuat keputusan untuk melaksanakan program tersebut; dan
- (c) sama ada program tersebut akan diperkenalkan ke negeri-negeri yang lain.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Sebab dan tujuan murid-murid di negeri Melaka diperlukan membaca doa/ikrar adalah kerana memandangkan masalah disiplin yang dihadapi oleh negeri itu. Misalnya dalam tahun 1985 bilangan murid terlibat dengan kes melanggar disiplin ialah 7,154 orang dan dalam tahun 1986, bilangan murid terlibat 6,584 dan dalam penggal satu persekolahan tahun 1987, melibatkan 1,829 orang murid.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Perhubungan Disiplin Pelajar Luar Sekolah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri berpendapat bahawa usaha-usaha yang positif hendaklah dipertingkatkan ke arah membentuk

disiplin yang lebih baik di kalangan murid-murid khususnya tentang perlunya mereka membuat kebaikan dan menghindarkan diri daripada melakukan kesalahan dan kejahatan.

- (b) Keputusan untuk memperkenalkan amalan membaca doa/ikrar sebelum memulakan kelas dan akhir kelas pada tiap-tiap hari untuk semua murid sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Melaka merupakan salah satu daripada keputusan Jawatankuasa Perhubungan Disiplin Pelajar Luar Sekolah yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah Portfolio Pelajaran, Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- (c) Buat masa ini, Kementerian Pendidikan belum lagi membuat sebarang keputusan sama ada program tersebut (amalan membaca doa/ikrar) akan diperkenalkan ke negeri-negeri lain.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—TEMPOH PENYELESAIAN

47. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kabinet menyediakan garis panduan atau menetapkan tempoh masa bagi Bank Negara menyelesaikan masalah koperasi itu;
- (b) jika tidak, kenapa; dan
- (c) jika ada, apakah garis panduan itu dan bilakah tempoh masa itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kertas Putih mengenai Koperasi Pengambilan Deposit (KPD)

yang dibentangkan oleh Kerajaan dalam persidangan Parlimen pada bulan November 1986, antara lain, menyatakan garis panduan umum tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh KPD. Selaras dengan garis panduan ini, Bank Negara bersama-sama dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik dan penerima-penerima, telah merangka rancangan penyelamat yang sesuai bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh KPD.

Hasilnya setakat ini ialah 10 daripada 24 KPD (tidak termasuk KOJADI) telah mencapai persetujuan dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik, di mana pendeposit-pendeposit akan menerima sepenuhnya bayaran balik deposit mereka dalam tempoh 4 hingga 5 tahun. Bagi 13 KPD yang lain, Kerajaan sedang mengkaji beberapa pilihan yang telah dikemukakan oleh Bank Negara. Oleh yang demikian jangka masa bagi Bank Negara menyediakan rangka skim untuk mengatasi masalah KPD tidak wajar ditetapkan.

KENAIKAN YURAN PELAJARAN DI AUSTRALIA

48. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian selepas pengumuman oleh Kerajaan Australia berkaitan dengan kenaikan yuran pelajaran bagi universiti-universiti di negaranya dan adakah tindakan tersebut selaras dengan harapan di negara kita.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengkaji dengan teliti kesan dari pengumuman Kerajaan Australia mengenai kenaikan bayaran "Overseas Students Charge" bagi

tahun 1988 dan diputuskan satu protes rasmi akan dihantar untuk meminta supaya keputusan tersebut dikaji semula. Tindakan ini adalah selaras dengan harapan rakyat di negara ini.

PERNAS—KEMAJUAN ANAK SYARIKAT

49. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu milik PERNAS setakat ini. Apakah langkah-langkah yang sedang dirancang bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat tersebut akan terus mencapai kemajuan yang lebih baik.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Berdasarkan Laporan PERNAS yang terakhir iaitu bagi tahun kewangan 1985/1986, terdapat sebanyak:

- (i) 29 buah syarikat milikan PERNAS mengalami kerugian dalam tahun semasa. Sebanyak 23 buah dari syarikat berkenaan sememangnya telah mempunyai kerugian terkumpul akibat kerugian dalam tahun-tahun sebelumnya.
- (ii) 27 buah syarikat mendapat keuntungan dalam tahun semasa. Ini termasuklah 5 buah syarikat yang sebelumnya rugi tetapi telah mula membuat keuntungan dalam tahun 1985/1986.
- (iii) 41 buah syarikat lagi adalah tidak aktif, iaitu syarikat-syarikat yang telah berhenti operasi, dalam proses penutupan dan belum pernah beroperasi. Oleh itu kedudukan untung/rugi mereka tidak boleh diambilkira.

Dalam usaha untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat milikannya, PERNAS kini sedang mengambil

langkah-langkah tertentu seperti penyusunan semula aktiviti dan kakitangan bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos operasi. Syarikat-syarikat yang didapati tidak menguntungkan akan ditutup ataupun dijual.

PENGANGGURAN—MENGURANGKAN

50. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang Kementeriannya telah dan sedang ambil dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran yang kian meningkat di seluruh negara.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soalan seperti ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 29 Jun 1987 di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, saya tidak lagi berhajat untuk menjawabnya.

MAJALAH SERUAN ALIRAN

51. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab penolakan permohonan permit untuk menerbitkan majalah dalam Bahasa Malaysia bernama Seruan Aliran yang dibuat oleh Aliran sedang kelulusan telah pun diberikan kepada Aliran untuk menerbitkan majalahnya dalam Bahasa Inggeris.

2-7-87

16. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa permohonan untuk terbitan oleh Aliran dalam Bahasa Malaysia ditolak baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 2

Julai 1987 kerana soalan itu mempunyai maksud yang hampir sama.

Menteri Dalam Negeri telah menolak permohonan satu Permit Penerbitan untuk menerbitkan sebuah penerbitan bernama Seruan Aliran. Penolakan itu telah dicabar di Mahkamah oleh pihak pemohon. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi apa-apa ulasan di atas perkara ini kerana ianya mungkin menjadi sub judice (dengan izin) kepada perbicaraan kes ini di Mahkamah nanti.

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN—PERUBAHAN NAMA

52. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah pihak Kerajaan akan menukar nama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi mencerminkan kedudukan Kebudayaan Nasional tetap unggul sebagaimana saranan sarjana-sarjana dan para cendekiawan; dan
- (b) apakah akan berlaku perubahan kepada aktiviti dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) selaras dengan perubahan tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Kerajaan memang sedar akan reaksi dan saranan para sarjana dan cendekiawan mengenai nama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang baru diwujudkan itu. Kerajaan bersedia mendengar pandangan dan pendapat mereka tentang perkara tersebut. Baru-baru ini saya sendiri telah mengadakan

pertemuan dengan tokoh budaya bagi mendapatkan komen mereka.

- (b) Kerajaan tidak berhasrat untuk merubah Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kerajaan juga tidak akan melakukan apa-apa perubahan yang menyekat atau menghadkan aktiviti dalam melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Malah program-program baru dalam Kebudayaan boleh dirancang bagi melihat potensi sumber seni budaya bagi meningkatkan industri pelancongan.

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

53. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kawalan keselamatan yang patut diperketatkan lagi dari berlaku jenayah, perompak-perompak bersenjata dan senjata merbahaya, memandangkan akhir-akhir ini bertambah banyak peristiwa-peristiwa jenayah tersebut melesapkan wang dan membunuh anggota-anggota keselamatan, orang-orang awam yang menjadi isteri-isteri mereka hilang tempat bergantung, anak-anak mereka menjadi yatim terpaksa menjadi tanggungjawab Kerajaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Soalan dari Yang Berhormat berkenaan tidak begitu jelas sama ada "anggota-anggota keselamatan" itu dimaksudkan kepada anggota-anggota polis ataupun anggota-anggota agensi kawalan keselamatan swasta yang banyak terdapat di negara kita. Sekiranya soalan ini dimaksudkan kepada anggota-anggota agensi kawalan keselamatan swasta maka jawapan saya adalah seperti berikut:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, beberapa langkah telah diambil bagi

meningkatkan mutu perkhidmatan anggota kawalan keselamatan untuk membendung kejadian-kejadian jenayah khususnya rompakan bersenjata. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut—

- (i) mengarahkan semua syarikat perkhidmatan kawalan memberi latihan secukupnya kepada pengawal-pengawal mengenai penggunaan senjata dan latihan mempertahankan diri;
- (ii) menasihatkan syarikat perkhidmatan kawalan meningkatkan langkah-langkah keselamatan seperti meminta bantuan pihak polis semasa mengendalikan pengeluaran wang dari bank, membawa (cash in transit) wang gaji dan sebagainya khususnya yang melibatkan jumlah wang yang besar;
- (iii) menasihatkan orang-orang awam yang hendak mengeluarkan wang yang banyak meminta bantuan kawalan pihak polis atau pengawal keselamatan; dan
- (iv) mengenakan had umur terhadap pengawal-pengawal keselamatan iaitu mereka yang melebihi 55 tahun tidak boleh menjadi pengawal kecuali disahkan cergas oleh doktor. (Pengawal-pengawal yang melebihi umur 60 tahun tidak layak menjadi pengawal).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, kejadian-kejadian rompakan yang melibatkan kematian anggota-anggota agensi kawalan keselamatan tidaklah begitu serius. Misalnya bulan Januari hingga Mei 1987 hanya tiga orang anggota kawalan keselamatan terbunuh ketika berlakunya kes samun bersenjata semasa mereka bertugas mengiringi wang tunai. Bagaimanapun Kerajaan

sentiasa mengambil berat untuk membendung kejadian-kejadian jenayah seumpama itu.

**SYARIKAT TELEKOM
MALAYSIA—TUNGGAKAN
BIL TELEFON**

54. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB) (dan sebelumnya Jabatan Telekom Malaysia) tidak mengambil tindakan yang lebih berkesan memotong tunggakan bil-bil telefon daripada Jabatan-jabatan Kerajaan dan Perbadanan Berkanun (Statutory Bodies) yang rakyat diberitahu berhutang berpuluh-puluh juta ringgit setakat hari ini. Bolehkah Menteri dan STM (Syarikat Telekom Malaysia) menjaminkan pengguna-pengguna telefon yang berhutang tunggakan bil-bil telefon yang tidak melebihi jumlah \$200 seorang tidak akan menghadapi pemotongan talian telefon tetapi sebaliknya akan diberi peluang dan masa yang saksama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Perbadanan Berkanun untuk menjelaskan tunggakan mereka.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ingin saya menekankan terlebih dahulu bahawa Syarikat Telekom Malaysia mengambil sikap yang amat wajar dan munasabah terhadap pengguna perkhidmatannya tidak kira sama ada pengguna itu adalah Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, ataupun pengguna awam. Walaupun begitu ia sewajarnya juga bersikap adil terhadap dirinya sebagai satu Perbadanan yang bertanggungjawab mengendalikan perkhidmatan telefon pada masa ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Telekom Malaysia memberi masa yang cukup untuk pengguna awam menjelaskan bayaran yang tertanggung berdasarkan kepada sistem pungutan bayaran

seperti yang diamalkan pada hari ini. STM pada puratanya memberi masa sepanjang lebih kurang 2½ bulan untuk tindakan diambil memotong perkhidmatan telefon. Oleh kerana nilai bil yang bertanggung itu bergantung kepada penggunaan telefon, maka soal nilai tunggakan yang minima ialah satu perkara yang tidak relevan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa di bawah pentadbiran Jabatan Telekom Malaysia, tindakan pemotongan bekalan telefon Kerajaan sama ada di kediaman rumah ataupun di pejabat tidak pernah dilakukan. Pada masa sekarang, untuk meletakkan STM pada kedudukan yang lebih teratur dari segi pungutan bayaran, maka STM, mengambil langkah yang lebih positif. STM sekarang mengambil tindakan untuk memotong telefon kediaman yang dibayar oleh Kerajaan jika ianya tertanggung selama lebih daripada dua bulan.

Bagi telefon-telefon yang dipasang di Jabatan Kerajaan, pihak STM telah membuat keputusan untuk meminta Jabatan-jabatan ini menjelaskan bil-bil yang tertanggung bagi tahun 1986 dan bagi tahun 1987. Jika bil-bil ini tidak dijelaskan, STM akan juga mengambil tindakan untuk memotong sendiri perkhidmatan telefon berkenaan. Bagi bil-bil yang tertunggak sebelum tahun 1985, pihak STM sedang membuat perbincangan dengan Jabatan berkenaan untuk mencari jalan paling sesuai supaya bil-bil ini dapat dijelaskan.

**CUKAI TANAH SEKOLAH
TIONGHUA/TAMIL**

55. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil untuk menunaikan pengumuman Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang dibuat pada 28 Jun 1986 bahawa cukai tanah bagi semua sekolah Tionghua dan Tamil akan dikecualikan dan bahawa semua penduduk Kampung-kampung Baru akan dapat membaharui pajakan tanah mereka kepada 60 tahun.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mengenai cukai tanah bagi semua sekolah-sekolah yang dimaksudkan jawapan bagi pertanyaan seumpama ini telah pernah dijawab di Persidangan Parlimen Dewan Rakyat pada 17 Mac 1987 yang lalu.

Mengenai melanjutkan tempoh pajakan tanah di Kampung-kampung Baru, ianya adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang berkuasa meluluskan pemberian milik tanah ke atas hakmilik yang telah luput tempoh pajakannya. Pada masa ini Kerajaan Negeri telah pun mengadakan dasar mengenai perkara ini di mana kebanyakannya memberikan tempoh pajakan tidak kurang daripada 60 tahun.

(Soalan 56. Sila lihat jawapan No. 41 pada 29-6-1987).

(Soalan 57. Sila lihat jawapan No. 5).

TANAH SAWAH TERBIAR

58. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan hektar tanah terbiar di seluruh Semenanjung Malaysia dan pecahan angka menurut negeri-negeri dan sejauh mana Unit Penswastan dan Pelaburan di Kementerian telah berjaya memulihkan tanah terbiar kepada kegunaan produktif. Adakah Kerajaan bersedia untuk melaksanakan satu Dasar Tanah Pertanian Terbuka untuk menyediakan pekerjaan, menggalakkan pengeluaran makanan dan

mengurangkan import makanan yang berjumlah lebih kurang \$3 billion pada hari ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sehingga akhir tahun 1986 Kementerian Pertanian telah mengenalpasti seluas 125,255 hektar tanah sawah terbiar. Di samping itu, Kementerian saya difahamkan terdapat sejumlah 398,891 hektar tanah terbiar bukan sawah yang sedang dipulihkan secara berperingkat oleh FELCRA.

Setakat ini seluas lebih daripada 33,000 hektar sawah terbiar telah dipulihkan melalui program-program Jabatan/Agensi Kerajaan termasuk juga pihak swasta.

Sebenarnya peranan utama menyelaras program memulihkan tanah sawah terbiar telah dipertanggungjawabkan kepada LPP. Menerusi projek-projek pemulihan Pertubuhan Peladang dan Projek-projek anjuran Jabatan/Agensi lain di bawah Kementerian Pertanian, seluas 3,000 hektar dijangkakan dapat dipulihkan pada tahun ini. Di samping itu, pihak swasta juga digalakkan menyertai program pemulihan. LPP sedang mengenalpasti tanah-tanah sawah yang boleh disewakan kepada pihak-pihak pengusaha yang berminat. Maklumat ini disalurkan kepada pelabur/pengusaha melalui Unit Penswastan dan Pelaburan di Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian tidak ada menyediakan Dasar Tanah Pertanian Terbuka sepertimana yang dimaksudkan itu. Strategi-strategi pembangunan tanah seperti yang digariskan di bawah Dasar Pertanian Negara telah menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk memandu ke arah meningkatkan daya pengeluaran pertanian negara ini secara beransur-ansur di samping mengujudkan peluang-peluang

pekerjaan yang banyak kepada rakyat. Strategi-strategi pembangunan tanah tersebut juga telah mengambilkira kesemua keperluan-keperluan utama bagi meningkatkan lagi pengeluaran bahan-bahan makanan menggantikan import serta barangan eksport negara.

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

59. Dato' Dr Affuddin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan di seluruh negara yang mempunyai pendapatan yang cukup untuk membayar ongkos pengurusannya sendiri; sila nyatakan nilai bersih keseluruhan pertubuhan-pertubuhan ini dan juga NAFAS. Adakah Kerajaan bercadang menarik balik bantuan peruntukan pengurusan mengikut kemampuan ini dan jika ada nyatakan rangka masa rancangan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Secara purata kos pengurusan bagi membiayai perjalanan sesebuah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seperti gaji serta elaun pegawai dan kakitangan yang bertugas di sesebuah PPK, bayaran elektrik, air, telefon, alatulis, bahan percetakan dan lain-lainnya adalah dalam lengkungan \$100,000 setahun. Daripada jumlah ini lebih kurang 60%-70% merupakan gaji dan elaun pegawai serta kakitangan Kerajaan yang ditempatkan di PPK tersebut, manakala kos-kos lain ditanggung sendiri. Dari jumlah 251 PPK, yang mampu membayar ongkos pengurusannya sendiri berdasarkan kepada kedudukan kewangan pada 31hb Disember, 1986 adalah 21 buah PPK sahaja lebih kurang 8%.

Nilai bersih pertubuhan peladang di semua peringkat termasuk PPN dan NAFAS pada 31hb Disember, 1986 ialah \$80,520,245.

Kerajaan bercadang untuk menarik balik bantuan pengurusan, iaitu penempatan pegawai dan kakitangannya, daripada pertubuhan peladang secara berperingkat-peringkat mulai 1991, khususnya dari pertubuhan-pertubuhan peladang yang sudah mula berdikari.

GAJI PERDANA MENTERI

60. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan secara terperinci:

- (a) jumlah penuh gaji dan elaun serta kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati oleh beliau pada setiap bulan; dan
- (b) sama ada selain dari menerima gaji sebagai Perdana Menteri, beliau juga menerima gaji dan elaun serta kemudahan-kemudahan lain dalam kapasiti beliau sebagai Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman dan jika benar, berapakah jumlah penuh wang yang diterima pada setiap bulan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Jumlah gaji yang diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah \$7,500 sebulan. Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan lain adalah mengikut peruntukan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.
- (b) Beliau tidak dibayar gaji dan elaun tambahan kerana memegang jawatan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman.

KILANG ASIAN RARE EARTH—PENUTUPAN

61. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menutup

kilang ARE (Asian Rare Earth) di Bukit Merah, Ipoh agar menjamin kesihatan dan nyawa penduduk di kawasan tersebut supaya tidak diancam oleh radioaktif, jika tidak, apakah sebabnya.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Soalan Yang Berhormat dari Seputeh telah pun saya jawab ketika saya menjawab soalan Yang Berhormat Batu Gajah pada 29hb. Jun 1987, kerana kedua-dua soalan tersebut mempunyai maksud yang sama. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

PELANCONGAN—MEMPERTINGKATKAN

62. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan rancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan fasiliti pelancongan di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mempertingkatkan fasiliti pelancongan di negara ini, sektor awam akan lebih menumpukan usaha-usahanya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas serta projek-projek yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pelancongan secara kecil-kecilan. Peranan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat serta Kerajaan-kerajaan Negeri ialah dalam memastikan segala fasiliti pelancongan ini diselenggara dengan baik dan dipertingkatkan dari segi mutu, kebersihan dan perkhidmatan.

Di samping itu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan meminta kerjasama dan sokongan dari sektor swasta untuk membangun dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan superstruktur

perlancongan. Di dalam hal ini beberapa insentif telah diadakan. Ini termasuklah galakan-galakan yang diberi di bawah Akta Penggalakan Pelaburan seperti Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan, menurunkan kadar elektrik dan cukai perkhidmatan dan menubuhkan Tabung Pelaburan Baru atau (NIF).

Di bidang penggalakan, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah positif ke arah meningkatkan lagi penggalakan pelancongan tempatan.

Langkah utama yang dijalankan ialah bagi memberi kesedaran kepada rakyat mengenai daya-daya tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini menerusi kempen-kempen pengiklanan, penyebaran risalah, penganjuran program-program galakan pelancongan dan sebagainya.

Dari semasa ke semasa, Kerajaan juga mengadakan majlis-majlis taklimat kepada kumpulan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan isteri masing-masing, para pelajar, anggota pasukan polis/tentera, kumpulan belia serta kumpulan rakyat Malaysia dari sektor swasta khusus untuk menimbulkan keinginan di kalangan mereka itu bagi melancong di dalam negara.

Kerajaan juga menyertai penggalakan-penggalakan pelancongan dalam negeri yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri serta organisasi tertentu seperti Pesta Perahu Antarabangsa Pulau Pinang, Expo Perdagangan Negeri dan lain-lain pameran yang berkaitan dengan pelancongan.

Sejak bulan Mei 1985, Kerajaan, menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dan dengan kerjasama sektor swasta telah pun melancarkan program-program Percutian Istimewa (Great Value

Holidays) yang memberi peluang kepada rakyat tempatan bagi memilih 32 program lawatan ke tempat-tempat pelancongan di seluruh negara. Sambutan terhadap program percutian ini amat menggalakkan dan sehingga bulan Mac 1987, sebanyak 5,076 program lawatan tersebut dijual dan dikendalikan.

TINGKATAN ENAM— SYARAT KEMASUKAN

63. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan tempoh bagi menguatkuasakan syarat yang memerlukan seseorang penuntut lulus dengan kepujian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SPM untuk membolehkan seseorang penuntut dinaikkan ke tingkatan enam bawah, khasnya bagi penuntut-penuntut Sabah dan Sarawak memandangkan taraf pencapaian penuntut-penuntut Sabah dan Sarawak belum setanding dengan rakan-rakan mereka di Semenanjung. Adalah tidak adil jika keputusan ini dibuat berdasarkan oleh pencapaian yang baik oleh berapa orang penuntut Sabah dalam peperiksaan tahun lepas kerana ini bukanlah memberi gambaran yang menyeluruh. Sabah dan Sarawak masih lagi kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih dan ini sudah tentu menjejaskan taraf pencapaian mereka.

Dr Leo Michael Toyad: Buat masa ini Kementerian Pendidikan hanya menetapkan syarat-syarat bagi kemasukan ke Tingkatan Enam di sekolah-sekolah di Semenanjung.

Bagi pelajar-pelajar di Sabah dan Sarawak mereka hanya dikehendaki "lulus" sahaja dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM untuk memasuki ke Tingkatan Enam.

PENERBANGAN KE MALAYSIA

64. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mempelawa lebih banyak syarikat penerbangan asing mengadakan penerbangan ke Malaysia terutama Sabah dan sama ada Kementeriannya akan memperkenalkan Sabah sebagai pusat pelancongan. Jika tidak mengapa.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sedia menyedari mengenai kepentingan perkhidmatan udara (air accessibility) dalam usaha untuk meningkatkan lagi kedatangan para pelancong ke Malaysia. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan adalah sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha bagi memperluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa Sistem Penerbangan Malaysia, di samping cuba menarik lebih banyak syarikat penerbangan ke negara ini termasuk Sabah. Pada masa sekarang sebanyak 48 syarikat penerbangan asing telah pun diberi hak mengadakan penerbangan ke Malaysia di bawah perjanjian-perjanjian udara yang ditandatangani di antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Sungguhpun begitu tidak semua syarikat penerbangan tersebut telah memulakan perkhidmatan masing-masing ke Malaysia, kerana keputusan untuk menggunakan hak-hak pendaratan sedemikian adalah terpulang kepada syarikat-syarikat penerbangan itu.

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah dan akan berterusan menjalankan usaha bagi memperkenalkan Malaysia termasuk negeri Sabah sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik di kesemua pasaran-pasaran pelancongan utama di seluruh dunia.

Selaras dengan ini, program-program penggalakan pelancongan yang bersepadu telah pun disusun dan dilaksanakan dalam mana kesemua tarikan-tarikan yang terdapat di negara ini termasuk di negeri Sabah telah pun didedahkan khusus bagi menarik lebih ramai pelancong-pelancong untuk mengunjungi Malaysia.

Kerajaan juga adalah menyedari bahawa negeri Sabah sememangnya mempunyai banyak daya tarikan yang unik seperti Gunung Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Utan di Sepilok, nilai-nilai kebudayaan rakyat tempatan, taman-taman hutan lipur dan pulau-pulau yang indah. Segala tarikan ini akan sentiasa diutarakan di dalam filem-filem, risalah-risalah, poster-poster, bahan-bahan pelancongan serta kempen-kempen pengiklanan yang dikeluarkan dan dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG JALAN- JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta

Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang". (29hb Jun, 1987).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya jemput Yang Berhormat dari Maran menyambung.

3.35 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyambung semula perbincangan saya pada semalam berhubung dengan satu Akta, iaitu Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyebutkan bahawa pentingnya sama ada syarikat yang kita swastakan itu bekerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain bagi menentukan kejayaan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam itu diswastakan. Kementerian-kementerian lain yang perlu kita bekerjasama ialah contohnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang mana apabila pelancong-pelancong datang ke Malaysia eloklah kita tunjukkan kebudayaan-kebudayaan yang

menarik di negara kita ini supaya menggalakkan lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita. Selain daripada itu, ialah Kementerian Pertanian kita boleh juga menyarankan supaya pelancong-pelancong yang datang itu pergi ke mana-mana tempat yang sesuai untuk menunjukkan aktiviti pertanian negara kita. Begitu juga Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mungkin kita boleh membawa mereka ke rancangan FELDA, di antaranya FELDA kelapa sawit ataupun getah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sentuh di sini ialah berhubung dengan harta-harta yang dimiliki oleh Jabatan Penerbangan Awam apabila kita menswastakan Jabatan ini tentulah di antara harta-harta yang kita miliki, sama ada harta alih ataupun harta tak alih akan kita swastakan bersama-sama kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Maka bagi menentukan harta-harta ini dipelihara dengan baik dan digunakan dengan baik, maka perlulah cara-cara yang tertentu, syarat-syarat yang tertentu disarankan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain ialah di dalam usaha kita hendak menswastakan lapanganterbang misalnya, perlulah Kementerian ini meninjau mana-mana lapanganterbang di negara asing yang telah menjalankan secara swasta ini yang berjalan dengan baik kerana kita boleh meniru ataupun boleh mengambil perbandingan demi untuk mengenakan syarat-syarat tertentu kepada syarikat-syarikat yang akan menjalankan aktiviti swasta ini.

Seperkar lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sentuh ialah mengenai penglibatan wang Kerajaan. Dalam Akta pindaan ini telah menyatakan bahawa tidak ada bentuk kewangan yang terlibat dalam usaha Kerajaan bagi menswastakan Jabatan

ini. Maka saya berharap benar-benar supaya Kerajaan tidak terlibat menambahkan lagi kewangan dalam urusan menswastakan aktiviti-aktiviti di bawah Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa penyerahan aktiviti Jabatan ini kepada mana-mana syarikat hendaklah Kerajaan pastikan supaya penyerahan itu berjalan baik tanpa ada apa-apa gangguan. Sekiranya berlaku apa-apa gangguan, ini akan menjejaskan perkhidmatan yang akan dijalankan itu dan juga akan menjatuhkan kewibawaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum bahawa dalam masalah lapanganterbang ini, sebagaimana saya nyatakan semalam adalah di antara tempat-tempat yang strategi yang selalu digunakan bukan sahaja untuk rampasan kepalterbang dan sebagainya, juga kita takut swasta-swasta yang kita tawarkan, terutama sekali kalau kita tawarkan kepada syarikat-syarikat luar daripada negara kita, mereka akan bertindak seolah-olah lapanganterbang yang mereka punya itu merupakan hak mereka dan mereka akan menggunakan kekuatan mereka dan mereka akan melawan kita, bererti lapanganterbang itu adalah mereka yang punya dan kita bimbang mereka pula membuat perhubungan sulit atau perhubungan yang tertentu dengan negara-negara lain yang akan menjadi tempat mereka untuk bertapak bagi menjadikan suasana yang kurang baik kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, inginlah saya menyatakan bahawa sokongan yang penuh di atas pindaan ini dan marilah kita bersama-sama memberikan sumbangan yang sesuai mengikut peranan masing-masing bagi menjayakan hasrat Kerajaan yang baik ini. Sekian, terima kasih.

3.41 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan pindaan kepada Akta Penerbangan Awam 1987. Saya terlebih dahulu mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah mengambil usaha untuk membuat pindaan demi membolehkan Penerbangan Awam diswastakan sesuai dengan perkembangan zaman setelah Akta ini wujud hampir 20 atau 19 tahun. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi beberapa cadangan untuk memperbaiki dan demi mencapai matlamat yang baik ke arah penswastaaan yang akan berlaku.

Pertamanya, bila menyebut soal swasta, maka ternampak dan tergambar kepada kita memang ada pihak-pihak yang berminat akan mendapat peluang untuk menjalankan atau melaksanakan projek penswastaaan Penerbangan Awam ini. Saya sempat mengikuti bersama-sama dengan rakan-rakan lain daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang turut mencadangkan dalam perkara ini, andainya penswastaaan akan berlaku, maka penswastaaan ini akan diberi, setengah kata kepada pihak-pihak tertentu dan setengah kata secara terbuka. Maka saya fikir perkara ini biarlah kita akui hakikat bahawa penswastaaan atau projek yang akan dilaksanakan akan membawa keuntungan dari segi perniagaan dan kalau keuntungan itu biarlah dirasai oleh pihak yang terlibat ataupun yang menyokong Kerajaan, dengan syarat mereka ini layak. Saya amat dukacita kalau projek-projek semacam ini, projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan akhirnya didapati oleh penentang-penentang Kerajaan seperti DAP atau PAS yang kerjanya memaki-hamun kepada Kerajaan, fasal projek mahu juga.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita yakin dan percaya

kepada pihak Kerajaan akan meneliti perkara ini untuk memastikan bahawa projek-projek ini mendapat manfaat kepada mereka yang bersimpati ataupun menyokong Kerajaan. Tentang kelayakan memang Kementerian dan saya yakin pihak-pihak berkenaan mempunyai kepakaran tertentu untuk meneliti syarikat mana yang akan dapat.

Keduanya, bila kita menyebut penswastaaan, maka tergambar kepada kita bahawa penswastaaan akan memikirkan, pertamanya konsep untuk memaksimumkan (maximise) keuntungan dan meminimumkan kos atau tanggungan termasuklah kakitangan yang akan terlibat. Maka jelas tergambar kepada kita bahawa terlibatlah dari segi penyusunan pegawai-pegawai, kakitangan daripada atas sampai ke bawah dan tergambarlah kepada kita istilah yang sedang berkemundang pada hari ini, soal pengangguran. Bila kita sebut soal pengangguran, ianya rata-rata kita percaya akan membawa masalah sosial dan politik kepada negara kita.

Dalam hal ini, saya suka mengingatkan kepada syarikat atau kepada pihak atau Kementerian sendiri yang akan membuat penawaran kepada syarikat yang akan mendapat projek penswastaaan ini supaya mengambil kira soal kemanusiaan di samping mencari keuntungan kerana kadang-kadang untuk mendapat keuntungan, mereka meletakkan keutamaan (target) untuk mendapat untung yang lebih tanpa mengira soal-soal kemanusiaan yang tentunya akan melibatkan kesan-kesan ataupun implikasi sosial dan politik kepada negara kita. Sudahlah sekarang kita menghadapi masalah pengangguran di kalangan siswazah dan pengangguran di kalangan lulusan-lulusan peringkat kolej, STPM, SPM dan sebagainya, dan kalau projek-projek yang akan diswastakan ini akan melahirkan pula

kesan-kesan pengangguran, barangkali pada satu masa negara kita tidak akan bertanggung dengan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang sesuai dengan saat-saat negara kita yang sedang berusaha untuk memulihkan ekonomi, maka berbagai-bagai bidang, berbagai-bagai Kementerian akan cuba memainkan peranan masing-masing untuk mencapai matlamat pemulihan ekonomi bagi negara kita. Satu caranya, melalui penswastaan atau melalui pindaan Akta ini, saya mengharapkan ianya dapat memberi manfaat di bidang pelancongan, kerana kita tahu, kita nampak matlamat dan hasrat Kerajaan untuk benar-benar untuk menarik pelancong dengan berbagai-bagai cara setelah Kerajaan yakin bahawa pelancongan adalah satu-satunya sumber untuk membawa ekonomi atau kewangan kepada negara sendiri.

Ini terbukti bila Kementerian ataupun bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mewujudkan satu Kementerian khusus yang dinamakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan harapan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini akan membawa masuk ramai pelancong-pelancong yang tentunya akan membawa kewangan yang berlebihan kepada negara kita. Maka bila kita sebut soal pelancongan, sebahagian besar pelancong-pelancong ini tentunya akan datang melalui penerbangan dari negara masing-masing dan tentunya muka masuk atau pintu masuk ke negara ini ialah di lapangan terbang di seluruh negara kita. Soal ini, suka saya mengingatkan kepada perkara-perkara yang boleh menarik pelancong ini, terutamanya soal disiplin kakitangan yang akan terlibat dengan sambutan ataupun bagi pertama kali bertemu pelancong-pelancong luar negeri. Barangkali soal-soal uniform yang kemas dan

menarik boleh difikirkan oleh Kementerian untuk menentukan syarikat yang akan memiliki projek ini akan melaksanakan.

Keduanya, dari segi kebersihan. Ramai di kalangan kawan-kawan saya telah menyentuh soal kebersihan dan saya turut memberi maklumat dan pandangan, bahawa rata-rata, banyak lagi tempat-tempat di lapanganterbang kita, sama ada di lapanganterbang antarabangsa ataupun di bandar-bandar di seluruh negeri, keadaan kebersihan amat meragukan. Perkara ini perlu diperbaiki dan perlu diberi syarat utama kepada syarikat yang akan memiliki projek ini.

Ketiga, dari segi penarikan ataupun untuk kita menarik minat pelancong-pelancong ini ialah tingkah laku, sopan santun, budi pekerti dan peramah yang perlu kita terapkan. Kadang-kadang kita terkenal dengan orang Malaysia, orang Melayu khasnya terkenal dengan sopan santun, budi pekerti, peramah, baik, tetapi berlaku juga barangkali oleh perkembangan pengaruh-pengaruh tertentu ada orang-orang Melayu yang sudah bila memegang jawatan Kerajaan bersikap sombong apatah lagi kalau dengan pelawat-pelawat asing. Kadang-kadang yang berjawatan rendah itu lebih sombong daripada berjawatan tinggi. Kadang-kadang kerani lebih berlagak tinggi daripada pegawai. Ini barangkali boleh mendukacitakan dan perkara ini boleh dipastikan melalui kursus-kursus yang intensif, kursus-kursus yang dapat dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan supaya budi pekerti, sopan santun ini akan menarik pelancong kerana kita dapat merasai kesan pertama kalau kita berhubungan dengan mana-mana jabatan sekalipun, kalau kita membuat panggilan telefon misalnya, kalau sambutan telefon itu dijawab dengan kasar, impression ataupun

tanggapan pertama kita kepada jabatan itu sudah buruk. Begitulah halnya dengan sebuah negara, kalau pertama kali mereka menemui pegawai-pegawai atau kakitangan yang terlibat dengan sambutan ini kurang sopan santun, budi pekerti, tidak peramah, maka mereka anggap keseluruhan rakyat ini kurang baik walaupun kita tahu jelas bahawa rakyat negara kita memang baik.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada dengan andaian syarikat-syarikat yang akan memiliki projek ini yang akan barangkali meletakkan keuntungan dan kita menghormati dan kita memahami bahawa syarikat ini memang mengharapkan keuntungan. Di masa yang sama kita mengharapkan janganlah keuntungan itu sampai melibatkan penganiayaan kepada pihak rakyat umum ataupun pihak yang terlibat dengan penggunaan lapangan terbang ini. Misalnya dengan sewenang-wenangnya menaikkan cukai tertentu dan bayaran-bayaran tertentu yang boleh membebankan rakyat secara umum kerana negara kita mengharapkan bukan sekadar orang-orang tertentu mereka yang bercoat, berbush jaket ataupun berpakaian kemas sahaja menaiki kapal terbang terutama di dalam negara kita, tetapi kita mengharapkan satu hari nanti keseluruhan atau sebahagian besar rakyat Malaysia ini dapat merasai kenikmatan dan kemajuan negaranya melalui sistem-sistem penerbangan yang dimiliki oleh negaranya sendiri dan perkara ini boleh membawa kesan kalau kita tidak mengawasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja semalam menyambut dengan bangganya kepulangan Wira Negara kita, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dari Persidangan mengenai penyalahgunaan dan pengedaran dadah dan

kita berbangga bahawa negara kita, pemimpin kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi tempat walaupun kita sebuah negara yang kecil, bangsa yang kecil, tetapi kita membuktikan satu bangsa yang begitu tegas, berani dan memperjuangkan demi kepentingan negara dan umat di seluruh dunia. Tetapi kalau kita tidak awasi mungkin ada pihak-pihak yang masih cemburu dan dengki dengan keagungan dan kebanggaan kita ini dan akan memainkan peranan untuk men-sabotaj, menghalang melalui cara-cara pengedaran dadah. Tentunya kita sentiasa melihat di dalam akhbar-akhbar di dalam laporan-laporan bahawa antara pintu-pintu masuk pengedaran dadah ialah melalui lapangan-lapangan terbang.

Dalam perkara ini perlu kita awasi dan perlu diberi telitian dan perhatian pasti oleh Kementerian untuk menentukan syarikat atau pihak yang akan mendapat memiliki menjalan dan melaksanakan projek ini untuk memastikan kakitangannya begitu cekap untuk memastikan tidak akan berlaku pengedaran dadah melalui pintu-pintu masuk di lapangan-lapangan terbang. Ini amat diharapkan bukan sekadar demi kepentingan negara tetapi demi kepentingan rakyat dan demi maruah kita yang telah kita tebusi setelah kita memiliki melalui pemilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selaku Pengerusi persidangan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di Vienna baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan dari segi keselamatan. Walaupun di dalam Akta ini telah diperuntukkan di bawah 27A mengenai keselamatan di mana pihak Kerajaan boleh mengisytiharkan tempat ini di bawah kuasa darurat pada bila-bila masa andainya berlaku perkara-perkara yang mencemaskan ataupun

mendesak dari segi keselamatan kepada lapangan-lapanganterbang atau tempat-tempat tertentu bila keadaan darurat, tetapi saya masih ingin mengingatkan kepada pihak yang berkenaan terutama Kementerian bahawa seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Maran kadang-kadang tempat-tempat ini merupakan satu tempat yang strategik, tempat yang penting, tempat yang utama yang menjadi tumpuan kepada pihak yang ingin mencabuli kehormatan dan kedaulatan negara kita. Apatah lagi kalau-kalau di pihak di dalam negeri sendiri yang mungkin melakukan kerja-kerja rampasan kuasa, Coup d'etat, hijack dan sebagainya pada kapal-kapalterbang di lapangan itu, maka saya ingin mengingatkan barangkali perlu ada satu sistem amaran awal supaya jangan kita terdesak sehingga kita tidak dapat berbuat apa-apa lagi walaupun kuasa diperuntukkan, tetapi kuasa itu sudah tidak berguna. Barangkali pengesanan awal perlu untuk memastikan lapanganterbang ini, tempat-tempat ini tidak dijadikan tempat yang merbahaya kepada keselamatan negara dan rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan di perbincangan dan di perbahasan ini mengenai Lapanganterbang Pengkalen Chepa di negeri saya Kelantan Darulnaim Cik Siti Wan Kembang. Sungguh malang nasib Lapanganterbang Pengkalen Chepa ini. Ianya sudah dua kali pilihanraya Kerajaan menjanjikan untuk mengadakan satu lapanganterbang yang besar kerana difahamkan mengikut laporan-laporan kemas dari ahli-ahli pakar termasuk Ph.D. dan sebagainya membuat laporan bahawa di Kota Bharu perlu ada satu lapanganterbang antarabangsa yang boleh mempertingkatkan ekonomi negeri Kelantan yang merupakan salah satu negeri yang termundur di Malaysia

pada hari ini. Antara sebab-sebab yang menyebabkan negeri Kelantan mundur ialah dari segi perhubungan kerana dari segi hubungan darat pun baru sahaja boleh berhubung dan terbuka kepada negeri-negeri lain melalui lebuh raya tetapi perhubungan udara amat terhad dan difahamkan barangkali kalau Lapanganterbang Pengkalen Chepa ini dapat diperbesarkan, ianya dapat membawa masuk pelancong-pelancong dari negara Thailand dan negara lain melalui Thailand sebelum mereka pergi ke negeri-negeri lain di Malaysia ini dan ini barangkali dapat mempertingkatkan ekonomi ataupun peluang ekonomi di negeri Kelantan.

Cumanya saya rasa setelah rancangan ini dibuat, pihak swasta yang akan dapat memiliki misalnya Lapanganterbang Pengkalen Chepa, Kota Bharu dapat memikirkan sejumlah lebih kurang 300 ekar tanah yang telah diambil-alih oleh Kerajaan yang telah dimiliki oleh rakyat yang terpaksa menanggung penderitaan kerana berpindah, pemimpin-pemimpin Kerajaan, pemimpin politik terpaksa menerima kecaman, cemuhan daripada rakyat sehingga menuduh pemimpin negeri itu Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar sebagai jin tanah, memakan tanah-tanah rakyat dan sebagainya begitu teruk sekali kesan, maka kita harap setelah rancangan penswastan ini dapat diberi kepada pihak swasta dapat memikirkan, pertamanya mempercepatkan rancangan Lapanganterbang Pengkalen Chepa ataupun, Tuan Yang di-Pertua, sementara rancangan ini dapat dibina dengan bangunan yang baik barangkali dapat difikirkan tanah-tanah yang telah diambil itu untuk diguna secara ekonomik demi kebaikan penduduk-penduduk di sekitar ataupun mana-mana pihak yang terlibat untuk memperbaiki sedikit-sebanyak ekonomi rakyat di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sumbangan pandangan saya di dalam pembentangan pindaan Akta ini dan saya bersama dengan kawan-kawan lain turut menyokong dengan harapan di atas nawaitu baik Kementerian ini untuk memperbaiki masalah-masalah yang berlaku di Jabatan Penerbangan Awam. Semoga usaha ini dapat menjayakan demi kepentingan rakyat dan negara.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.01 ptg.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan Akta Penerbangan Awam tahun 1969.

Tuan Yang di-Pertua, bentuk perhubungan melalui pesawat-pesawat udara pada masa ini bukan lagi satu luxury malah ianya merupakan satu necessity atau keperluan asas bagi kebanyakan manusia moden. Malah kekesanan pentadbiran Kerajaan dan Pengurusan Perdagangan pada masa ini adalah banyak ditentukan oleh tahap kecukupan perkhidmatan ini. Di negara kita yang walaupun permukaan buminya kecil tetapi ianya tersebar luas menjalar ke dalam dua hemisphere. Peranan yang dimainkan oleh perhubungan udara adalah amat kritikal sekali. Kerajaan telah pun sedar tentang hakikat ini sepertimana kita lihat wujudnya kemudahan-kemudahan penerbangan di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan di Sarawak yang lebih merupakan perkhidmatan sosial lebih dari perkhidmatan komersial.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan kerana dapat mengimbangkan keperluan sosial dan kehendak ekonomi dengan baik selama ini.

Perimbangan ini telah dapat Kerajaan lakukan dengan cekap selepas hampir 30 tahun merdeka sehingga pada masa ini sungutan mengenai kekurangan perkhidmatan ini adalah berkurangan sekali jika dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang mari kita lihat kepada masa ini sehingga 30 tahun akan datang. Ini bermakna segala andaian yang lama mengenai corak perkhidmatan ini perlu dikaji semula. Misalan pertama yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah apakah perkhidmatan ini terus menerus dipandang sebagai pencetus pertumbuhan ekonomi atau, dengan izin, sebagai fasilitator atau catalyst of growth sahaja ataupun perlu diubah kepada status sebagai sektor pertumbuhan dengan sendirinya atau, dengan izin, a growth sector by itself. Hakikat sekarang ini ialah perkhidmatan ini dipandang sebagai pencetus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ianya dipandang sebegini rupa maka bermaknalah bahawa ianya hanya akan membolehkan sektor-sektor atau bahagian-bahagian lain di dalam sistem ekonomi kita menumbuh pada hal ianya terus di tahap lama atau status quo seperti pencetus ataupun catalyst di dalam reaksi kimia yang akan merosot keadaannya apabila proses-proses lain berlaku dengan baik. Contoh yang paling ketara di negara kita ini ialah Keretapi Tanah Melayu yang menjadi seperti lilin—diri terbakar, orang lain mendapat manfaat. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan adakah pindaan Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini merupakan langkah mula untuk mengalih pandangan ini kepada yang lebih progresif iaitu menjadikan perkhidmatan ini sebagai satu growth sector by itself, dengan izin. Jikalau ia, adakah ianya mencukupi dengan provision-provision, yang ada.

Usaha penswastaaan adalah memang baik di dalam langkah-langkah kita untuk meningkatkan dan meluaskan tahap kebebasan di dalam sistem ekonomi negara. Tetapi di samping mempercepatkan perkhidmatan dan mengurangkan kos ianya juga mempunyai gejala-gejala negatif jika tidak diberi perhatian dari awal. Sepertimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, misalnya penswastaaan yang memberi kuasa monopoli kepada sesuatu syarikat atau firma akan membawa padah baik dari segi pembahagian kekayaan negara yang tidak adil mahupun dari segi perkhidmatan yang tidak cekap. Kerajaan mesti waspada di dalam hal ini. Sehubungan dengan usaha menjadi Perkhidmatan Penerbangan Awam sebagai satu growth sector by itself, dengan izin, saya berpendapat selain daripada pindaan Akta Penerbangan Awam yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, satu pertukaran di dalam bidang pentadbiran perlu dilakukan bersama.

Ini ialah dengan membawa Jabatan Penerbangan Awam masuk ke bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Selain dari menambahkan kerja kepada Kementerian baru ini yang mungkin kekurangan kerja pada masa ini, perubahan ini adalah amat functional dan critical memandangkan bahawa Kerajaan telah pun mengenalpastikan bahawa pelancongan merupakan satu growth sector yang paling penting di dalam ekonomi kita setanding dengan industri-industri getah dan minyak. Ekonomi pelancongan di dalam negara ini adalah bergantung banyak kepada kemasukan pelancong asing kerana quantum penduduk negara kita untuk mencetuskan pelancongan dari dalam adalah rendah. Mahu tidak mahu kita terpaksa menarik pelancong-pelancong asing ataupun dari luar negeri dan alat penarikan

yang pertama ialah perkhidmatan Penerbangan Awam. Ini bermakna bukan sahaja Perkhidmatan Penerbangan Awam dan kemudahan di lapanganterbang sahaja yang menjadi faktor kritikal, malah rupa bentuk dan cara menyambut baik di dalam penerbangan mahupun di lapanganterbang adalah sama penting. Untuk mengintegrasikan faktor-faktor ini adalah lebih berkesan jika Jabatan Penerbangan Awam diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Satu misalan yang boleh saya sebutkan di sini, ialah dengan pengawasan dan pengawalan Kementerian ini iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, lapanganterbang-lapanganterbang kita akan berubah dari hanya mempamerkan budaya Amerika yang stereo type kepada satu suasana budaya Malaysia tulin seperti mewujudkan motif-motif budaya setempat. Di Lapanganterbang Subang misalnya, motif budaya kebangsaan seperti pakaian, alat-alat hiasan dari bahan-bahan dalam negeri dan lagu serta Bahasa Kebangsaan wajib diutamakan. Di Lapanganterbang Kota Bharu pula misalnya, motifnya hendaklah berubah kepada motif kedaerahan. Begitu juga di Terengganu, Alor Setar, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuantan, Melaka, Kota Kinabalu, Kuching dan Langkawi mengikut budaya kecil masing-masing di daerah-daerah ini.

Dengan daya kreatif yang ada di kalangan budayawan kita, dapatlah lapanganterbang-lapanganterbang di negara kita menjadi penyambut yang menarik sebagai the first good impression, dengan izin, kepada pelancong-pelancong luar negeri. Tidaklah saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, penyambutan pelancong ini dibuat seperti yang

dilakukan di dalam siri Fantasy Island, sekadar di lapangan terbang-lapangan terbang kita, pelancong-pelancong asing dapat diperkenalkan kepada keindahan budaya kita seimbab lalu sebelum mereka betul-betul menjelajah ke pelusuk negara.

Bercakap fasal budaya, Tuan Yang di-Pertua, dan peranan perkhidmatan Penerbangan Awam, saya ingin mencadangkan supaya satu penekanan yang kuat dibuat ke atas penggunaan Bahasa Kebangsaan baik di lapangan terbang mahupun di dalam kapal terbang itu sendiri. Bukanlah saya menuduh bahawa penggunaannya tidak mencukupi pada masa ini tetapi biarlah penggunaannya itu dibuat secara betul dari segi sebutan dan dari segi tempat yang digunakannya. Misalannya ialah sebutan-sebutan yang bertelur keinggerisan di masa laungan atau "announcement", dengan izin, dan bahasa Inggeris yang digunakan untuk berhubung dengan rakyat Malaysia sendiri. Biasa terjadi makcik-makcik dan pakcik-pakcik dari kampung menghadapi masalah ini dengan staf-staf yang ada di lapangan terbang dan juga di dalam kapal terbang. Apakah salahnya kalau tiap-tiap permulaan pertuturan dibuat di dalam Bahasa Malaysia kepada sesiapa sahaja termasuk orang luar. Kalau orang yang menerimanya tidak faham maka bolehlah dituturkan di dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang bersesuaian. Dengan cara ini barulah orang-orang luar menghormati kita sebagai satu bangsa Malaysia yang mempunyai identitinya sendiri seperti kita menghormati orang-orang Jepun baik di dalam kapal terbangnya mahupun di tanah Jepun sendiri.

Orang-orang asing memandag jujuk kepada bangsa yang tidak megah dengan budayanya sendiri seperti juga kita memandag hina kepada bangsa-bangsa yang suka meniru budaya

orang-orang lain. Biarlah kita mempamerkan kemegahan dan keindahan negara dan budaya kita di perbatasan ekonomi kita iaitu di dalam pesawat terbang dan juga di lapangan terbang kita di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubung dengan saranan saya menjadikan perkhidmatan Penerbangan Awam sebagai salah satu "growth sector", saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya untuk menyokong usaha-usaha membangunkan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang gigih di rantau ini, perlu diadakan satu "open-sky policy" ataupun langit terbuka di mana kapal terbang-kapal terbang dari mana-mana tempat di seluruh dunia ini dibenarkan datang dengan syarat-syarat yang berkurangan. Dengan cara ini bolehlah kita menjadikan Pulau Langkawi sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan sebagai satu destinasi pelancongan yang lebih gigih daripada yang ada sekarang dan barulah dapat kita jadikan apa yang saya katakan tadi perkhidmatan Penerbangan Awam sebagai "a growth sector by itself", dengan izin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

4.14 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk bercakap sedikit sebanyak atas Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Tuan Speaker, saya ada meneliti fasal-fasal yang ada dalam Rang Undang-undang ini dan ada satu fasal—Fasal 3 ada peruntukan yang sangat luas, peruntukan yang ada

implikasi-implikasi lanjut. Oleh itu, Tuan Speaker, saya merujuk kepada Fasal 3, saya baca apa yang ada terkandung dalam Fasal itu, kalau saya boleh baca apa yang ada dalam Fasal 3, Seksyen baru 27A—

“27A. (1) Apabila berlaku apa-apa darurat awam atau bagi kepentingan keselamatan awam, Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara khusus olehnya boleh—

- (a) mengambil milikan sementara mana-mana perkhidmatan penerbangan awam yang ditubuh, disenggara atau dikerjakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta ini; atau
- (b) menarik balik sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana perkhidmatan penerbangan awam dari mana-mana orang atau kelas orang-orang atau dari orang awam.”

(2) dan ini yang penting dan mustahak, Tuan Speaker.

“(2) Jika apa-apa keraguan timbul mengenai wujudnya darurat awam atau sama ada apa-apa perbuatan yang dilakukan di bawah seksyen-kecil (1) adalah bagi kepentingan keselamatan awam, suatu sijil yang ditandatangani oleh Perdana Menteri dan dipamerkan di mana-mana tempat sebagaimana Menteri fikirkan patut hendaklah menjadi bukti yang konklusif perkara itu.

(3) Jika Kerajaan mengambil milikan ke atas mana-mana perkhidmatan penerbangan awam di bawah seksyen-kecil (1) (a), pampasan yang mencukupi hendaklah dibayar.”

Tuan Speaker, peruntukan seperti ini ada dalam sidang yang lalu, dalam Akta Pelabuhan Pulau Pinang 1987 dan juga Akta Keretapi (Pindaan) 1987 dan juga kelmarin dalam satu rang undang-undang. Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, kuasa yang ada diberi kepada Perdana Menteri di bawah seksyen baru 27A (2) jadi satu kuasa yang luar biasa oleh kerana jikalau ada satu sijil yang ada ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu jadi satu bukti dalam mahkamah jikalau kes timbul dalam mahkamah yang tidak boleh disoal oleh mahkamah. Ini boleh timbul oleh kerana dalam Rang Undang-undang ini khususnya dalam seksyen 27A (3) ada masalah pampasan. Jikalau ada satu kes dalam mahkamah yang ada diambil oleh satu firma swasta, ini bermakna hakim yang pegang kes itu tidak ada jalan lain tetapi terima sijil itu dan atas sijil itu beri satu keputusan.

Tuan Speaker, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik dirinya sebagai Menteri Kehakiman. Kelmarin dalam ucapan penangguhan saya, saya ada membangkitkan perkara itu di bawah tajuk kebebasan badan kehakiman dan jikalau peruntukan seperti ini ada dalam bukan satu undang-undang, sudah ada 4 sekarang—2 dalam rang undang-undang yang sudah jadi Akta, sudah berkuatkuasa dan ada 2 lain sekarang yang tidak berapa lama lagi tentu akan berkuatkuasa. Dalam fikiran saya tentu ada undang-undang lain yang tentu dipinda untuk ada peruntukan seperti seksyen 27A. Adakah ini munasabah? Oleh kerana, Tuan Speaker, jikalau Perdana Menteri kita jadi Menteri Kehakiman dan ada diberi kuasa untuk ada sijil yang tidak boleh disoal dalam mahkamah, ini boleh jadi satu tentangan dengan apa yang ada diperuntukkan di bawah Artikel 121 Perlembagaan.

Judicial power, dengan izin, Tuan Speaker, ada dalam tangan kehakiman jika satu sijil boleh digunakan dan hakim tidak ada kuasa lain untuk buat apa-apa tetapi terima sijil itu, itu bermakna dalam fikiran saya adalah bertentangan dengan apa yang ada dalam kuasa kehakiman.

Baru-baru ini, Tuan Speaker dalam Mahkamah Agung ada 5 orang Hakim dalam satu keputusan majoriti 3-2 Pendakwaraya lawan Datuk Yap Peng. Dalam perkara itu, isu yang ditimbulkan mengenai seksyen 18A Akta Kanun Acara Jenayah, dan Mahkamah Agung dengan keputusan majoriti telah memutuskan seksyen 14A tidak sah—seksyen 14A unconstitutional, oleh kerana ia melanggar dengan Artikel 121. Tuan Speaker, boleh jadi dalam fikiran saya apa yang ada dalam peruntukan 27A itu adalah berlawanan dengan apa yang ada dalam Perlembagaan khususnya Artikel 121.

Tuan Speaker, dengan penswastaaan dan ini ada dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang, firma-firma asing tentu mengambil peluang dalam suasana yang ada. Ini bermakna pelabur-pelabur asing apabila mereka meneliti apa yang ada dalam 27A seksyen baru tentu kluatir oleh kerana jikalau ada apa-apa kes dalam mahkamah tangan mahkamah sudah terikat kerana sijil Perdana Menteri sudah cukup tidak boleh disoal dalam mahkamah dan dalam fikiran saya, ini menjadi satu masalah dan Kerajaan tentu mengambil berat menimbang dengan teliti dahulu daripada meluluskan apa yang ada dalam peruntukan itu. Kita, Tuan Speaker, tidak ada Majlis Privi sekarang. Apa yang akhirnya kita ada ialah dua peringkat, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung. Jikalau kita mahu pelabur-pelabur asing datang ke negara ini untuk melabur, kita tentu ada satu sistem kehakiman

yang boleh dipercayai oleh orang-orang asing. Jikalau kita ada peruntukan seperti 27A dalam fikiran saya, pelabur-pelabur tentu takut, pelabur-pelabur yang ada dalam negara ini barangkali lari, pelabur-pelabur baru tentu takut untuk melabur dalam negara ini.

Tuan Speaker, oleh kerana itu saya harap Kerajaan meneliti semula apa yang ada dalam peruntukan 27A dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membetulkan apa yang tidak betul sekarang dalam seksyen baru ini—27A.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

4.23 *ptg.*

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Akta yang dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar beberapa hujah dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan saya ingin hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Akta yang tertulis di kertas ini dan saya minta izin untuk membaca Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta pindaan ini seksyen 24A yang berbunyi:

“24A. Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk memberi kuasa atau memberi lesen di atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya sesuai kepada mana-mana syarikat, firma, orang atau kumpulan orang untuk mengusahakan mana-mana aktiviti Jabatan Penerbangan Awam sebagaimana yang didapatinya perlu.”

Tuan Yang di-Pertua, di seksyen 24A ini tidak menyebut Menteri yang diberi kuasa dengan apa syarat, apa

sekatan. Di sini juga tidak dinyatakan di bawah apa syaratnya Menteri yang telah diberi kuasa itu boleh dikeluarkan lesen atau memberikan sesuatu kuasa kepada sesuatu badan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seksyen ini disalahgunakan mungkin disalahgunakan, ada beberapa kejadian yang telah berlaku banyak perkara-perkara atau kuasa-kuasa telah disalahgunakan untuk kepentingan diri untuk kawan-kawan atau untuk badan-badan yang berdekatan dengan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, jikalau satu-satu badan atau sesuatu orang ingin mendapatkan satu lesen atau kuasa yang diberi di bawah kuasa Menteri itu mestilah ditimbang sama ada orang itu layak atau badan itu mempunyai kepakaran atau kemahiran untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penerbangan awam. Tuan Yang di-Pertua, itulah satu perkara yang kita mesti hendak berwaspada di mana jikalau Menteri yang berkenaan diberi kuasa yang tidak ada sekatan atau tidak ada syarat bermakna ini akan menimbulkan sesuatu perkara yang tidak diinginkan ataupun tidak boleh dielakkan apabila perkara itu telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadang seksyen 24A ini Kerajaan apabila menjalankan kuasa yang diberi kepada Menteri patutlah berjaga-jaga dan patutlah berwaspada di mana bukan kawan-kawannya atau orang yang berdekatan dapat lesen atau dapat kuasa yang di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen 24B yang berbunyi:

“24B. Kerajaan boleh—

(a) membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung, penyatuan kepentingan, bekerjasama atau usahasama

dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau

(b) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.”

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen ini kami mesti hendak bercadang di sini sebab beberapa perkara telah berlaku di atas berkongsi untung, penyatuan kepentingan atau bekerjasama atau usahasama.

Kita dapati bukan hanya cadangan yang baru yang kita dapat di Akta ini tetapi pada masa yang lampau banyak projek-projek Kerajaan telah diberikan kepada sesuatu syarikat untuk menjalankan usahanya atau mengerjakannya dan juga kita dapati beberapa projek yang bekerjasama antara swasta dengan pihak Kerajaan menghadapi kerugian yang teruk di mana Kerajaan akhirnya hendak menjalankan sesuatu Akta atau mengisytiharkan suatu Akta untuk menyelamatkan syarikat itu ataupun menggunakan wang daripada wang kumpulan persatuan untuk menyelamatkan suatu badan atau suatu syarikat yang menghadapi kerugian yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mencadang untuk meneruskan Akta ini adalah dengan satu hasrat yang baik untuk kepentingan rakyat, untuk kepentingan negara tetapi apabila kita berpendapat di mana pada masa yang lampau kita menghadapi banyak kerugian yang besar itu, ini mengingatkan kita di mana Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah yang teliti, langkah-langkah yang positif dan mata-mata pun hendaklah buka dengan terang dan rapat di mana apabila satu projek ataupun satu usahasama dijalankan atau diluluskan oleh Kerajaan seperti aktiviti-aktiviti penerbangan awam, barang-barang yang dikeluarkan daripada syarikat

swasta ataupun syarikat luar negeri, syarikat asing untuk bekerjasama dengan Kerajaan, mereka selalunya bawa mesin yang lama dicat baru, inilah modal saya dan Kerajaan kalau tidak meneliti perkara ini dan telah ditipu oleh syarikat-syarikat asing itu. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang lebih teliti terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan seksyen 24D berbunyi:

"24D. (1) Mana-mana syarikat, firma, orang atau orang-orang yang diberi kuasa atau diberi lesen di bawah Akta ini hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri satu memorandum bagi apa-apa perubahan dalam bayaran yang sedia ada yang dinyatakan di bawah seksyen 3 untuk kelulusan Menteri.

(2) Jika tiada jawapan diterima dari Menteri mengenai memorandum yang dikemukakan di bawah seksyen-kecil (1) dalam masa enam bulan, dari tarikh pengemukakannya, perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada sebagaimana terkandung dalam memorandum hendaklah berkuatkuasa apabila tamat tempoh tersebut."

Tuan Yang di-Pertua, di sini ternyata jikalau Menteri tidak jawab sesuatu memorandum yang dibentangkan kepada Menteri itu maka memorandum itu boleh dikuatkuasa tanpa apa-apa jawapan daripada Menteri. Inilah terang. Soalnya mengapa Menteri hendak ambil enam bulan ataupun lebih untuk menjawab sesuatu memorandum, untuk meminta naik bayaran atau turun bayaran. Adakah masa enam bulan ini sangat panjang. Adakah Menteri yang berkenaan perlu mengambil masa sehingga enam bulan untuk menjawab sesuatu memorandum di mana memorandum

itu adalah penting untuk sesuatu badan atau sesuatu badan kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendengar Kerajaan selalu dikatakan: Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. Jikalau satu memorandum yang tertulis di Akta ini tidak dijawab dalam tempoh enam bulan, apa maknanya. Ini bermakna mungkin Menteri itu tidak bekerja begitu kuat atau Menteri itu tidak menjaga atau membaca apa-apa memorandum yang telah dibentangkan di atas mejanya atau Menteri itu sibuk dengan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan Kementeriannya.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau perkataan-perkataan seperti enam bulan yang tercatat di Akta ini, saya rasa ini akan membawa satu implikasi di mana boleh disifatkan Menteri kita adalah Menteri malas, Menteri kita adalah Menteri yang tidak penuh bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, ini oleh kerana enam bulan ini telah menyebabkan beberapa perkara yang tidak begitu sihat. Seperti satu syarikat. Jikalau satu syarikat ingin menaikkan bayarannya atau menurunkan bayarannya mengikut Akta yang sedia ada, mereka tidak boleh menaikkan bayaran atau menurunkan bayaran itu kecuali dapat persetujuan daripada Menteri yang berkenaan. Jikalau Menteri yang berkenaan itu tidak memersetujui maka naik bayaran atau turun bayaran itu tidak boleh dilakukan atau tidak boleh dikuatkuasakan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, jikalau satu syarikat telah membentangkan satu memorandum kepada Menteri yang berkenaan, apabila Menteri yang berkenaan itu menerima memorandum itu dan duduk memorandum itu, sit on a memorandum dan mungkin dalam satu bulan, dua bulan, mungkin tiga bulan, empat bulan, sehingga lima

bulan Menteri itu jawab. Oh, memorandum ini patut diubah sedikit. Hantar balik kepada syarikat itu dan syarikat itu akan ubahkan apa yang dicadangkan oleh Menteri itu dan kemukakan semula lagi kepada Menteri dan Menteri itupun ambil masa empat bulan, lima bulan, kemudian jawab balik, ada ubahsuai lagi. Begitu bentang balik, bentang balik, ini bukan enam bulan, mungkin enam tahun. Jikalau satu syarikat menghadapi satu perkara yang serius seperti jikalau mereka tidak baik bayarannya atau turun bayarannya, syarikat itu akan menghadapi satu kerugian yang teruk. Kalau Menteri hendak ambil enam bulan atau enam tahun untuk menentukan sama ada memorandum itu boleh diterima atau tidak boleh diterima, saya rasa ini memang bertentangan dengan cogankata Barisan Nasional, Cekap, Bersih dan Amanah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Pasir Mas bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lau Dak Kee: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya kira Ahli Yang Berhormat Pasir Pinji sudah terlajak sangat. Apabila disebut soal masa tempoh 6 bulan, balik pergi mari, lambat. Saya bersetuju pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu cepat tetapi peraturan yang ada kadang-kadang kalau kita buat cepat tanpa kajian yang teliti, banyak yang silap. Kalau berlaku silap atau lambat yang bising Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji ataupun DAP juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, Ahli Yang Berhormat memberi penerangan, bukan minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, fasal Pasir Pinji beri jalan, kita sapu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh begitu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, masuk sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang boleh dibenarkan ialah meminta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tolong berikan bukti dengan jelas, tadi saya mendengar dalam ucapannya disebutkan Menteri-menteri malas dan sebagainya, ucapan itu umum dan satu tuduhan yang jahat yang tidak patut dikeluarkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu tuduhan yang jahat, tuduhan yang jahat adalah daripada pihak yang bercakap tadi. Sebab ada beberapa aduan, bukan orang lain, saya sendiri juga apabila saya menulis sepucuk surat kepada seseorang Menteri, sampai 6 bulan pun tak dapat jawapan. Kalau hendak bukti datang ke mari, saya hendak buktikan, saya ada bukti dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh tarik balik apa yang dikatakannya dan jikalau beliau itu "gentleman" diharap minta maaf daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin surat yang ditulis oleh Ahli Yang Berhormat itu silap, mungkin Ahli Yang Berhormat itu silap taruh address yang tak betul. Itu mungkin dan perlu diselidiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji teruskan ucapan. Jikalau bertengkar macam ini tak jadi. Sila teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Apabila saya beri jalan, saya hendak jawab sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kalau alamat itu salah, mungkin Post Office akan salah menghantarkan kepada alamat yang salah, tetapi mungkin kerana Menteri selalu ditukar atau kalau tak sampai surat itu mungkin kerana Menteri itu pun dipecat juga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat Pasir Pinji teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembentangan satu memorandum kepada Menteri hendak memakan masa 6 bulan, kalau mengikut Akta ini mungkin sampai 6 tahun dan di sini saya mencadangkan 6 bulan ini patut dihapuskan dan digantikan dengan tempoh yang secepat mungkin di mana boleh memberikan satu tangga kepada Menteri yang berkenaan itu untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak baik kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya hendak sebutkan sedikit berkenaan dengan penerbangan di negeri Perak iaitu hanya terdapat satu lapangan terbang sahaja di Ipoh tetapi sejak beberapa lama lapangan terbang Ipoh itu telah dicadangkan akan diubahsuai, akan dibesarkan dan landasan lapangan terbang itu akan dipanjangkan tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa kerja dilaksanakan di situ.

Apakah sebabnya? Jawabnya, Kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup. Perkara ini telah ditimbulkan bukan hari ini tetapi sejak 10 tahun lalu, Kerajaan Pusat tentu tahu juga negeri Perak adalah satu negeri yang menghadapi kemelesetan ekonomi yang begitu teruk kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain oleh kerana lapangan terbang Ipoh tidak begitu lengkap di mana kita boleh dapati hanya kapal terbang boleh turun atau naik daripada lapangan terbang itu

hanya pada hari siang sahaja, kalau pada waktu malam kapal terbang itu tidak boleh turun di lapangan terbang Ipoh itu. Maka, saya ingin menarik perhatian Kementerian berkenaan dan Kerajaan Pusat janganlah melewat-lewatkan lagi untuk memberikan peruntukan kepada negeri Perak di mana negeri Perak boleh menggunakan peruntukan itu untuk memperbaiki lapangan terbang Ipoh dan akan dapatlah wujud bukan sahaja kegiatan ekonomi di negeri Perak, malahan pelancongan, perniagaan dan perindustrian di negeri Perak.

Itulah sahaja saya harap pihak Kerajaan janganlah melupa-lupakan di mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak telah memberikan begitu banyak sumbangan dan kerjasama untuk mempertahankan pemerintahan Kerajaan yang sedia ada hari ini. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

4.45 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas keizinan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta yang dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987 yang dibentangkan di sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menyentuh satu persatu daripada apa yang disenaraikan mengenai pemindahan yang disebutkan dalam pindaan itu tetapi saya ingin menegaskan betapa pentingnya perkhidmatan penerbangan awam di negara kita ini untuk menyumbangkan ke arah kemakmuran dan kestabilan negara, ke arah mewujudkan negara yang

membangun dan bersatu padu, yang dihormati oleh negara-negara lain dan orang-orang lain di dunia ini.

Pembangunan yang saya maksudkan ialah pembangunan yang membawa kestabilan kepada negara di mana rakyatnya dapat hidup penuh berinteraksi dan juga berintegrasi supaya disatu ketika nanti kita akan dapat terus menerus mendengar rakyat Malaysia memperkatakan bahawa kita ini adalah rakyat Malaysia yang bersatu padu, bukan lagi mengatakan kami ini orang Sarawak, kami ini orang Sabah, kami ini orang Sibu, kami ini orang Perak. Walaupun kepada saya, projek lapangan terbang Perak itu tak perlu dahulu, yang perlu Sarawak kerana Sarawak itu lebih terus lagi daripada Perak dari segi jalan raya dan sebagainya. Tetapi satu ketika nanti kita tidak mahu lagi mendengar ucapan mengatakan bahawa kita ini orang Perak, orang Sarawak tetapi kita mahu integrasi nasional akan menjadi satu perkara yang lebih membawa makna kepada kita.

Saudara saudari yang saya hormati sekalian, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana selama ini telah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat berucap dalam Dewan Rakyat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Kerajaan kerana telah berjaya menswastakan MAS dan telah juga berjaya pada hari ini membentangkan Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Menteri dan saya percaya bahawa kuasa itu nanti tidak akan disalahgunakan oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa kepadanya. Misal kata di beberapa buah negeri kita tengok bahawa ada penerbangan swasta yang di bawah jagaan pihak Kerajaan Negeri dan seolah-olah perkhidmatan itu hanya

digunakan oleh pemimpin Kerajaan Negeri, hendak tengok wayang di Kuala Lumpur pun pakai kapal terbang itu, sehinggakan Kerajaan terpaksa membelanjakan wang untuk dia pergi tengok wayang sampai \$17,000 satu malam. Jadi, ini membazirkan wang Kerajaan. Kita tak mahu perkara ini tetapi dengan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Boleh, silakan.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Yang Berhormat tadi itu mengatakan perbelanjaan untuk menikmati wayang di Kuala Lumpur dikenakan \$17,000. Boleh Yang Berhormat memberikan bukti dengan telitinya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak perlu saya beri bukti. Jadi dengan adanya Akta ini, saya berharap Menteri yang dipertanggungjawabkan akan dapat mengawasi aktiviti syarikat-syarikat swasta yang diberi peluang untuk berkhidmat dan mendapat khidmat ini nanti supaya dapat menjalankan khidmat dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu persatu mengenai perancangan, misal kata untuk mengadakan lapangan terbang. Kadang-kadang saya rasa perancangan itu selama ini tidak begitu teliti. Misalnya, Lapangan Terbang Senai, Johor yang begitu besar, begitu luas, yang menelan belanja begitu banyak, tetapi jumlah penerbangan menuju ke lapangan terbang itu nampaknya tidak begitu memuaskan kerana dari segi persaingannya mungkin tidak dapat dalam bahasa Inggeris, overshadow apa yang berlaku di lapangan terbang Singapura. Walaupun mungkin kita berhasrat untuk menyaingi perkhidmatan yang diberi oleh

lapangan terbang Singapura, tetapi saya rasa kalau kita ingin sebenarnya untuk melihat kejayaan dari segi bersaing dengan Kerajaan ataupun lapangan terbang Singapura, saya rasa kita perlu membuat perancangan yang lebih bermakna supaya bukan hanya lapangan terbang itu cantik, mahal, tetapi kemudahan-kemudahan yang lain pun perlu kita beri supaya pelancong-pelancong, pelawat-pelawat tidak gemar untuk singgah ke Singapura, tetapi gemar untuk singgah ke Senai, Johor.

Pada tahun 1984-1985 ada kekecohan berlaku oleh rakyat di negeri Sarawak kerana banyak sangat laluan di Lapangan terbang Senai, jadi mereka hendak supaya lebih banyak lagi penerbangan ke Singapura, sebabnya ialah kerana dengan terbang ke Singapura mereka boleh menikmati kemudahan yang lebih daripada apa yang ada di Lapangan terbang Senai. Jadi dari segi perancangan untuk membuat lapangan terbang saya rasa kita perlu teliti supaya perkhidmatan yang kita beri akan dapat menjadi satu impetus supaya dapat kita bersaing dengan lapangan terbang lain seperti lapangan terbang Singapura.

Satu lagi ialah perancangan mengenai lapangan terbang di Sarawak, di Bintulu misalnya. Pada masa Ketua Menteri yang ketiga berkhidmat iaitu Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Yaakob, beliau menegaskan dan bercadang benar-benar supaya sebuah lapangan terbang besar dibuat di Bintulu, tetapi apabila Ketua Menteri baru mengambilalih, dipinda cadangan itu, dia kata perlu di Sibü. Jadi kebetulan juga Menteri Infrastruktur Negeri sekarang ialah orang Sibü, mungkinlah ada pengaruh beliau untuk menentukan supaya lapangan terbang yang lebih besar itu dibuat di Sibü. Jadi perancangan ini tidak begitu consistent, dengan izin. Saya berharap supaya perancangan dari segi ini akan

dapat lebih diteliti dan consistent pembangunan ke arah menggunakan perkhidmatan penerbangan ini akan dapat kita jadikan satu perkhidmatan yang lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan tadi bahawa yang penting bagi kita ialah untuk mewujudkan integrasi nasional yang lebih bermakna.

Saya telah berkhidmat di beberapa buah Kementerian dan sekarang saya bersyukur kerana dapat kembali sebagai back-bencher, dengan izin, boleh bercakap bebas sedikit, kalau boleh dikatakan "bebas". Semasa di Kementerian saya hendak membawa beberapa orang pegawai pergi ke Sarawak dan Sabah, mari kita pergi ke Sabah dan Sarawak. Jawapan mereka, Yang Berhormat minta maaf kita punya T.N.T. sudah pass, habis tidak boleh pergi. Jadi macamana saya kata, kita ini orang Malaysia, pegawai untuk berkhidmat kepada Malaysia, kita perlu melihat Sarawak, perlu melihat Sabah perlu mengetahui apa yang dibuat oleh orang Sarawak, orang Sabah. Jadi alasan begini tidak harus menjadi alasan yang menyekat kepada pelaksanaan integrasi nasional yang ingin kita laksanakan, ingin kita jadikan kenyataan. Sebabnya senang—satu, tidak ada wang, kita ambil terima sebab itu.

Keduanya, mungkin tambang MAS (Malaysian Airline System) mahal. Saya kata menggunakan feri, kalau menaiki feri 26 jam dari Kuantan ke Sarawak, dari Kuala Lumpur ke Kuantan 4-5 jam menaiki bas dari Kuantan ke Kuching 27 jam, dari Kuching ke Sabah 24 jam. Saya belum pernah pergi, tetapi dari Kuantan ke Kuching pernah, sebab itu saya tahu. Jadi feri yang menjadi satu masalah lagi ialah kalau orang Kuching yang hendak pergi ke Kuantan terpaksa pergi ke Kota Kinabalu dahulu, dari Kota Kinabalu baru pergi Kuantan.

Jadi saya rasa ini tidak munasabah dan tidak adil kepada orang Sarawak yang berhajat atau berniat hendak pergi ke Kuantan dan ke Kuala Lumpur dengan feri, menggunakan masa yang lebih singkat. Jadi saya beritahu pihak feri, kalau dapat, kenapa tidak daripada Kuantan pergi Kuching, dari Kuching pergi Kota Kinabalu, dari K.K. pergi Kuching lagi, kemudian dari Kuching pergi Kuantan. Ini baru dalam bahasa Inggeris kata fair dan square kepada semua. Jadi tambang Malaysian Airline System mungkin begitu tinggi. Walaupun saya pernah bercakap dengan Lembaga Pengarah MAS mengatakan bahawa sektor daripada Kuala Lumpur ke Kuching dan sebagainya itu adalah sektor yang tidak dapat untung, saya tidak tahulah, tetapi semasa terbang saya tengok penuh semua, susah hendak book, jadi bagaimana rugi. Jadi kita perlu teliti betul-betul perkara ini supaya perkhidmatan penerbangan awam ini dijadikan satu perkhidmatan yang membawa makna kepada hasrat kita untuk menyatupadukan rakyat Malaysia ini mencapai matlamat integrasi nasional yang lebih bermakna supaya orang Sarawak kenal betul orang Semenanjung, kenal betul negeri-negeri di Semenanjung, masyarakat Semenanjung, tempat-tempatnya dan orang Semenanjung juga mengenali akan orang-orang Sarawak dan Sabah dan tempat-tempat di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari hakikat bahawa memang dari segi pencapaiannya Malaysian Airline System ini mencapai satu kemajuan yang boleh kita banggakan. Misal kata "air passenger traffic", dengan izin, bertambah daripada 7.2 juta dalam tahun 1980 kepada 10.9 juta dalam tahun 1985 dan pertumbuhan tahunan ialah 8.3%. Ini membanggakan. International passenger traffic, dengan izin, bertambah dengan kadar 9.4%

setahun daripada 2.3 juta dalam tahun 1980 hingga kepada 3.6 juta dalam tahun 1985. Malaysian Airline System mengendalikan lebih kurang 4.2 juta penumpang dari tahun 1980 hingga 1981 dan ini bertambah kepada 5.6 juta dari tahun 1984 hingga 1985 dan pertambahan ini ialah 7.4%. Jadi ini membanggakan kita. Namun demikian, kalau kita tengok dari segi sebaran pelancong-pelancong yang pergi ke Malaysia dan Sarawak dan Sabah, kita melihat bahawa dalam tahun 1980 untuk Semenanjung Malaysia ada 2.067 juta pelancong daripada luar negeri dan dalam tahun 1985 jumlahnya ialah 3.03 juta, tetapi yang pergi ke Sabah dalam tahun 1980 76,000 orang dan dalam tahun 1985 yang pergi ke Sabah adalah 74,000 orang. Yang pergi ke Sarawak pada tahun 1980 ialah 107,000 orang dan pada tahun 1985 yang pergi ke Sarawak ialah 116,000 orang, iaitu daripada jumlah 3.03 juta keseluruhannya. Jadi nampaknya pelancong-pelancong ini yang pergi ke Sarawak dan Sabah begitu kurang dibandingkan dengan jumlah yang datang ke Malaysia.

Dari segi mereka yang tinggal juga, kita tengok—average stay of tourists, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia dalam tahun 1985 ialah 4.8 malam semuanya, tetapi bagi Sabah dan Sarawak mereka tinggal lama, iaitu 10.6 malam bagi negeri Sabah dan tinggal di Sarawak 8.4 malam. Untuk Semenanjung Malaysia, pelancong-pelancong ini tinggal lebih pendek lagi masanya, iaitu 4.5 malam. Ertinya ini membuktikan kepada kita bahawa pelancong-pelancong ini lebih suka bermalam lama di Sabah dan Sarawak dan tak berapa suka bermalam lama di Semenanjung Malaysia. Sebabnya mungkin kerana mereka ini hendak pergi ke sana-sini susah di Sabah dan Sarawak, lebih baik tinggal lama.

Jadi sebab itulah saya rasa ini perlu kita teliti kerana ada hubungan

dengan tambang MAS yang ada sekarang dan kalau sekiranya tambang itu kita kurangkan, mungkin perkhidmatannya dapat kita tambahkan banyak, maka insya Allah, saya rasa jumlah pelancong-pelancong yang datang ke Sabah dan Sarawak akan dapat bertambah dan pendapatan negeri Sarawak dan Sabah juga akan dapat dipertingkatkan dari segi pendapatan dari sektor pelancongan ini.

Satu lagi ialah kita hendak menyebarkan mereka ini ke tempat-tempat yang lebih terpencil, tempat-tempat yang lebih menarik di kawasan pendalaman di negeri-negeri yang tersebut, bukan hanya di Pantai Damai walaupun harganya begitu tinggi, ratus juta, tetapi keasliannya mungkin tidak ada, tetapi kita mahu kawasan-kawasan yang mempunyai keaslian yang hakiki yang boleh menarik perhatian pelancong-pelancong luar negeri ini supaya lawatan mereka itu mereka fikir boleh memberi makna yang besar kepada mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya sentuh ialah soal penyebaran penggunaan kapal-kapal terbang. Bila kita pergi ke Eropah kita pakai kapal terbang DC 10, Boeing 747 tetapi kenapa tidak kita juga memperkenalkan kapal terbang yang besar ini ke Kuching ataupun ke Miri supaya orang-orang di pendalaman pun menikmati duduk dalam kapal terbang yang besar. Selepas pergi, balik kampung, beritahu orang kampung, dengan izin, "You see, I have travelled in a big plane". Ada perasaan megah sedikit, bukan hanya Yang Berhormat boleh travel, boleh menggunakan kapal terbang besar, tetapi mereka pun boleh rasa megah. Dan begitu juga layanan daripada pihak yang berkhidmat dalam

lapangan terbang, mereka boleh beri layanan yang baik kerana nampaknya saya pergi dari Kuching ke Sibu, layanannya kurang kerana minuman diberi hanya jus oren dengan teh kosong ataupun ada susu sedikit atau cream dan kemudian coffee, kadang-kadang tak dipinta, tak diberi. Jadi layanan ini kalau dapat diselaraskan supaya keseimbangan dari segi layanan dapat kita tentukan supaya orang-orang di pendalaman juga menikmati kemajuan yang telah kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah perbezaan. Kita ini mempunyai perkhidmatan bukan hanya di dalam negeri, tetapi juga di luar negeri dan di luar negeri kita mempunyai pegawai-pegawai di bawah—ground staff, dengan izin, yang diambil daripada orang-orang, pekerja-pekerja di negeri-negeri tersebut. Saya pernah melawat negeri-negeri tersebut, jadi berbeza dari segi cara-cara mereka itu. Misal kata di negeri jiran kita PRONya lain lagak, kadang-kadang PRONya berlagak lebih daripada VIP lagi sedangkan mereka berkhidmat untuk menjaga "first-class passengers", dengan izin, tetapi lagaknya lebih dari first-class passengers", misal kata, sedangkan ini khidmat mereka. Kita ambil mereka supaya mereka boleh bekerja untuk kita dan bekerja selaras dengan selera kita, kehendak kita supaya dapat mempamerkan akan ketinggian budi pekerti rakyat Malaysia, tetapi mereka ini tidak. Jadi oleh kerana itu saya rasa dalam pemilihan pegawai-pegawai, dengan izin, ground staff di negeri-negeri lain di luar negeri, kita perlu berjaga-jaga supaya jangan kita mengambil pekerja-pekerja yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan hati naluri, dengan selera kita, dengan ketinggian cara hidup, nilai hidup kita kerana takut nanti gambaran orang terhadap Malaysian Airline System adalah salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai perkara yang specific seperti "shuttle flight" misalnya, yang sedang kita gunakan. Kadangkala sistem ini kalau tidak dijalankan dengan betul lebih rumitkan para penumpang, kerana saya lihat dan berasa kalau kita pakai cara ini, kalau VIP, tiada hal, kalau tidak VIP, terpaksa line-up, bersusun panjang. Kadang-kadang flight atau penerbangan berlepas pada jam 5.00 dan kita buat booking pada jam 10.00, dalam masa enam jam, tetapi kita start line-up pada pukul 3.00. Apabila tiba penerbangan pada jam 5.00, tidak dapat, tiket habis, dia transfer ke kaunter lain. Kita bersusun lagi untuk penerbangan jam 7.00. Itu pun tidak dapat. Dia transfer lagi ke kaunter lain. Ini berlaku. Jadi kita perlu kaji lagi sistem shuttle flight supaya lebih efficient, lebih licin dan lancar supaya perkhidmatan yang diberikan, seperti saya katakan tadi, lebih bermakna dan lebih memberi kepuasan kepada para penumpang kapal terbang kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang satu lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai treatment. Kita penumpang-penumpang ini, kalau kita lambat, kita kena tinggal, kalau kapal terbang lambat, tiada apa-apa. Ini yang tidak adil. Kita yang menunggu berpeluh-peluh tiada hal, tetapi kalau kita lambat, mungkin kita datang 15 minit sebelum penerbangan, kita yang salah dan kita yang terpaksa ditinggalkan. Kita tanya mengapa? "Kerana tidak boleh tunggu." Tetapi kalau kapal terbang yang rosak, kalau Menteri Pengangkutan datang lambat, ia tunggulah. Kalau kapal terbang rosak, kita terpaksa menanggung penderitaan. Kalau 10-15 minit dan sebagainya, cubalah usahakan untuk menunggu, sedangkan ada juga kalanya kapal terbang itu menunggu sampai 2 jam, bukan kerana penumpang (passengers), tetapi kerana rosak enjin

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, boleh?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Boleh.

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat menyentuh satu contoh. Adakah contoh itu dari sikap pilih kasih Kerajaan Barisan Nasional? Bolehkah kita anggap itu satu sikap pilih kasih di mana kapal terbang besar-besar yang memakan belanja beberapa ribu satu jam, tunggu dua jam untuk Menteri tetapi tidak boleh tunggu 5 minit untuk awak? Ini satu sikap pilih kasih Barisan Nasional, betul atau tidak?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih. Sama ada pilih kasih atau tidak, terpulanglah kepada kita untuk menginterpretasikan, tetapi saya bercakap mengenai keeffisien, kecekapan dan keadilan kalau dapat juga. Kita ingin melihat perkara ini dilakukan supaya perkhidmatan itu dapat menguntungkan lebih ramai lagi penumpang-penumpang yang ada di negara kita ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan lagi integrasi nasional yang perlu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang inginkan penjelasan, boleh beri?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Bilakah Yang Berhormat itu sedar perkara ini berlaku? Adakah Yang Berhormat itu sedar setelah Yang Berhormat bertukar kerusi? (*Ketawa*) Ataupun setelah Yang Berhormat menjadi bebas?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan, saya bersyukur kerana saya sekarang balik sebagai back-bencher.

Saya membuat criticism sebagai criticism yang constructive, tetapi ada juga mungkin yang tidak constructive, tetapi masa ini, saya beri penjelasan bahawa saya pun setengah-setengah Barisan Nasional, setengah-setengahnya tidak, (*Ketawa*) kerana sudah keluar daripada parti yang menganggotai Barisan Nasional. Dahulu pun sedar juga, Tuan Yang di-Pertua.

Itulah sahaja ucapan saya, saya ucapkan terima kasih dan saya harap Akta ini akan dapat menguntungkan semua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

5.15 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya berapa lama lagi masa untuk kita hendak bincang perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Berapa lama Yang Berhormat boleh bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak menolong rakan-rakan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan-rakan lain dalam Barisan Nasional bangun untuk menyokong Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987 dan di samping itu saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai aktiviti Jabatan Penerbangan Awam. Tetapi sebelum itu, saya ingin hendak membuat komen secara umum mengenai Jabatan Penerbangan Awam iaitu komen ini adalah merupakan komen yang objektif iaitu orang yang boleh melihat bahawa setengah benda yang baik kita puji yang tidak baik kita tegur, tidak seperti DAP, yang baik pun dikira tidak baik, yang tidak baik itu, telahlah.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Belum bercakap lagi sudah minta penjelasan?

Dr Eng Seng Chai: Apa "yang tidak baik kita menyokong" dan apa "yang baik kita tidak sokong", minta contoh-contoh?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya belum beri jalan, macam mana boleh benarkan dia bercakap?

Dr Eng Seng Chai: Dia sudah duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan sahajalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Oleh kerana saya belum beri jalan, dia bercakap, jadi dia bercakap seorang diri sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh, boleh.

Dr Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat. Tadi dia kata yang baik DAP tidak menyokong dan yang buruk kita pun tegur, tetapi saya hendak minta dia memberi contoh-contoh yang mana ada baik untuk kepentingan rakyat kita tidak sokong dan yang sepatutnya yang buruk di mana kita beri sokongan. Berilah contoh-contoh, jangan bercakap dengan sia-sia sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau saya bercakap, saya rasa tidak sia-sialah. Saya rasa semua Rang Undang-undang dan juga Akta-akta yang dibentangkan dalam Dewan ini semuanya ditentang oleh DAP, pada

hal saya rasa rakyat jelata menyokong sebab kami sebagai kumpulan majoriti yang mewakili rakyat jelata, kami menyokong. Kenapa DAP tidak menyokong? Itu sebagai contoh yang sedikit, tetapi terlampau banyak sehingga tidak dapat saya sebutkan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya belum bercakap lagi, tetapi tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya rasa mungkin teguran Yang Berhormat dari Arau sedikit tidak adil kepada DAP kerana DAP adalah sebuah parti Pembangkang yang bertanggungjawab. Sebagai satu contoh, apabila Rang Undang-undang Exclusive Economic Zone dibentangkan dalam Dewan ini, saya bagi pihak DAP menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana ia bagus dan saya pun bercakap, kalau DAP menjadi Government besok, DAP pun akan melaksanakan Rang Undang-undang itu. Satu contoh lagi, iaitu Dasar Luar Negeri Barisan Nasional. Walaupun ia dilaksanakan oleh Barisan Nasional, tetapi ia adalah sedikit baik, iaitu tentang ASEAN, ZOPFAN dan beberapa kali Ahli-ahli DAP termasuk saya sendiri pun ada berdiri di sini memberi sokongan. Ini kita mesti sedikit objektif, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada DAP yang telah menyokong dua perkara yang tersebut. Tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, kebanyakan Rang Undang-undang dan juga lain-lain yang telah kita bentangkan, tidak disokong. Dia

menyokong benda yang boleh menguntungkan mereka, itu yang disokong dan yang tidak menguntungkan, saya rasa mereka tidak sokong. Sebab yang ini banyak mendapat sokongan daripada nelayan-nelayan dan juga pengundi-pengundi, itu mereka sokonglah tetapi yang lain-lain yang penting untuk negara, mereka tidak sokong. Habislah bahagian itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung apa yang saya hendak cakapkan.

Jadi, saya hendak tegur Jabatan Penerbangan Awam. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan ini oleh kerana saya rasa banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sini yang berjalan ke luar negeri. Kalau kita ambil contoh walaupun di negeri-negeri yang maju, saya rasa dari segi jumlah lapangan terbang, Malaysia di antara yang terbanyak. Kita ada lebih kurang 11 lapangan terbang yang besar, tidak termasuk yang kecil yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Tetapi di negara yang maju seperti Belanda, Austria atau mana-mana, macam di Belanda cuma ada satu sahaja lapangan terbang. Penduduknya 15 juta. Kita pun 15 juta, tetapi di Malaysia ini kita macam mana pun saya tidak tahu, kita terlampau teria-ia untuk menambahkan lapangan terbang. Padahal bagi negeri yang maju ini ia membuat perkhidmatan sampingan untuk membolehkan gantian kepada perkhidmatan udara ini dibahagikan perkhidmatan darat yang lebih cekap, mempunyai keretapi laju yang dapat memberi perkhidmatan yang cepat sampai ke lapangan terbang. Jadi, saya ucap tahniah kepada Jabatan ini kerana telah membina terlampau banyak lapangan terbang. Dan pada masa sekarang tidak perlu lagi kita banyak lapangan terbang; cuma kita perelok yang ada.

Ini saya sentuh sebab kawan saya semalam menyebut lapangan terbang di Padang Besar. Negeri Perlis luasnya

316 batu persegi dan Padang Besar saya ingat ada satu kampung yang agak jauh 3 kilometer dari Padang Besar, kalau sekiranya kita hendak buat lapangan terbang, dalam jarak tersebut kalau kapal terbang itu turun dalam kawasan negeri Perlis, saya rasa dia mesti betul-betullah brek, kalau tidak, dia terlajak sedikit dan sampai ke Thailand. Kalau dia turun sebelah Thailand, dia akan terlanggar masuk dalam kampung lagi satu. Jadi ingat agak susah oleh kerana kawasan terlampau sempit, tetapi saya ingat pandangan ini elok. Mungkin pihak Jabatan Penerbangan Awam boleh memikirkan sesuatu oleh kerana Padang Besar ini akan menjadi kawasan perdagangan bebas.

Mungkin boleh difikirkan dalam bentuk usaha sama dengan pihak Thailand untuk memberi tanah sama banyak supaya tidak berlaku terbabas kalau sekiranya pendaratan dan juga kapal terbang naik tidak berlaku terbabas di antara sempadan ini. Dan saya percayalah, di negeri Perlis ini saya tidak tahulah, tetapi saya percaya pihak Kerajaan Negeri tidak berminat untuk mengambil tanah yang begitu banyak. Oleh kerana pada masa sekarang di negeri Perlis hutan pun tidak ada. Tidak ada hutan simpanan lagi cuma sedikit sahaja. Yang lain lagi dibuka dan telah diusahakan. Jadi dengan ini pandangan berhubung dengan lapangan terbang di Padang Besar itu elok dalam bentuk saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali sebelum saya lupa, saya hendak sentuh fasal 24D (3) iaitu berhubung dengan, saya baca sedikitlah yang penghabisan itu:

“ Akta ini hendaklah seberapa segera yang praktik menyiarkan perubahan dalam bayaran-bayaran yang sedia ada itu dalam akhbar, sekurang-kurangnya

satu dalam bahasa Melayu dan satu dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina.”

Saya cuma hendak sebut pendek sahaja perkara ini. Saya rasa Yang Berhormat dari Ipoh setuju. Saya ingat kita masukkan juga bahasa Tamil. Sebab seolah-olahnya kita menganggap bahawa bahasa Inggeris atau bahasa Cina, saya tidak pasti. Makna kata kalau kita masukkan bahasa Inggeris, tidak payah lagi masuk bahasa Cina, atau kita masukkan bahasa Cina dan tidak payah lagi bahasa Inggeris. Jadi, perkara ini sebagai suku kaum India merupakan ketiga terbanyak, saya ingat eloklah dimasukkan bahasa Tamil ataupun bahasa India. Ini adalah saya minta dipertimbangkan tentang 24D (3).

Sekarang saya hendak menyentuh fasal 24A iaitu berhubung kuasa Menteri untuk memberi lesen. Kebanyakan kawan-kawan kita tadi bercakap fasal penerbangan, bercakap fasal kapal terbang dan banyak memberi tumpuan kepada MAS. Saya hendak menyentuh perkara-perkara yang lebih luas lagi berhubung dengan aktiviti Jabatan Penerbangan Awam ini iaitu berhubung dengan ultralight aircraft ataupun kapal terbang jenis ringan yang dipandu cuma menggunakan panduan pemandu itu sendiri.

Baru-baru ini salah seorang daripada peminat ultralight aircraft ini dan dia merupakan jurulatih dan dia saya rasa di antara peminat yang paling minat betul tentang kapal terbang jenis ringan ini. Beliau telah terjatuh terhempas di Taiping dan kita dapati kapal terbang ini hancur dan kedua-dua sekali pemandu dan penumpangnya telah meninggal dunia.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, selama ini peminat-peminat kapal terbang jenis ringan ini menganggap bahawa kalau sekiranya

kapal terbang jenis ringan ini enjinnya mati atau sebagainya, makna kata kita boleh glide, turun dengan selamat dan tidak takut untuk berlaku kemalangan seperti yang telah berlaku. Dan saya rasa peminat kapal terbang jenis ringan sekarang ini dalam keadaan takut. Saya sendiri juga yang pernah berminat tentang ini saya juga naik takut sebab sekarang ini sudah tidak dijamin bahawa yang kapal terbang jenis ringan ini boleh turun melayang-layang dengan secara perlahan-lahan.

Jadi, sepatutnya Jabatan Penerbangan Awam membuat peraturan yang khusus supaya ada alat perhubungan di kapal terbang jenis ringan ini dengan pihak kawalan untuk memastikan bahawa sesuatu kemalangan itu dapat juga diberi panduan di pihak kawalan. Kita lihat kapal terbang ini tidak dilengkapi dengan alat-alat sistematik. Dan juga mungkin peraturan hendaklah dibuat supaya kapal terbang jenis ringan ini tidak dibenarkan melalui kawasan berbukit-bukau ataupun kawasan yang tidak membolehkan kapal terbang ini melayang dengan perlahan kalau sekiranya berlaku kerosakan enjin.

Jadi Jabatan Penerbangan Awam sepatutnya membuat kajian dan juga memberi panduan bahawa kapal terbang jenis ringan ini mestilah dipandu di kawasan lapang ataupun lain-lain lagi peraturan yang membolehkan peminat-peminat ataupun mereka yang mempunyai hobi ke arah tersebut dapat meneruskan hobi mereka dan meneruskan minat mereka. Dengan itu, saya rasa aktiviti-aktiviti ini dapat diketengahkan. Kita dapati walaupun peminat-peminat di sini takut, tetapi di luar negeri saya rasa perkara ini tidak pernah berlaku sebab, mereka mempunyai panduan-panduan khusus supaya kapal terbang jenis ringan ini boleh terbang di kawasan sekian-sekian dan sebagainya dan mempunyai

alat perhubungan yang boleh dihubungi dengan pihak kawalan.

Jabatan Penerbangan Awam sepatutnya membuat kajian yang mendalam mengenai perkara ini. Dan walaupun Jabatan Penerbangan Awam masih lagi berminat hendak tengok lapangan terbang di Perlis, saya rasa inilah lapangan terbang yang boleh dibuat di Perlis. Dia tidak perlu menggunakan tanah yang luas, dia cuma perlu padang bola sahaja untuk mendaratkan kapal terbang ini. Dan saya rasa hobi ataupun peminat ataupun mereka yang berminat ini haruslah digalakkan oleh Jabatan Penerbangan Awam termasuk juga seperti kelab payung terjun mesti digalakkan untuk membolehkan orang kita berminat untuk melihat perkara yang tinggi, perkara yang jauh dan sebagainya. Jangan kita anggap bahawa hobi ini cuma hobi untuk kelas tinggi ataupun kelas pertengahan.

Sebenarnya hobi ini mana-mana pihak juga boleh merasai bersama bukan dengan menonton sahaja oleh kerana ianya murah. Tiap-tiap kali penerbangan cuma kosnya cuma \$50.00. Saya rasa kalau kita main badminton pun harganya sama dengan untuk kita hendak cuba kapal terbang jenis ringan. Dengan itu Jabatan Penerbangan Awam patut memperluaskan supaya rakyat Malaysia ini di samping usahanya untuk mencapai kemajuan mempunyai juga hobi yang membolehkan mereka terbang tinggi di awan dapat melihat daripada jauh apa yang berlaku di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kapal terbang MAS ini sebab ianya merupakan kapal terbang yang memonopoli angkasa Malaysia iaitu berhubung dengan perkhidmatan. Saya mendapat laporan di sini bahawa perkhidmatan dalam negeri lebih banyak memberi keuntungan dan banyak menampung keuntungan kepada MAS daripada

perkhidmatan luar negeri. Jadi seperti yang rakan-rakan saya telah sebutkan bahawa usaha-usaha mesti dibuat untuk membolehkan kita memberi perkhidmatan yang lebih kepada penerbangan dalam negeri di samping perkhidmatan luar negeri. Yang pertamanya di dalam negeri, sebagaimana kita sedia maklum bahawa dahulu di perkhidmatan dalam negeri kita diberi makanan, ada kek, kalau sekiranya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar itu dia bagi kek, tetapi sekarang ini dia bagi kopi ataupun jamuan ringan.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dan kita juga faham bahawa mereka terpaksa memberi perkhidmatan yang cepat supaya mereka dapat mengutip balik barang-barang itu sebelum kapal terbang membuat pendaratan. Dalam hal ini kalau kita lihat penerbangan singkat di luar negeri, saya rasa dia tidak bagi apa-apa langsung. Jadi ini menunjukkan bahawa MAS memberi perkhidmatan yang lebih ke arah ini, tetapi yang saya hendak cadangkan ialah supaya perkhidmatan itu diberi dalam bentuk yang kita tidak payah pusing sana, pusing sini, kutip balik dan sebagainya. Jadi kalau kita bagi perkhidmatan benda-benda, atau katakanlah kita bagi minuman ringan, jadi orang boleh minta berbagai jenis minuman, tetapi kalau kita beri perkara-perkara yang tidak payah orang hendak minta lagi, contohnya, kita beri dalam bentuk souvenir ataupun minuman yang tidak payah kita kutip balik.

Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri selalu pergi ke luar negeri, dia tahu bahawa di sana orang diberi satu botol wine, jadi tidak payah dia bagi balik. Orang boleh bawa itu balik sebagai souvenir. Di sini kita berilah minuman mempelam yang dibuat di Perlis ataupun lain-lain minuman yang boleh dibuat kenangan. Jadi dengan itu saya ingat

tidak sibuk, kadang-kadang kita pun naik pening. Pramugari dan pramugara itu pusing sana, pusing sini dengan budak-budak menangis. Kalau penerbangan yang dekat di Sabah dan Sarawak kita dengar bunyi ayam dan sebagainya. Jadi susah dan pening kepala kita. Jadi kita berilah perkara-perkara yang tidak payah orang minta lagi dan tidak bagi peluang kepada penumpang untuk minta sebab penumpang ini bukan semuanya yang tiap-tiap hari naik kapal terbang. Bagi setengah-setengah itu, itulah kali pertama, jadi dia pun naik seronok hendak minta souvenir dan sebagainya dan souvenir ini pula kadang-kadang sesiapa yang minta diberi, jadi kadang-kadang orang lain pun teringin hendak minta. Biarlah standard, kalau hendak beri, beri semua, kalau tidak, jangan beri langsung.

Saya tidak tahu sama ada ini kita boleh sentuh fasal MAS, sebab ini melibatkan aktiviti Jabatan Awam, tetapi harus juga diambil perhatian berhubung dengan sektor luar negeri yang saya rasa kadang-kadang terpaksa ditampung oleh sektor dalam negeri dari segi kosnya. Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa perkhidmatan MAS adalah merupakan perkhidmatan di antara yang terbaik sekali terutamanya perkhidmatan luar negeri kecuali kadang-kadang kalau kita naik itu nasib kita tidak baik dan jumpa pramugari atau pramugara yang orang kata sudah "seasoned", kadang-kadang dia tidak ada "mood", layanannya kepada kita kurang baik. Tetapi yang saya hendak sentuh itu kadang-kadang kita pun naik tidak seronok fasal kenapa kadang-kadang pada masa kapal terbang kita balik selalu berlaku kekosongan.

Bagi penumpang-penumpang kelas ekonomi—bagi saya sendiri kalau ada kekosongan di tengah yang 5 seat itu saya rasa seronoklah, boleh kita tidur dan berlunjur sungguh-sungguh untuk

selama 16 jam, tetapi dari segi MAS dia akan menghadapi kerugian. Saya pernah berpengalaman dalam perkara ini di satu Lapangan Terbang di luar negeri di mana 7 orang sahaja naik. Jadi apabila saya hendak buat confirmation, dia kata tidak boleh sebab MAS bercadang untuk menukar kapal terbang, hendak bagi kapal terbang lain sebab tidak ramai penumpang. Jadi dengan secara tidak langsung memberi satu imej yang tidak bagus kepada orang bahawa MAS ini tidak dapat cari penumpang. Pada hal bila saya naik, naik MAS juga, tetapi orang Belanda yang bagi jawapan kepada saya, dia kata MAS mungkin hendak tumpang dengan kapal terbang lain sebab tidak ramai penumpang. Jadi ini di antara perkara yang harus diberi perhatian supaya ada atau tidak ada orang pun janganlah bagi jawapan mengatakan MAS hendak tukar kapal terbang sebab tidak cukup orang. Malu kita. Biar kita rugi sedikit tetapi kita jangan malu.

Itulah saya hendak sentuh supaya perkhidmatan-perkhidmatan ini perlu diambil kira dan kalau boleh tegur sedikitlah. Ini saya rasa, walaupun perkhidmatan kita baik tetapi tegur sedikit kakitangan kita di udara itu supaya layanan itu biarlah sama dengan orang-orang tempatan dan juga orang-orang luar. Kadang-kadang kita kecil hati kalau orang luar di sebelah kita diberi layanan lebih sedikit, bukanlah kita cemburu—tetapi dia diberi layanan kadang-kadang banyak, jadi kita kadang-kadang naik tidak seronok. Sebab kita yang baru pergi ke luar negeri pun kadang-kadang perlukan panduan mereka, tetapi mereka lebih seronok berbual-bual dengan penumpang luar. Maklumlah, penumpang luar, orang putih ini berlainan sedikit, jadi dia seronok bersembang, kita ini diketepikan. Kadang-kadang kita juga teringin hendak tanya itu dan ini tetapi takut kalau kita tanya nanti kita

ganggu dia pula. Jadi itu harus diberi perhatian dan saya rasa keutamaan patutlah diberi kepada orang kita yang pergi ke luar negeri sebab bukan ramai yang pergi dan setengahnya pula pergi sekali-sekala sahaja.

Lagi satu yang akhir sekali saya hendak sentuh ialah berhubung dengan lapangan terbang. Sebagaimana saya sebutkan di peringkat awal tadi bahawa pihak Kerajaan dan pihak Jabatan ini saya rasa perlu memperelokkan lapangan terbang yang ada dan tidak payah tambah. Ini saya hendak mempertahankan bahawa yang penting ialah supaya perkhidmatan di darat diberi dengan lebih cepat—mungkin kita adakan keretapi laju untuk sampai ke satu lapangan terbang, sebab kalau terlampau banyak, saya ingat tidak elok. Adalah dimaklumkan bahawa lapangan terbang kita hampir semuanya menghadapi kerugian kecuali mungkin Lapangan Terbang Subang sahaja. Yang lain-lainnya menghadapi kerugian untuk membuat maintenance kepada lapangan terbang.

Jadi sesuatu harus dibuat supaya lapangan terbang itu menjadi pusat yang dapat menarik minat orang supaya menggunakan lapangan terbang. Di samping perkhidmatan kapal terbang dan lapangan terbang itu harus dapatkan keuntungan, dia juga harus dapatkan keuntungan melalui aktiviti-aktiviti di dalam lapangan terbang tersebut. Mungkin kedai bebas cukai tidak patut dibuat di tiap-tiap lapangan terbang, tetapi kalau difikirkan perkara itu menarik, saya rasa boleh difikirkan bahawa ini di antara aktiviti yang boleh menarik orang pergi ke lapangan terbang tersebut dan mengadakan aktiviti itu ataupun fikirkan cara yang boleh untuk memastikan bahawa lapangan terbang kita ini tidak menghadapi kerugian yang terlampau besar. Kalau saya tidak silap, kalau mengikut

laporan—betulkan kalau saya salah—dalam setahun kita menghadapi kerugian sebanyak lebih kurang \$400 juta dalam membuat maintenance kepada lapangan terbang-lapangan terbang.

Jadi itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga seperti rakan-rakan lain ingin menyokong Akta Penerbangan Awam dengan sedikit pindaan yang saya minta tadi di bawah Seksyen 24D supaya ditambahkan bahasa Tamil di samping bahasa Cina. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bagan Serai.

5.40 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memperkatakan mengenai pindaan Akta Penerbangan Awam yang telah dibertangkan pada hari ini.

Sepertimana yang telah disarankan oleh kawan-kawan saya yang lain mengenai perkara ini, saya juga ingin memberi ucapan tahniah kepada pihak Kerajaan khususnya Kementerian ini yang telah mengemukakan pindaan Akta memberi satu pandangan yang lebih jauh di dalam masalah perhubungan awam kita pada masa yang akan datang. Cadangan untuk membuat pindaan ini terutama sekali untuk memberi kemudahan dan kesempatan kepada rakyat, firma ataupun orang-orang awam yang akan menyertai dalam bidang penerbangan awam ini adalah merupakan satu pendekatan yang sungguh agresif dan membanggakan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dalam perkara ini bahawa kita hendaklah juga jangan hanya mencadangkan tetapi tidak memberi dorongan, bimbingan dan

kerjasama yang lebih effective, dengan izin, kepada mana-mana badan yang ingin menyertai dalam arena yang kita buka luas untuk penyertaan mereka kerana dalam usaha ini seperti yang telah berlaku kepada satu syarikat awam iaitu Mac Air di mana pada saat akhirnya syarikat ini terpaksa diambilalih oleh syarikat penerbangan awam kita iaitu MAS. Apakah perkara-perkara yang berkaitan yang menyebabkan bahawa syarikat ini terpaksa ditutup dan kemudahan-kemudahan yang biasa diterima oleh rakyat di dalam negara ini yang telah diberi service, dengan izin, oleh Mac Air ini yang menyebabkan ianya tidak dapat berfungsi kepada masyarakat pada masa ini dan masa akan datang. Dan di samping itu pula kita telah mencadangkan supaya kita memberi peluang kepada swasta ataupun individu-individu lain untuk menceburkan diri dalam bidang ini.

Perkara yang kedua ialah adakah dengan membuka peluang ini maka kita memberi satu saingan kepada penerbangan awam yang telah ada di dalam negara kita ini iaitu seperti yang kita tahu penerbangan awam MAS dan adakah saingan yang kita buka ini sebagai satu tanda bahawa MAS tidak dapat memberi khidmat yang cukup kepada rakyat di dalam negara ini ataupun pengguna-pengguna di dalam negara ini ataupun untuk memberi lebih peluang kepada pihak swasta yang mampu untuk mengadakan kemudahan penerbangan awam kepada sektor lain di mana MAS tidak akan turut serta seperti umpamanya ke Pulau Pangkor ataupun ke tempat-tempat lain yang dicadangkan oleh Kerajaan bagi membangunkan kawasan yang berkenaan.

MAS sendiri dalam masa-masa yang tertentu menghampakan juga pengguna-penggunanya seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengatakan kadang-kadang kita

menunggu, kapal terbang tidak datang, kadang-kadang kita datang lewat kapal terbang tinggalkan kita, kadang-kadang kita berhajat untuk hendak pulang pada waktu yang tertentu kapal terbang tidak dapat turun seperti yang berlaku di Ipoh terutama sekali pada waktu musim-musim hujan. Di Lapangan Terbang Ipoh biasa sangat penumpang-penumpang tidak dapat mendarat pada masa yang telah ditetapkan dan ini telah menghampakan sebahagian daripada keluarga yang datang daripada jauh, umpamanya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang balik daripada persidangan umpamanya dari Vienna dan sebagainya yang hendak balik ke Ipoh pada waktu petang penerbangan akhir tetapi kapal terbang tidak dapat mendarat oleh sebab hujan, kabus dan sebagainya.

Berkaitan dengan perkara ini saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Kementerian yang berkenaan bahawa satu cadangan ataupun satu jawapan telah diberikan oleh pihak Kementerian untuk pembinaan lapangan terbang Ipoh ini kepada satu standard yang lebih sesuai tetapi sehingga hari ini perkara ini tidak dijalankan dengan alasan yang diberi bahawa Kerajaan tidak mempunyai cukup wang. Saya percaya bahawa perkara ini adalah satu jawapan yang sesuai yang boleh diterima tetapi sampai bila keadaan lapangan terbang ini akan ditingkatkan kepada suatu tahap yang sesuai memandangkan bahawa penumpang-penumpang ataupun pengguna-pengguna penerbangan MAS daripada Kuala Lumpur ke Ipoh, Pulau Pinang ke Ipoh ataupun Kota Bharu ke Ipoh adalah mencukupi dan sesuai dan penambahan penerbangan daripada satu masa ke satu masa menunjukkan bahawa penumpang-penumpang MAS daripada beberapa sektor yang tertentu ke Ipoh bertambah. Sayang perkara-perkara seperti yang telah

saya sebutkan tadi berlaku yang menjadikan kadangkala maka berlakulah kehampaan penumpang-penumpang untuk ke Ipoh pada masa-masa yang tertentu.

Di samping itu pula saya sangat berharap, Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi yang mengatakan Kerajaan sepatutnya tidak lagi membesarkan lapangan terbang-lapangan terbang yang ada. Saya harap lapangan terbang Ipoh ini hendaklah dikecualikan kerana perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pembesaran lapangan terbang Ipoh dan kegagalan Mac Air dan berkaitan dengan pindaan Akta ini, saya ingin mengaitkan kerjasama yang sepatutnya diberi oleh pihak DCA, pihak Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian dan juga pihak Kerajaan Negeri. Kalau kita berhajat pihak swasta ataupun orang-orang perseorangan akan turut serta dalam sektor ini, permohonan-permohonan mereka hendaklah diberi bimbingan, diberi response, dengan izin, dalam keadaan yang lebih cepat dan segera.

Dalam usaha ini bukanlah satu usaha yang kita kata senang dan mudah kerana ia melibatkan beberapa peraturan undang-undang, insurans dan sebagainya dan kalau kita melambat-lambatkan seperti contohnya saya telah diberitahu oleh pihak Mac Air pada satu ketika dahulu mereka ingin mendapat satu pendaratan di Taiping sebagai satu perhentian di perantaraan Ipoh dan Alor Setar. Beberapa tahun pihak DCA ataupun pihak Kerajaan mahupun pihak Kerajaan Negeri tidak memberi jawapan dan response yang begitu baik sehinggalah Mac Air ini berhenti daripada aktiviti mereka. Perkara-perkara seperti ini kalau kita

tidak mengambil tindakan yang wajar, yang efektif, kemungkinan apa yang kita cadangkan yang begitu baik dan begitu challenging ini, dengan izin, tidak mendapat perhatian daripada pihak swasta dan orang perseorangan yang ingin menceburkan diri dalam bidang yang kita rasakan bidang yang memerlukan kepakaran dan semangat yang begitu kuat untuk turut serta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa MAS adalah merupakan satu badan penerbangan awam kita yang boleh diberi pujian dan saya percaya bahawa walaupun terdapat banyak kebaikan tetapi ada juga kelemahan-kelemahan yang boleh diperbetulkan dan saya melihat perkara yang boleh menarik hati ialah daripada segi service di dalam penerbangan.

Saya setuju sangat sepertimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi, dalam penerbangan jarak jauh ke luar negeri kadang-kadang terdapat kakitangan penerbangan kita yang memberi layanan lebih kepada penumpang-penumpang asing tetapi adakah ini merupakan satu pendekatan yang sesuai. Mungkin disiplin kerja telah diarahkan bahawa mereka hendaklah memberi pandangan yang lebih serius kepada penumpang-penumpang asing supaya penumpang-penumpang daripada negara-negara lain tertarik hati dengan service yang diberikan kepada mereka. Tetapi terkadang-kadang dapat juga penumpang-penumpang daripada negara asing yang menggunakan penerbangan MAS kita ini mengatakan bahawa kita tidak memberi layanan yang cukup kepada mereka ini. Saya berharap perkara ini juga perlu diberi perhatian dan ini agak bercanggah dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau ataupun yang pernah dicakapkan kepada saya sendiri.

Di samping memberikan perhatian yang lebih kepada penumpang-penumpang daripada negara asing yang menggunakan penerbangan MAS kita juga berharap bahawa kakitangan penerbangan ini akan memberi layanan yang cukup, yang sama baik juga kepada rakyat daripada negara ini yang menggunakan kemudahan-kemudahan mereka.

Satu lagi, ada juga pihak penumpang-penumpang yang merungut iaitu tentang kemudahan-kemudahan yang patut diterima oleh penumpang-penumpang, hanya penumpang-penumpang yang tahu sahaja yang akan mendapat kemudahan ini seperti souvenir dan sebagainya. Penumpang-penumpang yang tidak tahu, penumpang-penumpang yang malu, penumpang-penumpang yang segan, penumpang pertama kali menggunakan kemudahan ini tidak dapat perkara-perkara seperti souvenir dan kemudahan-kemudahan lain. Saya percaya kalau ianya merupakan kita kata souvenir yang patut diberi kepada penumpang-penumpang MAS kita sama ada ianya turut serta dalam penerbangan kali pertama dalam hidupnya ataupun sudah menggunakan kemudahan MAS ini beberapa kali adalah menjadi tanggungjawab kita memberi kemudahan-kemudahan ini. Saya tidak tahu adakah dengan cara memberi kepada sesiapa yang meminta MAS dapat menyelamatkan beratus ribu ringgit dalam perkara mengambil untung terhadap orang yang tidak mengetahui. Perkara seperti ini walaupun ianya merupakan satu kejadian yang kecil tetapi ia merupakan satu tindakan advertisement—pengiklanan service yang diberi oleh kakitangan ini dengan tidak secara langsung tidak menggunakan perbelanjaan yang begitu banyak di mana pengiklanan mesti kita buat melalui suratkhobar,

Radio, TV atau promotion, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara lain.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak Kementerian ini dalam meningkatkan prestasi dan pengiklanan ataupun publicity tentang MAS kita ini. Ada setengah-setengah tempat kita pergi di negara-negara luar, mereka tidak mengetahui apakah penerbangan awam yang terdapat dalam negara kita. Mereka tahu penerbangan awam yang terdapat dalam negara jiran kita tetapi mereka tidak tahu penerbangan awam yang terdapat dalam negara kita. Mereka mengetahui terdapat pelajar-pelajar daripada negara kita di dalam negara mereka, seolah-olah negara kita ini tidak mempunyai penerbangan awam yang standard, dengan izin, yang setanding dengan penerbangan awam yang terdapat di dalam negara mereka. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta melalui Kementerian ini supaya menggunakan agensi-agensi bukan sahaja pejabat-pejabat Kedutaan kita, pejabat-pejabat Pelancongan kita, pusat-pusat Pelajaran kita di luar negeri supaya pihak MAS memberi poster pengiklanan ini terutama sekali di Amerika Syarikat umpamanya. Pada satu ketika apabila kita sampai di Selatan Amerika Syarikat mereka sudah tahu bahawa "the Golden Service" daripada MAS ini adalah merupakan service yang terbaik ataupun salah satu yang terbaik di antara penerbangan awam di dunia ini tetapi mereka tidak tahu bagaimana bentuknya simbol MAS kita. Saya harap dengan perbelanjaan dan menghantar banyak pelajar-pelajar kita ke luar negeri selain daripada kita datang berjumpa dengan mereka terutama sekali pada hari ini apabila kita sudah ada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi membuat pengiklanan yang lebih luas

ke seluruh dunia bahawa dalam kita mengejar destinasi penerbangan awam kita ini bukan sahaja kepada Los Angeles kita juga akan pergi ke mana-mana sahaja seperti penerbangan awam yang lain di negara lain yang boleh sampai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.58 ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama membahas.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mikrofon tidak menyala!

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya bangun ikuti bersama membahas Rang Undang-undang pindaan Akta Jabatan Penerbangan Awam dan sokongan saya terhadap Akta ini. Banyak di antara rakan-rakan yang turut membahaskan dalam Akta ini.

Saya ingin memberi sedikit pandangan dan cadangan agar dapat menyertai bersama di atas perbahasan Akta ini iaitu suatu cadangan ataupun pengesyoran penerbangan singkat iaitu penerbangan dalam negeri untuk kemudahan umum. Apa kiranya dapat penerbangan dibuat daripada Subang ke Senai iaitu Johor Bahru, dari Johor Bahru ke Kuantan, dari Kuantan ke Kuala Terengganu, dari Kuala Terengganu ke Kota Bharu ataupun dikirakan pendek sangat sebab itu 100 batu sahaja daripada Kuala Terengganu ke Alor Setar, dari Alor Setar ke Pulau Pinang, dari Pulau Pinang balik semula ke Subang. Jadi, ada satu penerbangan, satu hari sebiji kapal terbang yang berkeliling singgah

ke stesen-stesen ini, sebab ada di antara orang ramai yang berhajat kepada urusan-urusan yang hendak disegerakan misal kata daripada Johor Bahru ke Kuantan, dari Kuantan ke Kuala Terengganu. Jadi, maksud saya ada sebuah kapal terbang yang keliling itu.

Selain daripada itu diikutilah dengan penerbangan-penerbangan yang dibuat yang telah ada sekarang ini. Ini adalah untuk memudahkan. Kemudian kapal terbang ini juga berpusing balik iaitu daripada Kuala Lumpur ke Ipoh, Ipoh ke Pulau Pinang, Pulau Pinang ke Alor Setar ataupun ke Kota Bharu terus, Kota Bharu ke Kuala Terengganu, Kuala Terengganu ke Kuantan, Kuantan ke Senai, balik ke Subang semula. Jadi, ada sebuah kapal terbang yang begini tiap-tiap hari, misalannya.

Kedua, mengenai tempahan tempat. Selalu sangat kita apabila naik kapal terbang didapati kosong banyak, sedangkan kita tempah dikatakan sudah penuh. Kemudian kita pergilah ke waiting list. Kita pun naik kapal terbang itu, didapati kosong banyak kerana ada di antara orang-orang yang telah tempah yang dia tak datang. Oleh itu, apa kiranya dibuat sedikit perubahan iaitu penerbangan dalam negeri ini tak usah pakai tempah, terus pergi ke Airport, beli tiket, di situ terus naik kapal terbang dan pernah juga dibuat di negeri-negeri lain seperti di Amerika iaitu penumpang-penumpang dalam negeri, yang dekat-dekat tak ada pakai tempahan awal, iaitu pergi terus beli tiket, terus naik kapal terbang. Maknanya tempat beli tiket itulah booking di situ terus supaya tidak menjadi kekosongan kapal kita itu terbang. Sebab-sebab menjadi kekosongan itu ialah kerana dibuat oleh tempahan-tempahan awal itu. Selalu begitulah. Apabila orang telefon dia kata sudah penuh. Jadi, orang itu tak pergi. Apabila tak pergi—kalaulah betul-betul penuh, itu

tak mengapa juga, tetapi tak penuh, jadi rugi kepada pihak penerbangan kita. Daripada kosong begitu sahaja, untuk menukar corak ini kalau-kalau dapat kita cuba tengok secara tidak tempahan awal.

Ketiga, penerbangan ke luar negeri. Bekalan-bekalan makanan yang disajikan oleh pihak yang berkenaan dalam kapal terbang apa kiranya kalau kita dapat membekalkan makanan-makanan buah-buahan tempatan kita selain daripada durian sebab durian itu memang tidak diterima oleh kebanyakan orang selain daripada orang Asia, seperti nangka misalnya, nangka itu kita sajikan ulas-ulasnya. Ulas itu kita bungkus baik-baik, elok-elok, macam orang bungkus apple, kemudian kita sajikan. Begitu juga misalnya buah rambutan, buah duku, buah langsung. Jadi, dengan adanya pihak penerbangan kita mengambil kira buah-buahan ini dengan itu membawa kepada pekebun-pekebun buah-buahan tempatan ini mendatangkan hasil dan harganya lebih baik.

Barangkali tentu sekali bagi pihak Jabatan ini atau Kementerian ini telah pun membuat kajian ini sebelum ini mengatakan barangkali buah kita itu tak tahan, tidak seperti apple ataupun orange; tetapi ada di antaranya seperti nangka, rambutan pun begitu juga untuk satu, dua hari memang boleh tahan kerana dalam kapal terbang kita itu ada peti sejuknya. Untuk menarik perhatian ataupun untuk mencantikkan itu bolehlah dibungkus cantik-cantik, sebiji-sebiji seperti langsung, ertinya dibungkus macam coklat, bungkus cantik-cantik, rasa saya ini adalah menarik perhatian. Kemudian dalam piring yang kita saji itu letakkan sekeping kertas kecil mengatakan buah langsungkah, manggiskah, sebutkan di situ supaya dapat dikenali bahawa buah-buahan

yang ada di Malaysia ini adalah suatu tarikan yang luar biasa kepada orang-orang di luar negeri kerana saya sendiri pernah cuba ini.

Saya pernah satu masa saya pergi ke Amerika, kebetulan masa itu buah rambutan ada. Saya bawa sedikit. Dalam kapal terbang itu saya cuba makan, orang di tepi saya itu kebetulan orang Australia. Dia bertanya buah apa. Saya beri tahulah dan beri dia sebiji. Kulit rambutan yang saya makan itu saya letakkan di depan bangku kita itu sebab di situ ada tempat letak sampah-sampah. Saya tengok dia buka, minta dan ambil kulit rambutan itu hendak bawa balik, kulit buah rambutan itu. Katanya hendak tunjukkan kepada anak-anak sebab tak pernah tengok buah berbulu ini. Pelik kepada dia. Rasa saya cuba kita buat dan rasa saya ini adalah suatu pengenalan yang secara tak langsung buah-buahan kita yang ada di Malaysia ini kerana memang di Malaysia ini boleh dikatakan suatu nikmat yang Tuhan beri bahawa buah-buahan yang tidak ada dalam dunia ada di negeri kita. Umpamanya buah nangka. Ulas yang kita bungkus tadi dan kita cuba gambarkan nangka yang sebenarnya yang sebiji besar. Cari yang besar-besar, yang besar-besar geduk, yang besar-besar batang banir itu, jadi kita letakkan gambar di situ buah asli ini. Itu pun satu tarikan.

Keempat, apa kiranya pelayan-pelayan kita di dalam kapal terbang melayani orang lain dalam kapal terbang kita, kita mula buka mulut dalam Bahasa Malaysia sebagaimana Jepun buat, sebagaimana Arab buat—Inggeris memanglah, itu orang Inggeris. Ertinya pembukaan mulut, pertanyaan dalam bahasa kita, selepas itu bercakap dalam bahasa Inggeris, Peranciskah, apa yang kita boleh, tetapi mula permulaan mukadimah percakapan itu dalam bahasa kita. Ini adalah, pertama menandakan bahawa

orang Malaysia ini menghargai bahasa dirinya sendiri. Kedua, dapat juga orang tahu bahawa Bahasa Malaysia ini macam mana bunyinya kerana ada di antara dalam dunia ini orang tak tahu bahawa di Malaysia ini ada satu bahasanya sendiri.

Di antaranya baru-baru ini iaitu pada September yang lalu semasa saya di Bangsa-bangsa Bersatu, dalam perbualan masa berehat di coffee house ada orang bertanya, adakah Malaysia ini ada mempunyai bahasanya sendiri. Saya kata memang ada bahasanya sendiri. Macam mana bunyinya, dia hendak dengar bunyi macam mana. Orang yang bertanya ini orang Afrika, orang hitam daripada negeri Ghana. Jadi, rupanya dalam dunia ini banyak orang tak tahu bahawa Malaysia ini ada bahasanya sendiri. Adakah ini lari, Tuan Yang di-Pertua? Kalau lari daripada tajuk, barangkali lari sedikit agaknya, maksud saya supaya pramugari kita menggunakan bahasa kita, mula percakapan, mula bertanya, lepas itu cakaplah bahasa apa yang dia boleh. Itu maksud saya.

Jadi supaya pengenalan bahawa secara tak langsung itu memperkenalkan bahawa Malaysia ada bahasanya sendiri. Tak usahlah kita kata hendak buat seperti Jepun, kerana Jepun memang daripada awal sampai akhir dia bercakap Jepun, awak faham atau awak tak faham, dia tak kira orang yang mendengar itu faham atau tidak. Kalau kita jawab dalam bahasa Inggeris atau bahasa apa pun dijawab dalam bahasa Jepun juga.

Itu tak apalah, fasal dia negeri sudah masyhur, negara sudah terkenal dalam dunia. Kalau kita hendak buat begitu barangkali marah pula orang atau bagaimana.

Tak usahlah cara begitu, cuma kita sekalimah mukadimah sahaja. Maka inilah sahaja yang dapat saya beri pada petang ini dan saya menyokong penuh atas pindaan Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

6.11 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk turut serta dalam perbahasan berhubung dengan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

Terlebih dahulu, ingin saya menyatakan di sini bahawa saya menyokong sebarang dasar ataupun sebarang Akta yang akhirnya akan membawa manfaat kepada rakyat jelata dan negara dan pada pandangan saya pindaan Akta ini suatu Akta yang akhirnya akan membawa faedah kepada negara kita.

Maka saya dengan ini seperti juga rakan-rakan saya di sini menyokong Akta ini. Namun demikian, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan sedikit pandangan saya iaitu saya berharap dalam melaksanakan Akta ini, beberapa langkah yang munasabah dapat diambil untuk memastikan beberapa perkara yang penting iaitu pada saya, pertama sekali dari segi mutu perkhidmatan.

Saya kira pihak yang berkenaan itu perlulah menjaga dan memperbaiki mutu perkhidmatan penerbangan awam dan beberapa aspek yang ada kaitan dengan mutu perkhidmatan itu, ada yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam dan petang ini iaitu termasuklah misalnya aspek kebersihan lapangan terbang, aspek tempat rehat iaitu kalau boleh disediakan lebih banyak tempat rehat di lapangan terbang itu, bukan sahaja untuk para penumpang tetapi juga untuk orang ramai.

Aspek yang lain seperti layanan yang lebih baik kepada para penumpang, kekerapan penerbangan

dan juga saya kira sikap para pekerja yang perlulah misalnya lebih bertimbang rasa, lebih bersifat lemah lembut dan sebagainya dan dari segi jadual waktu juga saya kira satu cara untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan iaitu jadual waktu yang tepat.

Selain daripada itu, kalau boleh, saya kira ini sebagai satu industri perkhidmatan, penerbangan ini ataupun perkhidmatan penerbangan ini haruslah diperluaskan ke lebih banyak tempat di negara kita. Misalnya, dari Kuala Lumpur ke Sitiawan ataupun dari Kuala Lumpur ke Gopeng. Ini cuma aspek yang pertama berhubung dengan mutu perkhidmatan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang.....

Dr Eng Seng Chai: Saya minta penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan, boleh bagi?

Dr Ting Chew Peh: Tidak, minta maaf, saya hendak teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Saya hendak minta penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, dia minta jalan untuk penjelasan. Beri peluang.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak mahu kacau orang yang pertama kali berucap. Saya hanya hendak minta penjelasan sahaja fasal tadi saya ada dengar dia hendak minta perkhidmatan penerbangan ke Gopeng daripada Kuala Lumpur. Saya ingin tahu adakah dia akan mencadangkan di Dewan ini sebab Gopeng kawasan dia, yang baru dia menang, dia akan beri perkhidmatan itukah. Kalau dia boleh dapat untuk

pemilih-pemilihnya, itu satu kepentingan, kita akan bincang di sini juga, tetapi saya ingin bertanya, penjelasan adakah dia bercadang dalam Dewan yang mulia ini meminta daripada Ketua MCA, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan membenarkan satu perkhidmatan penerbangan kapal terbang daripada Kuala Lumpur ke Gopeng?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya kira maksud saya cukup jelas iaitu saya cuma berikan satu contoh sahaja. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, boleh.

Dr Ting Chew Peh: Aspek yang kedua yang saya maksudkan iaitu saya kira dari segi tambang iaitu kalau boleh tambang kita perlulah berpatutan. Kalau boleh tambang yang dikemukakan nanti lebih murah daripada apa yang ada sekarang. Ini bertujuan untuk memberikan lebih banyak peluang lagi kepada orang ramai untuk menikmati perkhidmatan penerbangan kita dan tambang yang murah itu juga akan membolehkan syarikat kita supaya ia dapat bersaing dengan lebih mudah lagi dengan syarikat penerbangan yang lain.

Aspek yang ketiga, berhubung dengan soal keselamatan yang juga telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam. Saya kira syarikat swasta itu nanti ataupun syarikat penerbangan kita nanti boleh berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai demi memastikan penerbangan menjadi satu cara yang paling selamat di negara kita—satu cara pengangkutan yang paling selamat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah tiga aspek iaitu mutu perkhidmatan, dari segi tambang dan dari segi soal keselamatan. Tiga aspek itu saya kira

perlu dipertimbangkan demi meningkatkan lagi mutu penerbangan kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak ada perbincangan lagi, saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan mengenai Akta Penerbangan Awam, 1969 dan begitu banyak saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Saya telah duduk mendengarnya hampir-hampir 8 jam sejak sesi semalam sehingga sesi hari ini. Saya jangka mungkin tidak dapat saya menjawab satu persatu. Mungkin ada di antaranya yang dikumpulkan bersama-sama kerana perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kebanyakannya adalah perkara yang sama tetapi bagi perkara-perkara yang didapati penting saya akan menyentuh berasingan.

Semalam Yang Berhormat yang pertama yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini ialah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang khususnya telah menitikberatkan aspek-aspek mengenai pengurusan dan penyelenggaraan Jabatan Penerbangan Awam dan juga khidmat-khidmat yang berkaitan dengannya.

Cadangan Yang Berhormat semalam supaya dipertingkatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan juga diperbaiki kawalan lalulintas udara dengan landasan-landasan pendaratan dan juga

memperbaiki sistem hawa dingin di Bangunan Terminal. Sebenarnya, perkara-perkara ini semuanya adalah sentiasa di dalam usaha-usaha dan perhatian pihak Jabatan dan bahagian-bahagian yang berkenaan dan usaha-usaha yang sesuai dan perlu sentiasa diadakan. Di samping itu Yang Berhormat juga menyentuh mengenai perubahan kepada kadar-kadar bayaran Jabatan. Kementerian akan memberikan pertimbangan teliti kepada kepentingan orang ramai dan juga pihak-pihak lain termasuklah syarikat-syarikat penerbangan, sebelum satu-satu kadar itu diluluskan iaitu kadar-kadar baru.

Bersabit dengan cukai lapangan terbang atau airport tax, dengan izin, Kementerian memang tidak pernah meluluskan pindaan tanpa mengira kepentingan orang ramai juga mengambilkira dan membandingkan dengan kadar-kadar cukai lapangan terbang di negara-negara lain yang di rantau ASEAN terutamanya.

Mengenai perkara masalah 6 bulan untuk mengkaji permintaan untuk perubahan kepada skala bayaran, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara ini, dan untuk menjawabnya saya inginlah menyatakan bahawa pihak Kementerian bukanlah sengaja hendak melengah-lengahkan atau hendak duduk atas fail-fail seperti Yang Berhormat dari Pasir Pinji kalau tidak silap saya, ataupun dari Petaling Jaya, minta maaf, tetapi adalah yang sudah menyentuh mengatakan sengaja hendak duduk atas fail-fail, saya rasa tidak seronok, saya pun tidak mahu duduk atas fail, tetapi Kementerian memerlukan masa untuk mengkaji implikasi-implikasi dan juga mengkaji kadar-kadar yang sedang dikenakan oleh lapangan-lapangan terbang lain seperti di negara-negara lain sekiranya kajian ini tidak dibuat dengan teliti, maka mungkin ianya akan

menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan menggunakan lapangan terbang kita. Jadi kita mahu Lapangan Terbang Antarabangsa subang menjadi satu destinasi utama di rantau ini dan oleh kerana itu kita mestilah mengkajinya dengan mendalam dan Kementerian juga perlu memberikan pertimbangan kepada kesan-kesan kepada industri pelancongan di negara kita dalam masalah ini.

Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menyentuh mengenai penswastaaan hendaklah dijalankan dengan betul, juga Kerajaan perlu memberikan pertimbangan yang teliti sebelum memilih syarikat-syarikat yang akan berjaya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penswastaaan dan telah juga menyatakan bahawa pemilihan syarikat-syarikat ini hendaklah diawasi sepenuhnya supaya janganlah pihak-pihak yang berkepentingan politik ataupun kawan-kawan dan sebagainya diberikan keutamaan. Saya berpendapat Kementerian serta Yang Berhormat Menteri akan menentukan bahawa perkara-perkara seperti ini tidak berlaku, dan langkah-langkah yang sesuai sedang dan akan diambil dan kajian-kajian yang teliti akan dibuat mengenai satu-satu perkara yang hendak dilaksanakan itu supaya kerja-kerja kita itu terlaksana dengan sempurna dan memuaskan semua pihak serta memberikan faedah kepada rakyat seluruhnya.

Semua pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai perkara-perkara ini akan diberikan perhatian.

Mengenai pemilihan seorang pakar penerbangan awam untuk jawatan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, memanglah pada masa ini Ketua Pengarah bukannya seorang pakar juruterbang atau pakar dalam teknik penerbangan, tetapi seperti

yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sendiri bahawa beliau dibantu dan ditolong serta dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan khidmat-khidmat pegawai-pegawai lain dalam Jabatan itu sendiri dalam bahagian-bahagian tertentu yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang teknikal. Jadi Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam setakat sehingga hari ini telah pun dapat menjalankan tugas-tugasnya selaras dengan keperluan-keperluan International Civil Aviation Organisation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan memuaskan dan diterima oleh pihak tersebut. Oleh yang demikian, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan adalah selamat dan selaras dengan keperluan-keperluan penerbangan awam dan keselamatan penerbangan awam.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa pengurusan Jabatan Penerbangan Awam dan lapangan terbang-lapangan terbang ada juga menggunakan pakar dari segi pengurusan-pengurusan. Jadi janganlah pihak-pihak Yang Berhormat dan sesiapa juga bimbang ataupun ragu-ragu atas perkara ini.

Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah membuat beberapa cadangan untuk melicinkan kegunaan lapangan terbang-lapangan terbang yang ada di negara kita ini, termasuklah mencadangkan green lane di lapangan terbang untuk memudahkan penumpang-penumpang dan juga daya usaha untuk menarik lebih pelancong ke Malaysia.

Sebenarnya, Kementerian Pengangkutan sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang baik dapat diberikan dan juga dengan usaha supaya lebih menarik banyak pelancong datang ke negara kita ini. Kementerian sendiri telah

mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan juga dengan pihak MAS sendiri dan lain-lain badan yang ada kaitan dengan pelancongan dan juga penerbangan telah pun diadakan ke arah ini.

Mengenai green lane tadi, memanglah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat balik daripada mana-mana, terutamanya daripada luar negeri, kita lalu di tempat pemeriksaan Kastam itu memang ada green lane, tetapi oleh kerana penumpang-penumpang balik dari luar negeri membawa barang-barang yang patut dicukai terpaksa melalui pemeriksaan Kastam untuk membayar cukai apabila perlu. Jadi ini rasa saya tidak dapat dielakkan di mana yang boleh dan di mana kita mampu melaksanakan usaha-usaha untuk memudahkan penumpang-penumpang, terutamanya pelancong-pelancong dari luar negeri kita akan berusaha.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membangkitkan mengenai projek yang tidak digunakan iaitu projek yang telah dilaksanakan semasa PATA yang disebutkan iaitu Lapangan Terbang di Kuala Tahan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung besok, banyak lagi?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Banyak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sambung besok.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang berhormat, sila kemukakan usul.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN—PASUKAN PETUGAS

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, perkara permohonan kewarganegaraan Malaysia selama ini telah menjadi sasaran aduan orang ramai, tetapi baru-baru ini perkara ini telah didedahkan semula, terutamanya dalam laporan akhbar-akhbar tempatan. Laporan baru-baru ini berkenaan permohonan kewarganegaraan menceritakan penderitaan dan kesusahan mereka yang terpaksa menunggu lama sehingga 7 ke 10 tahun bagi permohonan mereka dijawab oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Seringkali pertanyaan dan rayuan yang dikemukakan ke Jabatan berkenaan akan dibalas dengan jawapan yang standard, iaitu permohonan berada dalam peringkat terakhir, tiada apa lagi yang boleh dilakukan.

Persoalan yang kami suka bertanya ialah bolehkah sesuatu itu berada dalam peringkat terakhir pemerosesan

untuk selama 7 ke 10 tahun? Ini amat memeranjatkan dan ini semua kerana adanya birokrasi. Para pemohon diberitahu supaya bersabar kerana Jabatan berkenaan telah mengemukakan ke Kementerian Dalam Negeri dan ini adalah kuasa prerogative mereka. Jabatan telah menyalahkan para pemohon di masa lalu kerana tidak memberikan alamat perhubungan yang tepat dan dengan ini menyebabkan kelewatan dalam memproses permohonan mereka. Tetapi saya terpaksa menjelaskan di sini bahawa terdapat beberapa kes yang dibawa ke pengetahuan saya yang mana meskipun semua maklumat yang penuh dan tepat telah dikemukakan kepada Jabatan berkenaan, tetapi Kementerian berkenaan terpaksa mengambil masa yang panjang bagi mengeluarkan keputusannya kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

Di samping masalah kelewatan memproses permohonan kewarganegaraan, terdapat juga masalah ketidakcekapan mentadbir, mengurus oleh setengah-setengah pegawai dalam Jabatan yang berkenaan. Ini jelas terbukti dalam keputusan Mahkamah Tinggi baru-baru ini yang mengisytiharkan seorang yang bernama R. Chandrasekaran, seorang warganegara melalui kuatkuasa undang-undang, dengan izin, "by operation of law" selepas beliau berulang-alik dengan pihak berkuasa berkenaan selama 10 tahun untuk menentukan kedudukannya. Saya yakin terdapat beberapa kes lain yang sama seperti R. Chandrasekaran yang sepatutnya diberikan taraf kewarganegaraan menerusi kuatkuasa undang-undang. Akibat tersilap kepercayaan mereka tidak berhak menjadi warganegara, ramai telah memohon dan permohonan mereka juga diterima oleh pegawai-pegawai Jabatan berkenaan yang tidak cekap, yang tidak mengkaji permohonan-permohonan mereka lebih lanjut. Apabila pada akhirnya telah dipastikan

bahawa pemohon-pemohon adalah warganegara menerusi kuatkuasa undang-undang, maka beberapa banyak masa telah dibazirkan oleh pemohon, di samping kehilangan peluang-peluang pekerjaan dan mutu kehidupan yang baik.

Memandang kepada masalah di atas, saya menyeru Kementerian Dalam Negeri supaya menubuhkan satu pasukan petugas untuk meninjau masalah kelewatan memproses permohonan kewarganegaraan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Pasukan Petugas ini hendaklah juga mengawasi kecekapan pegawai-pegawai Jabatan berkenaan yang memproses permohonan-pemohonan bagi memastikan pemohon-pemohon diberikan keputusan atau nasihat yang wajar atau yang betul selaras dengan prinsip undang-undang dan keadilan. Pasukan petugas hendaklah juga mengambil langkah-langkah mengurangkan longgokan permohonan kewarganegaraan dengan tujuan menghapuskan kebimbangan semua pemohon yang terpaksa menunggu begitu lama keputusan permohonan. Seharusnya menjadi sikap Kerajaan membantu seberapa ramai pemohon yang boleh untuk mendapatkan kewarganegaraan jika mereka memenuhi kriteria dan tidak menjadikannya bertambah sulit kerana kelewatan memproses permohonan-pemohonan kewarganegaraan ataupun faktor-faktor yang lain. Sekian.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan prosedur dan syarat-syarat yang dikenakan sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Pihak Kementerian Dalam Negeri berkemampuan untuk memproses dengan teliti serta

adil sebarang permohonan kewarganegaraan yang diterima. Keupayaan pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara untuk memproses dengan teliti semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dari orang ramai, ini terbukti dengan kejayaan Kementerian memproses sebanyak 2,381,355 permohonan daripada jumlah \$2,389,645 yang diterima semenjak 31-8-1957 hingga 31-5-87.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Saya ingat masa sudah singkat sangat, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Kerana ini perkara yang rumit—kewarganegaraan. Yang Berhormat daripada Kementerian Pertanian bagaimana hendak jawab mengenai Hal Ehwal Dalam Negeri—perkara yang sangat rumit, bukan setakat KEMUBU.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertugas di Kementerian Dalam Negeri dan saya mengetahui sangat tentang kewarganegaraan. Saya bukan baru dalam masalah ini. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa Kementerian Dalam Negeri berjaya menyelesaikan 99.7% permohonan setakat ini. Pada 1-6-87 hanya sebanyak 7,290 permohonan yang masih dalam proses oleh Kementerian Dalam Negeri, termasuk juga Jabatan Pendaftaran Negara. Dengan ini juga bermakna permohonan yang tidak diproses hanya 0.3% sahaja daripada permohonan yang diterima oleh Kementerian Dalam Negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, permohonan yang diproses pada masa ini ialah permohonan-pemohonan yang telah dikemukakan pada tahun 1984 hingga sekarang sahaja.

Di atas faktor yang tersebut di atas, Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan pasukan petugas seperti yang dicadangkan memandangkan yang Kementerian ini berupaya dan mampu untuk memproses permohonan kewarganegaraan pada masa ini. Terima kasih.

PEMBUANGAN SAMPAH OLEH KERAJAAN TEMPATAN

6.38 *ptg.*

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Speaker, saya ingin menyentuh satu perkara bersabit dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan juga Kesihatan.

Tuan Speaker, selama lebih setahun beribu-ribu penduduk yang tinggal di Buntong Tiga, Buntong Jaya dan Taman Pertama di Ipoh terpaksa hidup dalam keadaan di mana mereka tidak mendapat nafas udara yang bersih dan terpaksa hidup bernafas di mana terdapat asap yang berupa racun lalat dan bau busuk oleh kerana Buntong Tiga digunakan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai tempat membuang sampah sarap. Penduduk-penduduk di situ telah lama menderita dan pihak berkuasa perlu menjalankan sesuatu untuk memastikan bahawa mereka dapat hidup dalam satu keadaan dan alam sekitar yang bebas daripada lalat, kekotoran sampah sarap, asap dan bau busuk dan seluruh kawasan itu telah dicemar oleh pihak berkuasa tempatan. Namun demikian, Kerajaan Pusat sehingga hari ini tidak melakukan sesuatu untuk memastikan penduduk-penduduk di situ dapat bernafas udara yang bersih. Oleh kerana pembuangan sampah di Buntong Tiga yang dikelilingi dengan tempat-tempat yang diduduki oleh penduduk-penduduk, maka orang-orang tua, bayi-bayi dan dewasa sering jatuh sakit dan ini menjadi

pengetahuan umum bahawa lalat adalah salah satu daripada pembawa kuman-kuman yang boleh membawa penyakit-penyakit yang merbahaya. Namun demikian, pihak Kerajaan Tempatan mahupun lain-lain Jabatan di bawah kawalan Kerajaan Pusat tidak mengambil sebarang tindakan untuk membebaskan rakyat di situ daripada lalat.

Tuan Yang di-Pertua, suri-suri rumahtangga juga bersungut kerana mereka tidak dapat masak dengan bebas kerana gangguan daripada lalat dan sering mereka mendapati bahawa lalat juga terpaksa dimasak sesama masakan-masakan lain dan juga kanak-kanak, bayi-bayi dan juga orang dewasa menghidap penyakit-penyakit kulit akibat daripada pembuangan sampah di kawasan ini. Terdapat juga pembakaran yang dibuat di kawasan itu di mana penduduk-penduduk tidak dapat tidur dengan selesa pada waktu malam. Mereka juga terpaksa bernafas udara yang penuh dengan asap dan asap ini mengandungi racun oleh kerana berbagai sampah termasuklah lead dan lain-lain bahan kimia yang dibuang dan dibakar di situ. Saya mendapat tahu daripada Kerajaan Tempatan bahawa pembakaran adalah dibuat, dengan izin, oleh scavengers. Tetapi Pihak Berkuasa Tempatan tidak mengambil sebarang tindakan untuk memastikan bahawa mereka dihentikan daripada berbuat demikian.

Juga didapati bahawa punca masalah ini adalah terletak dengan Kerajaan Tempatan dan sehingga hari ini, ahli-ahli Majlis Tempatan iaitu Perbendaharaan Ipoh daripada MCA, MIC, GERAKAN tidak peduli langsung tentang penderitaan penduduk-penduduk di situ oleh kerana mereka sendiri merupakan pengasas masalah ini dan sebagai pembayar cukai, penduduk-penduduk di situ berhak untuk mendapat udara yang bersih dan alam sekitar yang bersih.

Saya dapat tahu juga bahawa cuma ada dua tempat sahaja dalam kawasan Perbandaran Ipoh di mana lebih kurang 250 ton sampah-sarap dibuang setiap hari. Saya mencadangkan di sini supaya:

- (1) Buntong 3 diberhentikan menjadi tempat pembuangan sampah dengan serta merta;
- (2) Kerajaan Persekutuan mengarahkan Kerajaan Negeri supaya memperuntukkan sebidang tanah yang jauh daripada tempat duduk orang ramai untuk pembuangan sampah;
- (3) Sampah-sampah yang sedia ada di Buntong 2 ini ditutup dengan pasir dan batu;
- (4) Seluruh tempat pembuangan sampah sekarang ini dipagar dan ditutup supaya scavenger, dengan izin, tidak dapat mencari bahan-bahan atau membakar; dan
- (5) Kerajaan Pusat perlulah memperuntukkan satu peruntukan supaya satu projek, dengan izin, garbage disposal project bagi Ipoh dapat dilaksanakan termasuklah pembinaan incinerator ataupun mencari jalan-jalan yang lebih sesuai, lebih selamat bagi penduduk-penduduk dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

6.44 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, tapak pelupusan sampah-sarap di Buntong 2 seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh adalah merupakan tapak utama daripada tiga buah tapak pelupusan yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Ipoh untuk melepaskan sampah-sarap yang

dipungut oleh Majlis tersebut. Ianya adalah bekas tanah lombong yang keluasan lebih kurang 20 hektar. Tapak tersebut terletak 5 kilometer ke barat laut bandar Ipoh. Kedah yang digunakan untuk pelupusan sampah-sarap di tapak tersebut ialah melalui sanitary land fill. Cara ini dipilih kerana ianya merupakan cara yang paling ekonomik dan pratikal.

Semasa ianya dikenalpasti beberapa tahun dahulu untuk tujuan pelupusan sampah-sarap, tidak terdapat sebarang kediaman yang berdekatan dengan tapak tersebut. Berhampiran dengan kawasan tapak pelupusan itu, terdapat pula banyak tanah yang boleh digunakan sebagai bahan penutup untuk penutupan sampah-sarap. Walau bagaimanapun sejak dari itu rumah-rumah kediaman, termasuk rumah setinggan telah mula menapak dan mendekati kawasan tersebut. Sungguhpun demikian, dengan terdapatnya aduan terhadap operasi di tapak pelupusan tersebut, kerana pihak Majlis Perbandaran Ipoh telah berusaha untuk menjalankan operasi dengan baik dengan menutup sampah-sampah dengan yang dilupuskan secepat yang mungkin, dan menyembur racun pembunuh serangga untuk mencegah pembiakan lalat.

Baru-baru ini penduduk yang tinggal berdekatan dengan tapak pelupusan kawasan tersebut telah membuat aduan bahawa sekiranya pihak Majlis Perbandaran Ipoh berterusan mengambil tanah dari tapak tersebut untuk dijadikan bahan menutup, ianya akan membahayakan rumah kediaman mereka yang mungkin akan runtuh. Oleh kerana aduan tersebut, kegiatan mengambil tanah terpaksa dihentikan dan ini telah mengganggu operasi pelupusan di tapak tersebut. Sampah yang dilupus tidak ditutup dengan tanah pada masa yang dikehendaki dan dengan itu lalat mula membiak mengakibatkan banyak aduan daripada penduduk tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut di atas, pihak Majlis Perbandaran Ipoh sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (1) mengambil bahan-bahan penutup dari kawasan lain untuk menutup sampah-sarap yang dilupuskan di tapak pelupusan Buntong 3;
- (2) mengenalpasti tapak pelupusan yang baru untuk mengganti tapak yang berada di Buntong 3; dan
- (3) memohon bantuan luar negeri untuk menjalankan satu kajian pelan induk pengurusan sisa-sisa pepejal bagi bandar Ipoh dan sekitarnya supaya segala keperluan jangka pendek dan jangka panjang akan dirancang dan dilaksanakan secara sistematik.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Petaling Jaya, ada apa-apa?

Dr Eng Seng Chai: Tadi Yang Berhormat kata, dia hendak minta pertolongan dari luar negeri. Mengapa? Kita tidak dapat pakar sendirikah? Ini sampah punya hal pun mahu bakat luar negerikah?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita ada pakar-pakar, tetapi tentang sistem yang masih belum digunakan dalam negara kita, kita ingin menjemput pakar-pakar dari luar negeri termasuk mereka yang ada pengalaman menjalankan satu kajian untuk menyediakan pelan induk pengurusan sisa-sisa pepejal. Ini bukan pungut sampah, kita bukan mengundang pakar-pakar untuk datang memungut sampah, tetapi menjalankan kajian untuk persiapan

pelan. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi tujuan ini belum diperolehi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, penjelasan lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Berkenaan dengan menjemput pakar-pakar daripada luar, adakah pendapat ini atau ilham ini dikeluarkan oleh kerana negeri Kelantan atau negeri Terengganu telah menjemput pakar-pakar luar untuk membuat satu kajian terhadap sampah-sarap? Adakah MPI itu dapat ilham daripada negeri-negeri Kelantan atau Terengganu?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat pastikan di mana mereka dapat ilham, tetapi adalah menjadi dasar Kerajaan untuk dari masa ke semasa mengkaji sistem dan cara memungut dan menyurap sampah-sarap di seluruh negara dan beberapa Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah telah pun menjalankan kajian-kajian.

Tujuan kita ialah kajian yang begitu sesuai untuk mengatasi masalah sampah sarap pada tiap-tiap satu tempat. Bagi Majlis Perbandaran Ipoh, kajian ini belum diputuskan. Peruntukan adalah dimohon daripada Kerajaan Pusat untuk menjalankan satu kajian, bukan sahaja oleh pakar-pakar dari luar negeri, tetapi termasuk juga pakar-pakar dalam negeri dalam perkara ini.

Jadi, apabila ianya diluluskan, satu kajian akan dijalankan supaya kita dapat menentukan cara yang paling sesuai untuk mengatasi masalah ini bagi masa jangka pendek dan jangka panjang dan kita dapat laksanakan satu sistem dengan lebih sistematik untuk

mengelakkan sebarang masalah seperti tertimbul yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.